

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"PERLU diingat, bidang pengajian juga adalah satu pelaburan sepanjang hayat. Ia juga berstatus lambang dan suluh kehidupan. Sebab itu, pendidikan tidak boleh layu atau lemah, tetapi untuk selamanya, ia perlu segar dan cemerlang".

- Titah Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Yang Ke-71 Tahun Bagi Tahun 2017.



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

HADIS daripada Abu Umamah al-Bahili bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
Maksudnya : "Sesungguhnya Allah 'Azzawajalla tidak akan menerima sesuatu amalan melainkan apa yang ikhlas kepada-Nya dan yang ditujukan hanya untuk-Nya".
- (Hadis riwayat Imam an-Nasaei).

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.47

SUBUH

4.57

SYURUK

6.16

DUHA

6.39

ZUHUR

12.26

ASAR

3.41

MAGHRIB

6.33

ISYAK

7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 98

15 OGOS 2020 / 1441 ذوالحجه 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

Penambahan pengurangan langkah penjarakan sosial

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Dengan mengambil kira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang pada masa ini adalah dalam keadaan terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada Isnin, 17 Ogos 2020.

Ini dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Ke muka 4



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

COVID-19 : Catatan kekal 142 kes

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Negara Brunei Darussalam terus mencatatkan sifar kes baharu jangkitan COVID-19 setakat ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes penyakit tersebut masih

kekal seramai 142 orang, sementara satu kes masih lagi aktif.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, kes yang sembuh masih kekal 138 orang.

Ke muka 2

Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah, 19 Ogos

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Urusetia Jawatankuasa Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1442 Hijrah ingin memaklumkan bahawa Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah Peringkat Negara akan diadakan pada Rabu malam Khamis, 1 Muharam 1442 Hijrah bersamaan 19 Ogos 2020 Masihi, bermula jam 5.00 petang dengan penumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah itu juga diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait bagi Daerah Belait; Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong bagi Daerah Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Ke muka 7

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



BUFET perlu dihidangkan
oleh pekerja premis
makanan

Muka 3



KAPASITI penumpang
pengangkutan awam
dibenarkan 100 peratus

Muka 5



9,984 berdaftar
bersama SKN

Muka 6



KESEPAKATAN tunjang
kesejahteraan Kampung
Amo

Muka 26

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 14 OGOS 2020, 12.00 tengah hari


JUMLAH KES JANGKITAN 142

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 138

TALIAN NASIHAT
KESIHATAN
COVID-19

148



COVID-19 : 13 kontak terdekat Kes 142 jalani kuarantin



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (dua, kanan); Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (dua, kiri); Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kanan); dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Tidak ada kes baharu COVID-19 disahkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini menjadikan jumlah keseluruhannya masih kekal sebanyak 142 kes, manakala jumlah yang sembuh kekal 138 orang.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan,

di sini.

Sementara itu, satu kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah dalam keadaan stabil. Manakala 13 orang kontak kepada Kes 142 yang sedang menjalani arahan kuarantin (*quarantine order*) di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh kerajaan juga berada dalam keadaan sihat dan tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Di samping itu, seramai 726 sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan

oleh pihak kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 4,128 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 1,098 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 45,835 ujian.

Sehubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa kesemua 90 penumpang yang berada dalam penerbangan BI874 pada 5 Ogos 2020 bersama Kes 142 telah disahkan negatif bagi ujian SARS-CoV-2.

Dari Sidang
Pengarang.

15 OGOS 2020 BERSAMAAN 1441 ذو الحجة 24

JANGAN SIA-SIAKAN HASIL YANG DIKECAPI

SEKAL 9 Mac 2020, keadaan landskap persekitaran negara berubah dengan pengesanan kes pertama COVID-19 di negara ini. Impak akibat COVID-19 mula dirasakan dalam semua aspek seperti sekolah, masjid, premis restoran ditutup, penjarakan fizikal diperketatkan dan banyak lagi langkah-langkah berjaga-jaga dilaksanakan agar penularan wabak dapat dibendung.

Seperti juga di negara-negara lain, keadaan memaksa untuk masyarakat setempat mengadaptasi kepada norma baharu. Ia sememangnya satu cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi, namun ia mesti didepani dengan doa agar wabak ini boleh dikawal dan keselamatan masyarakat terus dipelihara.

Alhamdulillah, semua usaha-usaha ini ternyata berhasil dengan negara merekodkan sifar kes baharu penularan tempatan (*community spread*) melebihi 80 hari dan hanya satu kes import baru-baru ini menjadikan kes COVID-19 di negara ini sebanyak 142 kes, satu kes aktif setakat ini, dan tiga kematian.

Justeru, langkah-langkah *de-escalation* secara berfasa diperkenalkan mengikut kesesuaian semasa dan baru-baru ini lebih banyak kelengkapan penjarakan sosial dimaklumkan dalam pelbagai sektor.

Kita sepatutnya bersyukur kerana dengan usaha gigih kerajaan dan gandingan kerjasama sepadu yang diberikan oleh masyarakat, penularan wabak COVID-19 di negara ini terkawal.

Realiti sekarang, rutin seharian sudah berubah disebabkan wabak ini. Dengan fasa *de-escalation*, kehidupan mula kembali kepada normal, bagaimanapun pengadaptasian norma baharu masih perlu dihadapi. Kita masih perlu berjaga-jaga kerana keadaan di luar negara masih lagi menampakkan penularan berlaku dengan vaksin masih lagi dalam fasa penyelidikan. Mahu tidak mahu, inilah keadaan yang berlaku sekarang.

Yang penting sekarang ini agar keadaan terus terkawal, masyarakat perlu lebih berdisiplin dan terus mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berautoriti. Jangan leka dan lalai, malahan perlu lebih mementingkan langkah-langkah berwaspada seperti terus mengutamakan kebersihan diri, ambil langkah-langkah yang sepatutnya jika diri dalam keadaan kurang sihat, gunakan Kod QR BruHealth dan sentiasa berawas.

Jangan disia-siakan hasil yang sudah dikecapi dan yang penting kita tidak mahu penularan wabak terjadi lagi. Semoga negara akan terus dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua... Amin... Amin... Ya Rabbal Alamin... - Ketua Penyuntingan (Ss).

COVID-19 : Catatan kekal 142 kes

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

Manakala jumlah mereka yang menjalani pengasingan diri mandatori seramai 735 orang dan jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 pula adalah seramai 4,140 orang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, jumlah ujian SARS-CoV-2 yang dijalankan adalah sebanyak 733 sampel, manakala jumlah keseluruhan ujian makmal SARS-CoV-2 sejak bulan Januari 2020 adalah sebanyak 46,568 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	142		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	1	3	138

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
735	4,140

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
733 sampel	46,568 ujian

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	31 25 °C	32 26 °C
KUALA BELAIT 32 26 °C	32 26 °C	32 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App
Google Play
App Store

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OGOS	HARI	Hijrah ZULHIJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	24	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
16	AHAD	25	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
17	ISNIN	26	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.32	7.44
18	SELASA	27	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43
19	RABU	28	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43
20	KHAMIS	1 MUHARAM	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.31	7.42
21	JUMAAT	2	4.47	4.57	6.16	6.39	12.24	3.37	6.31	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991

AMBULANS 991

POLIS 993

BOMBA 995

PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Bufet perlu dihidangkan oleh pekerja premis makanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) memaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-escalation* berikutan perkembangan terkini wabak COVID-19 yang masih terkawal.

Oleh yang demikian, KHEDN ingin memaklumkan mengenai dua perkara, iaitu pertama, perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) di premis-premis makanan (fasa keempat) dan kedua pula, pawagam (fasa ketiga).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, pelaksanaan pelan *de-escalation* bagi premis-premis makanan, seperti restoran, kafe dan *food court* adalah kekal berada dalam fasa keempat, iaitu dengan mengikuti garis panduan sepertimana yang telah disampaikan semasa Sidang Media pada 22 Julai 2020 yang lalu.

Walau bagaimanapun, bermula 17 Ogos 2020 ini, penyediaan makanan secara bufet adalah dibenarkan dengan syarat, makanan bufet dihidangkan (*serve*) oleh pekerja premis makanan.

Garis panduan yang terperinci bagi perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) di premis-premis makanan dalam fasa keempat yang terkini akan dimuat naik ke Laman Sesawang KHEDN.

Di bawah pelaksanaan pelan *de-escalation* fasa ketiga bagi pawagam, jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa adalah dinaikkan kepada 80 peratus daripada jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk pawagam berkenaan dengan memastikan penjarakan fizikal pengunjung pawagam sekurang-kurangnya satu tempat duduk.

Walau bagaimanapun, pengunjung yang datang secara berkumpulan atau berkeluarga adalah dibenarkan duduk berdekatan. Di dalam fasa ketiga ini juga, kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah adalah dibenarkan untuk memasuki pawagam.

Orang ramai bolehlah merujuk garis panduan terperinci bagi pawagam dalam fasa ketiga yang akan dimuat naik ke Laman Sesawang KHEDN.

Pelaksanaan pelan *de-escalation* ini akan dilaksanakan secara berperingkat - peringkat

berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan akan situasi wabak COVID-19 di negara ini dan juga di peringkat serantau serta global.

Orang ramai akan dimaklumkan mengenai pelaksanaan pelan *de-escalation* ini selanjutnya dari semasa ke semasa. KHEDN juga ingin mengingatkan bahawa pihak-pihak yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Untuk maklumat lanjut, para pengurus premis-premis makanan dan pawagam serta orang ramai bolehlah melayari Laman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Sesawang KHEDN di www.moha.gov.bn.

Patuhi garis panduan mengadakan bazar

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Sebagaimana Sidang Media yang lalu, kebenaran diberikan untuk melaksanakan bazar di tempat-tempat perniagaan seperti di gedung perniagaan (Mall) dan bukan di tempat Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa sesi soal jawab bersama media tempatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini.

Menurut Yang Berhormat, sehingga hari ini, ramai yang sudah berminat untuk bertanya tatacara untuk mengikuti mana-mana bazar. Besar kemungkinan orang ramai sudah berminat untuk menyertai dalam masa terdekat ini.



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Pantau tahap kesihatan abiskita setiap masa

Jika abiskita mengalami demam panas, atau tanda-tanda jangkitan seperti batuk atau kesukaran bernafas, sila dapatkan rawatan dengan segera

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bufet dibenarkan dengan syarat mulai 17 Ogos

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, bermula 17 Ogos 2020 ini, penyediaan makanan secara bufet adalah dibenarkan dengan syarat, makanan bufet dihidangkan (*serve*) oleh pekerja premis makanan.

Garis panduan yang terperinci bagi perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) di premis-premis makanan dalam fasa keempat yang terkini akan dimuat naik ke Laman Sesawang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dibenarkan memasuki pawagam

Di bawah pelaksanaan pelan *de-escalation* fasa ketiga bagi pawagam, jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah dinaikkan kepada 80 peratus daripada jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk pawagam berkenaan dengan memastikan penjarakan fizikal pengunjung pawagam sekurang-kurangnya satu tempat duduk.

Walau bagaimanapun, pengunjung yang datang secara berkumpulan atau berkeluarga adalah dibenarkan duduk berdekatan. Di dalam fasa ketiga ini juga, kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah adalah dibenarkan untuk memasuki pawagam.

Orang ramai bolehlah merujuk garis panduan terperinci bagi pawagam dalam fasa ketiga yang akan dimuat naik ke Laman Sesawang KHEDN.

Warga asing masuk diberikan kebenaran khas : Harga bayaran ujian swab BND350

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengurangan harga bayaran caj ujian swab RT-PCR COVID-19 yang dikenakan kepada warga asing yang diberikan kebenaran khas untuk masuk ke negara ini, iaitu daripada BND1,000 kepada BND350 bermula pada Jumaat, 14 Ogos 2020.

Makanan berbungkus perlu dicuci sebelum digunakan

Berkemungkinan, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media berkenaan, terdapat mereka yang bertugas dijangkiti COVID-19, khususnya dalam penyediaan makanan, pembungkusan makanan dan sebagainya. Virus tersebut akan bertahan lama dalam keadaan sejuk. Oleh itu, makanan yang berbungkus perlu dicuci terlebih dahulu sebelum digunakan atau barang-barang yang diambil oleh *runner* perlu dikuarantin selama tiga hari terlebih dahulu sebelum ia diambil oleh pihak-pihak tertentu.

Jaga kebersihan, gunakan jaket keselamatan

"Tanggungjawab sosial, seperti menjaga kebersihan adalah juga meliputi pengangkutan di perairan. MTIC menyarankan kepada semua pemilik, pengusaha dan pemandu perahu penambang untuk bekerjasama dalam memastikan semua aspek kebersihan hendaklah dijaga, termasuk pembersihan bangku-bangku duduk perahu dan jaket keselamatan bagi penumpang," ujar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Keselamatan semasa menggunakan pengangkutan di perairan adalah perlu juga, tekan Yang Berhormat, dijaga dengan sentiasa menggunakan jaket keselamatan.

Kapasiti penggunaan kolam renang ditingkatkan

Bagi kolam renang, menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, pelaksanaan pelan *de-escalation* tahap kedua adalah diubah ke tahap ketiga, iaitu penggunaan ditingkatkan daripada 60 peratus menjadi 80 peratus kapasiti dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang dan penggunaan dibukakan kepada semua peringkat umur.

Selain itu, tambahnya, kolam renang akan dibukakan setiap hari dan dihadkan kepada dua jam sehari bagi setiap individu juga kolam-kolam renang di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan dibukakan, mulai jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang; dan ditutup jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang; kecuali pada Jumaat, di mana ia akan ditutup pada jam 11.30 pagi hingga jam 2.00 petang.

Manakala, hari-hari operasi bagi kolam-kolam renang lain adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Caj ujian swab BND350 bagi warga asing masuk diberikan kebenaran khas

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengurangan harga bayaran caj ujian swab RT-PCR COVID-19 yang dikenakan kepada warga asing yang diberikan kebenaran khas untuk masuk ke negara ini, iaitu daripada BND1,000 kepada BND350 bermula pada Jumaat, 14 Ogos 2020.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara

Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya.

Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketat semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut.

Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari semasa ke semasa.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga ingin menekankan dan mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika berasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Di samping itu, orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas Kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis, terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, pusat kecantikan, kedai gunting dan

lain-lain.

Oleh yang demikian, pengurus-pengurus premis berkenaan adalah dinasihatkan untuk mencetak dan memaparkan Kod QR di tempat-tempat masuk masing-masing.

Orang ramai juga disyorkan untuk mengambil serius dalam penggunaan aplikasi BruHealth, terutama sekali dalam mengimbas Kod QR ini kerana ia adalah penting bagi Kementerian Kesihatan dalam membuat pengesanan kontak (*contact tracing*) jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang masalah dalam penggunaan aplikasi BruHealth adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian 148 pada waktu bekerja (*office hours*) ataupun melalui e-mel di bruhealth.support@moh.gov.bn dan askhal@moh.gov.bn.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media berkenaan.

Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Penambahan pengurangan langkah penjarakan sosial

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, antara langkah-langkah tersebut ialah menaikkan arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) dari tahap pertama (Level 1) ke tahap kedua (Level 2); menaikkan dari tahap kedua (Level 2) ke tahap ketiga (Level 3) bagi aktiviti-aktiviti, iaitu kolam renang, panggung wayang, pusat kegiatan warga emas, perkumpulan ramai dan mengekalkan aktiviti kafe internet di tahap ketiga (Level 3).

Seterusnya, menaikkan dari tahap ketiga (Level 3) ke tahap keempat bagi aktiviti-aktiviti iaitu kelas berkeperluan khas, pusat penjagaan kanak-kanak, muzium, galeri dan perpustakaan, mengekalkan aktiviti-aktiviti berikut di tahap keempat (Level 4), masjid, surau dan balai-balai

ibadat, tempat-tempat ibadat selain masjid dan surau, sekolah pendidikan teknikal, vokasional dan tinggi, sekolah tuisyen dan sekolah muzik, sekolah memandu, gim dan pusat-pusat kecergasan, kemudahan sukan (*indoor and outdoor*), golf, restoran, kafe dan *food court*, gerai dan pasar.

Yang Berhormat turut mengongsikan beberapa syarat pengurangan langkah-langkah sosial bagi aktiviti-aktiviti tertentu, iaitu bermula 17 Ogos 2020, perkumpulan ramai adalah dibenarkan dengan keramaian tidak melebihi 200 orang sahaja.

Orang ramai boleh merujuk kepada syarat-syarat terperinci dalam garis panduan bagi perkumpulan ramai tahap tiga yang akan dimuat naik ke Laman Sesawang Kementerian Kesihatan.

Selain itu, arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) akan dibenarkan beroperasi pada kadar 60 peratus daripada kapasiti biasa pada satu-satu masa. Garis panduan bagi arked dan taman permainan kanak-kanak tahap dua akan dimuat naik ke Laman Sesawang Kementerian Kesihatan.

Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan ingin memberikan peringatan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut.

Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan, maka ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggalt 204), di mana jika didapati bersalah boleh

dikenakan denda kompaun sehingga BND5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga BND10,000 atau penjara sehingga tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan, tegas Yang Berhormat, tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

COVID-19 mampu bertahan lama dalam keadaan sejuk

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Mengenai dengan laporan di China yang menyebabkan gelombang kedua, didapati besar kemungkinan kebanyakan pekerja yang dijangkiti COVID-19 disebabkan oleh air liur, di mana air liur yang mengandungi virus tersebut jatuh di mana-mana bungkus atau makanan yang disediakan oleh mereka yang telah dijangkiti COVID-19.

Sehubungan itu, menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar sebelum ini, pihak Kementerian Kesihatan tidak membenarkan bufet kerana orang ramai akan 'bercakap-cakap' dan boleh sahaja air liur mengandungi virus mudah terjatuh kepada makanan, namun sekarang, hidangan bufet sudah dibenarkan dengan mengikuti arahan dan syarat serta nasihat Kementerian Kesihatan, seperti pelayan dikehendaki memakai sungkup muka kerana ia menjadi satu kesalahan jika tidak memakai sungkup muka, khususnya bagi pelayan-pelayan yang menghidangkan makanan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi soal jawab bersama media tempatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Berkemungkinan, jelas Yang Berhormat, terdapat mereka yang bertugas dijangkiti COVID-19, khususnya dalam penyediaan makanan, pembungkusan makanan dan sebagainya. Virus tersebut akan bertahan lama dalam keadaan sejuk. Oleh itu, makanan yang berbungkus perlu dicuci terlebih dahulu sebelum digunakan atau barang-barang yang diambil oleh *runner* perlu dikuarantin selama tiga hari terlebih dahulu sebelum ia diambil oleh pihak-pihak tertentu.

JADILAH PENGGUNA BIJAK
Gunakan **aplikasi kami**



Available on the App Store
GET IT ON Google play

SmartConsumer / PenggunaBijak

- 01 Aduan pengguna
- 02 Price Comparison*
- 03 Maklumat jualan murah dan diskaun
- 04 Ketahui mengenai perlindungan pengguna dan kawalan harga
- 05 Harga maksimum terkini bagi barangan dikawal harga

Harga di dalam Price Comparison adalah harga barangan keperluan asas harian yang diterima daripada peruncit yang ikut serta dalam inisiatif ini. Harga-harga berkenaan adalah bebas daripada campur tangan Jabatan, melainkan barangan yang dikawal harga oleh agensi-agensi kerajaan.

Maklumat lanjut mengenai aplikasi ini dan bahan-bahan perlindungan pengguna yang lain boleh diperolehi dengan melayari: www.jpes.gov.bn/cad



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa Sidang Media tersebut.

BERAKAS Khamis, 13 Ogos. - Pengusaha - pengusaha Pengangkutan Awam adalah dibenarkan untuk beroperasi 100 peratus kapasiti duduk kenderaan daripada 50 peratus sebelum ini yang akan mula berkuatkuasa pada Isnin,

Kapasiti penumpang pengangkutan awam dibenarkan 100 peratus

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

17 Ogos 2020.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam garis panduan yang dikemas kini itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan, Pengusaha Pengangkutan Awam juga penumpang-penumpang adalah masih perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh

Kementerian Kesihatan, iaitu pengusaha-pengusaha hendaklah menyediakan Kod QR BruHealth di pintu masuk dan dalam kenderaan.

Manakala penumpang tambahnya, adalah dikehendaki untuk mengimbas Kod QR Bruhealth sebelum menaiki Pengangkutan Awam dan hanya penumpang yang mempunyai kod Hijau juga Kuning sahaja dibenarkan untuk menaiki Pengangkutan Awam.

Menurutnya lagi, pemakaian sungkup muka adalah dimestikan di dalam Pengangkutan Awam sepanjang perjalanan dan pemandu juga konduktor bas adalah disarankan untuk tidak menerima penumpang-penumpang melebihi kapasiti tempat duduk

"TANGGUNGJAWAB sosial, seperti menjaga kebersihan adalah juga meliputi pengangkutan di perairan. MTIC menyarankan kepada semua pemilik, pengusaha dan pemandu perahu penambang untuk bekerjasama dalam memastikan semua aspek kebersihan hendaklah dijaga, termasuk pembersihan bangku-bangku duduk perahu dan jaket keselamatan bagi penumpang".

dan tidak menerima penumpang tambahan untuk berdiri dalam bas-bas pengangkutan awam di sepanjang perjalanan.

Garis panduan yang lengkap boleh didapati dan dimuat turun melalui Laman Sesawang Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), iaitu www.jpd.gov.bn.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, seterusnya mengingatkan kepada Pengusaha-pengusaha Pengangkutan Awam yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

"Tanggungjawab sosial, seperti menjaga kebersihan adalah juga meliputi pengangkutan di perairan. MTIC menyarankan kepada semua pemilik, pengusaha dan pemandu perahu penambang untuk bekerjasama dalam memastikan semua aspek

kebersihan hendaklah dijaga, termasuk pembersihan bangku-bangku duduk perahu dan jaket keselamatan bagi penumpang," ujarnya lagi.

Keselamatan semasa menggunakan pengangkutan di perairan adalah perlu juga, tekannya, dijaga dengan sentiasa menggunakan jaket keselamatan.

"Daripada itu, saya bagi pihak MTIC dan agensi-agensi di bawahnya ingin menyarankan bagi semua pengguna, pengusaha dan mana-mana pihak berkepentingan (*stakeholders*) di dalam sektor pengangkutan dan juga sektor infokomunikasi untuk sama-sama menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing bagi menyokong usaha kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19 mengikut garis panduan dan nasihat Kementerian Kesihatan," tambah Yang Berhormat lagi.

Sesi ujian memandu akan kembali seperti biasa

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof melahirkan ucapan penghargaan kepada semua tenaga pengajar Sekolah-sekolah Memandu dan orang ramai, khususnya ibu bapa juga calon-calon pemandu atas kerjasama dalam menangani penularan wabak COVID-19 melalui pelan *de-escalation* Sekolah-sekolah Memandu di seluruh negara, di mana pada

ketika ini adalah pada fasa keempat.

Pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya menjelaskan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengambil maklum bahawa ketika ini, terdapat beberapa ujian memandu praktikal yang belum dapat dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) disebabkan oleh penutupan

sementara yang dijalankan baru-baru ini.

Perkara tersebut, tambahnya, sedang ditangani oleh JPD dengan tambahan jumlah Pegawai Penguji dan meningkatkan kekerapan sesi ujian memandu, terutama bagi ujian praktikal, di Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar, JPD, Kampung Sungai Akar.

"InsyaaAllah, sesi ujian memandu praktikal akan kembali ke jadual, seperti biasa pada penghujung bulan Ogos ke awal bulan September ini," jelasnya lagi.

Fasa ketiga pelan de-escalation bagi kafe internet dikekalkan

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa pelan *de-escalation* bagi kafe internet adalah masih dikekalkan pada fasa ketiga.

Kementerian tersebut juga membuat penambahbaikan dalam Garis Pandu Pembukaan Semula dan Operasi Kafe Internet yang dikemas kini, bermula 1 Ogos 2020 lalu.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri

Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, penambahbaikan tersebut, antaranya adalah menghadkan jumlah pelanggan atau pengunjung dalam satu-satu masa tidak melebihi 90 peratus daripada jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*) ruang duduk premis kafe internet berkenaan dengan memastikan penjarakan fizikal dan

sosial sekurang-kurangnya satu meter sepanjang aktiviti dijalankan.

Pengusaha, juga tambahnya, dikehendaki menyediakan Kod QR BruHealth bagi pelanggan untuk mengimbas Kod QR Bruhealth sebelum memasuki premis kafe internet dan hanya pengunjung yang mempunyai kod Hijau dan Kuning sahaja dibenarkan untuk memasuki premis.

Pemakaian sungkup muka, tekannya, adalah dimestikan untuk pengusaha dan pengunjung semasa berada di dalam premis kafe internet.

Penambahbaikan SOP dibuat secara berterusan

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Berikutan satu kes kemalangan jalan raya di atas Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang mengakibatkan kehilangan nyawa seorang pekerja kontraktor yang sedang menjalankan pembaikan di atas permukaan jalan raya pada waktu malam Sabtu, 8 Ogos lalu, beberapa penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedures - SOP) telah dilaksanakan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menyatakan perkara tersebut dalam sesi soal jawab bersama media tempatan mengenai insiden berkenaan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dari segi pihak pengurusan, beberapa tindakan telah pun diambil dari segi menambah baik SOP pekerja-pekerja yang membuat kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan.

Tambahnya, penambahbaikan dibuat secara berterusan, antaranya adalah untuk memantapkan dan mengemaskinikan SOP keselamatan dan Health, Safety and Environment (HSE) untuk pekerja, selain itu, jadual pekerjaan juga perlu diselaraskan supaya kerja-kerja pembaikan jalan raya tidak dibuat semasa jambatan dipakai.

Agar insiden-insiden seperti ini tidak berlaku lagi, terangnya, semua kerja pembaikan jalan raya akan dijadualkan sejam setelah jambatan ditutup dengan memastikan semua langkah keselamatan dilaksanakan, seperti *roadworks lighting* dipasang dan *visibility procedures* hendaklah dibuat oleh pihak-pihak pekerja.

Perkara ini, jelasnya, adalah di bawah penelitian Pejabat Pengurusan Jambatan dan pihak jawatankuasa akan bersidang untuk memikirkan agar perkara-perkara dan insiden-insiden seperti ini tidak akan terjadi lagi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat, seterusnya menekankan agar orang ramai sentiasa melaksanakan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), antaranya ialah dengan menggunakan tali pinggang keledar semasa memandu kerana kebanyakan kemalangan yang berlaku yang mengakibatkan kematian adalah berpunca daripada tidak menggunakan tali pinggang keledar.

Yang Berhormat juga menyeru agar orang ramai menghormati juga tidak menularkan video-video atau maklumat-maklumat sulit dan peribadi apabila berlaku insiden sedemikian.

Beberapa perubahan, pelaksanaan perkembangan tahap pelan de-escalation bermula 17 Ogos

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Beberapa perubahan dan pelaksanaan perkembangan tahap pelan *de-escalation* akan bermula pada Isnin, 27 Zulhijah 1441 bersamaan 17 Ogos 2020 bagi pusat-pusat sukan, termasuk kolam renang dan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC), Pusat Orang Kelainan Upaya (OKU), Muzium, Galeri Pameran, Perpustakaan dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Bagi pusat-pusat sukan, jelas Yang Berhormat, tidak ada perubahan terhadap pelan *de-escalation* tahap keempat bagi gim dan *fitness centres*, fasiliti sukan tertutup (*indoor*), fasiliti sukan luar (*outdoor*) dan padang golf, sepertimana yang dimaklumkan semasa Sidang Media pada 22 Julai 2020, kecuali pengemaskinian garis panduan bagi sukan berpasukan, iaitu peningkatan daripada 10 menjadi 15 orang dalam satu kumpulan bagi menjalani program latihan sahaja.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, *organised sports* dan perlawanan (*competition*)

masih tidak dibenarkan.

Daripada aspek statistik, jelasnya, 289,096 pengunjung menggunakan pusat-pusat sukan di seluruh negara, termasuk gim dan *fitness centres*, fasiliti-fasiliti sukan, padang golf, *bowling alley* dan kolam renang sejak 16 Mei 2020.

Bagi kolam renang, menurutnya, pelaksanaan pelan *de-escalation* tahap kedua adalah diubah ke tahap ketiga, iaitu penggunaan ditingkatkan daripada 60 peratus menjadi 80 peratus kapasiti dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang dan penggunaan dibukakan kepada semua peringkat umur.

Selain itu, tambahnya, kolam renang akan dibukakan setiap hari dan dihadkan kepada dua jam sehari bagi setiap individu juga kolam-kolam renang di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan dibukakan mulai jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang dan ditutup jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang, kecuali pada Jumaat, di mana ia akan ditutup pada jam 11.30 pagi hingga jam 2.00 petang.

Manakala, hari-hari operasi bagi kolam-kolam renang lain adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

Sementara itu, bagi CCC, Pusat OKU, Muzium, Galeri Pameran dan Perpustakaan, Yang Berhormat menjelaskan, pelaksanaan pelan *de-escalation* tahap ketiga adalah diubah ke tahap keempat, iaitu CCC akan

beroperasi semula seperti biasa dengan 100 peratus kapasiti, tertakluk kepada ruang dan dibukakan kepada kanak-kanak tanpa menghadkan umur juga tidak mempunyai simptom, seperti demam, selesema atau berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang teruk.

Kebenaran bagi pusat berkenaan untuk beroperasi di tahap keempat, ujarnya, adalah tertakluk kepada kelulusan hasil pemeriksaan pihak KKBS.

Bagi Pusat OKU, terangnya, adalah dibenarkan beroperasi semula seperti biasa dengan 100 peratus kapasiti dan dibukakan kepada semua golongan OKU yang tidak mempunyai penyakit kronik.

Muzium, Galeri dan Perpustakaan pula, jelasnya, adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan kapasiti tidak melebihi 100 orang dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang berkenaan.

Manakala, bagi PKWE menurutnya, pelaksanaan pelan *de-escalation* tahap kedua adalah ditingkatkan ke tahap ketiga, iaitu penggunaan ditingkatkan daripada 60 peratus menjadi 80 peratus kapasiti dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang pusat berkenaan.

"Sukacita diingatkan bahawa syarat dan garis panduan lain bagi CCC, Pusat OKU,

Muzium-muzium, Galeri-galeri Pameran dan Perpustakaan dan PKWE adalah sama seperti yang sedang dilaksanakan.

"Dalam pada itu, sukacita sekali lagi diingatkan untuk sentiasa mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, khususnya dalam mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), penjarakan fizikal (*physical distancing*), serta memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan semua pihak.

Pemeriksaan suhu badan, pensanitasi tangan dan penggunaan aplikasi BruHealth untuk tujuan pendaftaran dan mengimbas Kod QR apabila masuk dan keluar setiap

"DALAM pada itu, sukacita sekali lagi diingatkan untuk sentiasa mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, khususnya dalam mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), penjarakan fizikal (*physical distancing*), serta memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan semua pihak. Pemeriksaan suhu badan, pensanitasi tangan dan penggunaan aplikasi BruHealth untuk tujuan pendaftaran dan mengimbas Kod QR apabila masuk dan keluar setiap pusat dan fasiliti adalah terus dilaksanakan," ujar Yang Berhormat lagi.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis pandu terperinci yang disediakan oleh KKBS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang www.kkbs.gov.bn.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika Sidang Media berkenaan.

9,984 berdaftar bersama SKN

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Seramai 9,984 mendaftar di Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan dalam masa yang sama, seramai 2,866 orang memohon bagi bantuan melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), iaitu 1,422 orang memohon melalui JAPEM dan seramai 1,444 orang pula memohon bantuan melalui MUIB.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan perkara tersebut dalam sesi soal jawab bersama media tempatan mengenai SKN pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengongsikan bahawa terdapat permasalahan yang timbul bagi sebilangan orang ramai yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam sistem tersebut.

"Ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama MUIB, *we have a task force to look into this*, di mana di semua pejabat di JAPEM menyediakan bagi orang ramai untuk diberikan bantuan untuk mendaftar atau pun mengisi permohonan," ujarnya lagi.

Setakat pada hari ini, tambahnya, lebih kurang 3,300 orang telah dibantu untuk mengisi dan mendaftar ke dalam sistem tersebut, sama ada di KKBS atau Cawangan JAPEM di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Bermula pada 4 Ogos 2020 lalu, menurutnya, pihak JAPEM telah pergi ke kampung-kampung untuk memberikan bantuan kepada mereka yang ingin memasuki SKN, di mana sebanyak 17 buah kampung dikunjungi untuk memberikan bantuan kepada orang ramai bagi mengisi atau apa jua permasalahan yang timbul.



PANDUAN UNTUK MAKANAN DIPAMERKAN SECARA TERBUKA
Seperti 'Salad bars', bahan segar & produk roti

- Sentiasa membersihkan & menyah-kuman** semua permukaan & peralatan.
- Menyediakan sanitiser tangan** untuk pelanggan yang keluar & masuk dari premis makanan.
- Produk-produk yang dipamerkan secara layan-sendiri & terbuka hendaklah disimpan didalam pembungkus plastik, *clingwrap* atau kertas.
- Penyepit makanan yang bersih mestilah digunakan oleh pelanggan yang ingin mengambil makanan dari kabinet pameran plexiglass.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

Dayang Norhaini bawa pulang Hyundai Creta



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyempurnakan penyampaian hadiah utama kepada Dayang Norhaini binti A. Haji Murni setelah berjaya memenangi hadiah utama berupa sebuah kereta Hyundai Creta pada Kempen Promosi 'Let's Celebrate 26' sempena Ulang Tahun Ke-26 Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Muiz Hakim

BERAKAS, Jumaat, 14 Ogos. - Bak kata pepatah, 'Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu', begitulah yang boleh digambarkan buat Dayang Norhaini binti A. Haji Murni setelah berjaya memenangi hadiah utama berupa sebuah kereta Hyundai Creta pada Kempen Promosi 'Let's Celebrate 26' sempena Ulang Tahun Ke-26 Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.

Cabutan Utama dan Majlis Penyampaian Hadiah bagi kempen tersebut yang berlangsung di Atrium, Airport Mall, Berakas itu menyaksikan seramai 10 pemenang membawa pulang hadiah masing-masing, termasuk hadiah wang tunai sebanyak BND2,000; komputer riba jenama Macbook Air; komputer riba jenama Acer Aspire 5; telefon bimbit jenama Samsung S10; serta baucar membeli belah yang berjumlah BND250 dan BND100, di samping hadiah utama, iaitu sebuah kereta.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah utama tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Turut menyampaikan hadiah pada majlis tersebut ialah

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.

Kempen promosi tersebut yang bermula pada 1 April 2019 lalu dan berakhir pada 31 Mac 2020 lalu itu mempromosikan tiga produk daripada anak-anak syarikat Insurans Islam TAIB General Takaful (IITGT) dan Insurans Islam TAIB Takaful Keluarga (IITFT), iaitu Takaful Motor Komprehensif (Private); Takaful Pemilik Rumah (Home Owner Takaful); dan Takaful Gadaian bagi Sewa Beli (Mortgage Takaful for Hire Purchase).

Lebih 70 hadiah dimenangi pada empat cabutan suku tahun sepanjang kempen tersebut berjalan.

Sementara itu, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. meraikan Ulang Tahun Ke-26 pada bulan Mac 2019 yang lalu.

Turut hadir pada majlis penyampaian hadiah tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah; Jawatankuasa Penasihat Syariah; Pengarah Urusan dan Pegawai-pegawai Kanan dari Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Perbadanan TAIB dan Darussalam Holdings. Sdn. Bhd.

Hadiri Mesyuarat AIPA CAUCUS Kali Ke-11



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Kali Ke-11, yang dihoskan oleh Dewan Perwakilan Republik Filipina secara dalam talian, yang turut dihadiri oleh Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri sebuah mesyuarat secara dalam talian, iaitu Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Kali Ke-11, yang dihoskan oleh Dewan Perwakilan Republik Filipina.

Tema mesyuarat kali ini, 'We Heal as One : Parliamentary Cooperation Towards Mitigating Risks and Strengthening Economic Resilience in the Period of Pandemic'.

Mesyuarat secara dalam talian tersebut berlangsung di Bilik VIP, Bangunan Dewan Majlis, di Jalan Dewan Majlis.

Mesyuarat AIPA CAUCUS kali ini, turut dihadiri lapan buah negara Ahli AIPA, termasuk Negara Brunei Darussalam, diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Turut hadir, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; juga Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arsad; dan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Mesyuarat AIPA CAUCUS tersebut membincangkan dan melaporkan perkembangan juga kemajuan implementasi resolusi-resolusi yang diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Kali Ke-40, yang diadakan pada tahun

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

lepas, di Thailand.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty membuat kenyataan mengenai pelaksanaan resolusi dibincangkan di dalam Komiti Ekonomi, Sosial dan Parlimen Wanita AIPA yang menyasarkan kepada penglibatan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam perkembangan juga pembangunan negara.

Perbincangan Mesyuarat AIPA CAUCUS Kali Ke-11 ini turut memfokuskan laporan daripada setiap negara Ahli AIPA, berkaitan dengan tema mesyuarat juga membincangkan peluang kerjasama di antara parlimen ke arah mengurangkan risiko dan mengukuhkan daya tahan ekonomi semasa menghadapi wabak COVID-19.

Secara amnya, kesemua negara Ahli AIPA bersetuju akan keperluan untuk sama-sama berjuang dalam memerangi wabak COVID-19 agar dapat

mengurangkan impak terhadap ekonomi serantau.

Rantau ASEAN perlu menumpukan dan memanfaatkan teknologi dan perdagangan secara digital.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali dalam menghadapi fasa ekonomi yang mencabar ini dan semenjak negara menerima kes pertama COVID-19, berbagai-bagai langkah dan polisi-polisi diperkenalkan untuk mengatasi krisis perniagaan, kebajikan rakyat dan institusi-institusi di negara ini.

Mesyuarat AIPA CAUCUS kali ini sebulat suara meluluskan Laporan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Kali Ke-11.

Laporan tersebut, seterusnya akan dibawa untuk diluluskan semasa Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Kali Ke-41, yang akan dihoskan oleh Viet Nam.

Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah, 19 Ogos

Dari muka 1

Dalam sama-sama mengawal dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, orang ramai dan jemaah hendaklah mematuhi garis panduan hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, iaitu mendaftar masuk menggunakan aplikasi BruHealth dan mendapat kelulusan kod Hijau dan Kuning; berwuduk sebelum ke masjid, surau dan balai ibadat; memakai sungkup muka (*face mask*); membawa tikar sembahyang bersaiz besar; mengimbas Kod QR; membuat pemeriksaan suhu badan; mensanitasi tangan dengan menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*); pengurangan penjarakan sosial dan fizikal; elakkan daripada bersalaman bersama jemaah lain; dan dilarang hadir jika mengalami tanda-tanda jangkitan.

Sementara itu, tambahan bagi majlis di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong; hendaklah menempah slot kehadiran melalui aplikasi BruHealth; dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan perempuan adalah tidak dibenarkan hadir.

Antara pengisian acara pada majlis itu nanti, membaca Doa Akhir Tahun Hijrah dan Doa Awal Tahun Hijrah.

Manakala tema bagi Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah Peringkat Negara, 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlak Memacu Pembangunan Umat'.

2 pegawai kanan dinaikkan pangkat

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Kerja Raya, Awang Norazmi bin Othman dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; dan Penolong Pengarah Kemajuan di Jabatan Kerja Raya, Dayang Salfawatty @ Nur Shafa Azahara binti Haji Md. Salleh dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kemajuan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Tarikh kenaikan pangkat pegawai-pegawai berkenaan mula berkuatkuasa pada 21 April 2020.

Gleneagles JPMC hulur sumbangan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Khamis, 13 Ogos. - Sebagai sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) Sdn. Bhd. menyampaikan



YANG Berhormat berkesempatan melihat lebih dekat akan hasil kreativiti salah sebuah persatuan yang menerima sumbangan tersebut.

sumbangan berbentuk *mock cheque*, masing-masing berjumlah BND10,000 kepada lima buah pertubuhan organisasi di negara ini. Antara lima buah organisasi tersebut, terdiri dari The Brunei Down Syndrome Association (Persatuan Sindrom Down Brunei - ABLE); An-Nur Harapan; Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; dan Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA).

Majlis berlangsung di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sumbangan tersebut dalam bentuk *mock cheque*, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Sumbangan tersebut diterima oleh wakil-wakil pertubuhan organisasi, terdiri daripada Dayang Siti Zaliha binti Haji Abu Salim selaku Timbalan Presiden ABLE; Ahli Lembaga Pengarah An-Nur Harapan, Dayang Noorsurainah binti Haji Tengah; Dayang Hajah Ja'aranah binti



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) menyerahkan sumbangan dalam bentuk *mock cheque* kepada Dayang Siti Zaliha binti Haji Abu Salim selaku Timbalan Presiden ABLE.

Haji Talip selaku Setiausaha Agung Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan NBD; Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin selaku Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan; dan Dayang Tsara'Nawwarah binti Abdullah Chen selaku Naib Pengerusi YASKA.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay dalam ucapannya menekankan fokus berterusan Gleneagles JPMC dalam menyokong inisiatif kesejahteraan masyarakat, dermawan dan kesejahteraan sosial melalui organisasi rakan

kongsi.

Walaupun pada masa yang mencabar ini, terangnya, Gleneagles JPMC terus komited lebih dari sebelumnya, tidak hanya untuk terus memberikan perawatan jantung dan rawatan terbaik untuk negara, tetapi juga berusaha untuk mendekati masyarakat di semua sektor dalam meningkatkan kesedaran dalam mempromosikan nilai-nilai sosial.

Program CSR tahun ini menggariskan komitmen dan usaha yang kuat daripada Gleneagles JPMC agar dapat terus membuat perbezaan positif terhadap masyarakat setempat dan seterusnya.

BOOKSys, ruang khusus bantu pergerakan belia

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Pusat Belia di ibu negara sekarang mempunyai sistem tempahan bernama BOOKSys bagi memberikan kemudahan pengurusan tempahan seperti ruang, bilik dan dewan di Pusat Belia khusus untuk pergerakan belia yang bergabung di bawah Majlis Belia Brunei (MBB).

Majlis Belia Brunei (MBB) merupakan salah satu rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang bergerak selaku Badan Induk kepada persatuan-persatuan belia di negara ini. Oleh yang demikian, sebuah ruang khusus telah diamanahkan kepada pihak MBB untuk dijadikan sebagai pejabat

operasi mereka.

Ruang tersebut akan digunakan khusus untuk merancang serta melaksanakan program-program kebeliaan dan sebagainya, dalam keadaan yang kondusif dan lokasi yang strategik.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said semasa memberikan ucapan alu-aluan pada Majlis Doa Kesyukuran bagi Penaiktarafan Fasiliti Pusat Belia Bandar Seri Begawan dan Pelancaran Pejabat Majlis Belia Brunei, bertempat di Dewan Silaturahmi pusat berkenaan.

Pihak KKBS, tambahnya, akan terus melangkah ke hadapan dalam

melaksanakan pelbagai inisiatif dengan menjalin kerjasama yang utuh dengan rakan-rakan strategik seperti agensi-agensi kerajaan, swasta dan persatuan-persatuan serta perusahaan-perusahaan yang diterajui oleh para belia kitani.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abridin.

Penaiktarafan fasiliti dan kemudahan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan merupakan salah sebuah Projek Jabatan Belia dan Sukan dalam perancangan Penjenamaan Semula (Rebranding) Pusat Belia.

Tetamu kehormat seterusnya menyaksikan Galeri Pameran yang mempamerkan hasil seni fotografi dan lukisan dari empat orang belia berbakat tinggi, sebelum meneruskan lawatan ke beberapa fasiliti yang telah dinaikkan taraf, seperti Dewan Silaturahmi, Bilik Sindiket dan surau.

Penaiktarafan tersebut merupakan kesinambungan kepada penaiktarafan Asrama Pusat Belia, Ruang Belia Kitani dan Shared Kitchen yang telah dibukakan semula penggunaannya.

Antara lain tujuan penaiktarafan tersebut adalah untuk membarigakan kepada orang ramai, terutama pertubuhan-pertubuhan belia, persatuan, kelab dan alumni program-program belia serta untuk dijadikan ruang galeri pameran, tempat berforum, kegiatan keagamaan mahu pun majlis-majlis rasmi.

Majlis juga menyaksikan pelancaran Pejabat Majlis Belia Brunei yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, serta pelancaran Sistem Tempahan BOOKSys



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei memotong reben bagi melancarkan Pejabat Majlis Belia Brunei, di Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

dan Program Memperkasa Keusahawanan Belia (YEEP) yang dikendalikan oleh MBB.

BOOKSys boleh diakses melalui Laman Sesawang MBB di pautan <https://majlis-belia-brunei.reservio.com>.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad; Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii; Yang Berhormat Dayang Khairunnisa

binti Awang Haji Ash'ari; Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad; Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari serta Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) semasa menyaksikan pameran seni fotografi Awang Adam bin Mohd. Hanif.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, dalam ucapan alu-aluan berharap kemudahan yang diberikan pihak kerajaan, seperti Pusat Belia Bandar Seri Begawan dapat digunakan dengan sebaiknya.





YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa berucap pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan Supervising Civil Engineer (SCE) dan Delegated Engineer (DE) Bagi MOD / ICE Training Scheme.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan pada sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Tingkat pemahaman, adaptasi teknologi, inovasi

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Pembangunan yang mampan atau *sustainable development* merupakan agenda utama dalam industri pembinaan di negara ini merangkumi pembangunan infrastruktur yang berdaya tahan, memupuk inovasi serta mempromosikan industri yang inklusif dan mampan.

Oleh yang demikian, adalah sangat mustahak bagi jurutera-jurutera yang terlibat di dalam industri tersebut untuk meningkatkan pemahaman mengenai pembangunan mampan, penggunaan teknologi terkini dan inovasi yang menyumbang kepada pengurangan kos pembinaan dan meningkatkan produktiviti serta memanjangkan kitaran hidup atau *life cycle* pembangunan dan infrastruktur.

Perkara tersebut disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap selaku

tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan Supervising Civil Engineer (SCE) dan Delegated Engineer (DE) bagi MOD / ICE Training Scheme yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Menurut Yang Berhormat, Skim Latihan Perkembangan Profesional Kementerian Pembangunan dengan kerjasama

Institution of Civil Engineer (ICE), United Kingdom telah memberikan kemudahan kepada jurutera-jurutera memperoleh kelayakan profesional sejak ia bermula pada tahun 1990-an di Jabatan Kerja Raya, yang kemudiannya dinaikkan taraf ke peringkat Kementerian Pembangunan yang menunjukkan kualiti dan standard latihan yang dijalankan setanding dengan

negara-negara lain.

Jelas Yang Berhormat lagi, peranan yang dimainkan oleh SCE dan dibantu oleh DE adalah amat penting dalam menjayakan skim tersebut dan peserta-peserta skim untuk dipastikan menerima kefahaman, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan serta mencapai tahap yang dikehendaki mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh ICE, UK.

Sementara itu, menerusi Further Learning Program ringkasnya FLP Kementerian Pembangunan kendalian bersama Universiti Teknologi Brunei bakal dimulakan

sedikit masa lagi sepertimana yang termaktub di dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018 - 2023 yang menjurus kepada Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Yang Berhormat seterusnya menyeru dan menyarankan kepada jurutera-jurutera agar sentiasa meningkatkan kemahiran, mendapatkan informasi teknologi terkini dan pengetahuan mengenai amalan terbaik serta mampu mengadaptasikan pengetahuan menerusi Lifelong Learning dalam pembangunan yang mampan.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan Surat Lantikan Supervising Civil Engineer (SCE).



29 jurutera profesional terima surat lantikan

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Dalam memberikan kemudahan kepada jurutera - jurutera untuk memperoleh kelayakan profesional bertaraf Chartered Engineer yang diiktiraf, seramai 29 orang jurutera profesional terdiri dari dua orang jurutera menerima surat lantikan Supervising Civil Engineer (SCE) dan 27 orang jurutera lagi menerima surat lantikan sebagai Delegated Engineer (DE) pada majlis yang diadakan di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian surat lantikan tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Terdahulu semasa menyampaikan kata-kata aluan, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional),

Kementerian Pembangunan selaku Pengerusi Majlis, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria berkata, lantikan SCE tersebut diperlukan bagi memenuhi keperluan skim latihan bersama Institution of Civil Engineer (ICE), UK dan dalam masa yang sama bagi membolehkan jurutera-jurutera di Kementerian Pembangunan untuk memperoleh kelulusan profesional bertaraf Chartered Engineer yang diiktiraf.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada mantan SCE, Dayang Lim Sui Kau Alice atas bimbingan dan dedikasi yang beliau sumbangkan semasa menjalankan tugas sebagai SCE dan membimbing jurutera muda mendapatkan kelulusan profesional sejak 2012 lagi.

Sementara itu, tiga lagi jurutera profesional berpengalaman turut menerima sijil penghargaan masing-masing daripada tetamu kehormat di atas tunjuk ajar kepada para jurutera muda dalam menduduki Chartered Professional Review.

Antara yang hadir pada majlis



SETIAUSAHA Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan kata-kata aluan.

tersebut ialah Country Representative daripada ICE, UK, Ir. Bahrin bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Arefin bin Jaya; Ketua-ketua Divisyen dan Unit di Kementerian Pembangunan.

SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada majlis tersebut.

COVID-19 : Jumlah kes kekal 142

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Negara Brunei Darussalam terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19 setakat ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes jangkitan tersebut masih kekal seramai 142 orang, sementara satu kes masih lagi aktif.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, kes yang sembuh masih kekal 138 orang.

Manakala jumlah mereka yang menjalani pengasingan diri mandatori ialah seramai 565 orang dan jumlah

keseluruhan mereka yang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 pula adalah seramai 4,037 orang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, jumlah ujian SARS-CoV-2 yang dijalankan adalah sebanyak 334 sampel, manakala jumlah keseluruhan ujian makmal SARS-CoV-2 sejak bulan Januari 2020 adalah sebanyak 44,737 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	142		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	1	3	138

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
565	4,037

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
334 sampel	44,737

Larangan penanaman jagung tamat 15 Ogos

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ingin merujuk kepada siaran akhbar yang dikeluarkan pada bulan Mei yang lalu mengenai dengan Serangan Ulat Ratus Fall / Fall Armyworm (FAW) pada tanaman jagung di Negara Brunei Darussalam.

Pada 17 Ramadan 1441H bersamaan dengan 7 Mei 2020M, KSSUP melalui Unit Perlindungan Tanaman, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengambil langkah pengawalan drastik untuk memutuskan kitaran hayat dan mengurangkan pembiakan Ulat Ratus Fall (nama saintifik Spodoptera Frugiperda), iaitu dengan mengeluarkan perintah bertulis kepada semua peladang jagung di negara ini bagi penghapusan atau pemusnahan tanaman jagung di ladang-ladang mereka selaras dengan peruntukan di bawah bab 13 (11) Binatang-Binatang Musuh Pertanian dan Tumbuhan-Tumbuhan Yang Merosakkan, Penggal 43.

Hasil daripada pemantauan oleh pihak jabatan berkenaan selepas tempoh pemusnahan tersebut mendapati bahawa tidak ada Ulat Ratus Fall pada kawasan bekas-bekas penanaman tanaman jagung dan termasuklah tidak ada tanda-tanda serangan pada tanaman-tanaman yang ada di sekeliling kawasan berkenaan yang berkemungkinan menjadi hos alternatif / perumah sementara kepada ulat berkenaan.

Sehubungan dengan itu, KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, sukacita ingin memaklumkan kepada larangan terhadap penanaman jagung di negara ini adalah dengan ini ditamatkan mulai daripada 24 Zulhijah 1441H bersamaan dengan 15 Ogos 2020M.


Penamatan larangan ini adalah selepas jangka masa selama tiga bulan yang ditetapkan untuk memutuskan kitaran hayat Ulat Ratus Fall secara keseluruhan.

Oleh itu, para peladang dan orang ramai adalah dengan ini dibenarkan dan dialu-alukan untuk melakukan penanaman semula bagi tanaman jagung selepas penamatan larangan pada tarikh tersebut.


Pihak KSSUP juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama padu dan kesefahaman para peladang dan orang ramai di negara ini dalam sama-sama memusnahkan tanaman jagung masing-masing bagi usaha menghapuskan populasi Ulat Ratus Fall dan melindungi industri pertanian serta mengukuhkan sekuriti makanan negara.

Eksport Bahan Kimia bulan Mei 2020 meningkat

Peratus Taburan Import Mengikut Rakan Dagangan



Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND1,302.8 juta, meningkat sebanyak 0.9 peratus daripada BND1,290.7 juta pada bulan yang sama bagi tahun 2019.

Manakala, bagi perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Mei 2020 meningkat sebanyak 13.9 peratus, berbanding dengan bulan April 2020.


Jumlah eksport meningkat

sebanyak 20.5 peratus tahun-ke-tahun kepada BND865.2 juta, berbanding BND718.1 juta pada Mei 2019 disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Kimia daripada BND20.7 juta pada Mei 2019 kepada BND235.2 juta pada Mei 2020.

Peningkatan tersebut disumbangkan, terutamanya oleh pengeluaran baharu produk kimia daripada aktiviti hiliran. Namun yang demikian, eksport Bahan Api Galian pada bulan Mei 2020 menunjukkan penurunan selaras

MENGIKUT Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan merangkumi 58.5 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh import Barang Modal (33.4 peratus) dan Barang Penggunaan (8.1 peratus). Daripada segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Malaysia (26.5 peratus), diikuti oleh Singapura, dan Republik Rakyat China (masing-masing 12.0 peratus).

Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



dengan penurunan eksport Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli disebabkan oleh penurunan jumlah isi padu dan purata harga.

Pasaran eksport terbesar bagi Negara Brunei Darussalam pada bulan Mei 2020 adalah ke Republik Rakyat China (36.2 peratus), diikuti oleh Jepun (20.3 peratus) dan Singapura (17.4 peratus).

Daripada segi komoditi eksport, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama sebanyak 70.9 peratus, diikuti dengan Kimia (27.2 peratus) dan Pelbagai Urus Niaga (0.7 peratus).

Manakala, jumlah import menurun sebanyak 23.6 peratus tahun-ke-tahun kepada BND437.6 juta.

Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (37.3 peratus), diikuti oleh Bahan Api Galian (14.6 peratus), Kimia (13.7 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang, dan Makanan (masing-masing 12.6 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan merangkumi 58.5 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh import Barang Modal (33.4 peratus) dan Barang Penggunaan (8.1 peratus).

Daripada segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Malaysia (26.5 peratus), diikuti oleh Singapura, dan Republik Rakyat China (masing-masing 12.0 peratus).

Daripada segi barangan perdagangan mengikut mod pengangkutan pada bulan Mei 2020, mod pengangkutan laut mencatatkan jumlah terbesar, iaitu sebanyak BND1,219.4 juta. Ini, diikuti oleh mod pengangkutan udara, iaitu sebanyak BND66.7 juta dan pengangkutan darat sebanyak BND16.7 juta.

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan General System bagi merekodkan perangkaan perdagangan, meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan Mei 2020 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di www.deps.gov.bn.



MARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, iaitu mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat yang terpuji dan melarang umatnya dari bersifat keji. Tuntutan yang murni adalah bagi memastikan kita umat Islam mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Dalam agama Islam, salah satu sifat keji yang amat dibenci dan tercela ialah sifat riyak.

Sesungguhnya sifat riyak itu adalah antara penyakit rohani yang sangat berbahaya. Orang-orang yang riyak, hidup dan jiwanya penuh dengan kebohongan dan kepalsuan semata-mata. Ini kerana pada hakikatnya segala amalan baik yang dilakukannya hanyalah bertujuan untuk mengharapkan pujian, sanjungan dan penghormatan daripada orang lain. Dalam erti kata lain, ia membuat sesuatu kebaikan itu bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Hal ini setentunya bertentangan dengan kehendak agama kita yang sentiasa menyeru umatnya agar beramal

atau melakukan perkara kebaikan dan amal kebajikan dengan hati yang tulus dan ikhlas semata-mata serta mengharapkan reda Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Mahmud bin Lubaid Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Allah Azza Wajalla akan berfirman pada hari kiamat kelak : Pergilah kepada orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepada-Nya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu)". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Ahmad)

Kemegahan, kemasyhuran serta lupa akan Kebesaran dan Keagungan Allah Subhanahu Wata'ala merupakan antara faktor yang mendorong seseorang itu bersifat riyak dalam kehidupannya. Perlu diketahui, lawan bagi sifat riyak adalah ikhlas, iaitu melakukan amal ibadah dan amal kebajikan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Terdapat satu hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan iktibar, iaitu mengenai tiga golongan pertama yang merasakan panasnya api Neraka Jahanam.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya manusia pertama yang akan diadili pada hari kiamat nanti ialah seorang lelaki yang mati syahid. Dia akan dibawa dan didatangkan ke hadapan Allah. Kemudian ditunjukkan segala kenikmatan yang telah diberikan kepadanya dan ia mengakuinya. Lalu Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah berperang di jalan-Mu sehingga aku mati syahid. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau berperang agar engkau dipanggil pahlawan! Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu, kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilempar ke dalam neraka.

Kemudian giliran seorang lelaki yang mempelajari ilmu, mengajarkan ia dan membaca Al-Quran. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatnya kepada lelaki itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah mempelajari ilmu, mengajarkan ilmu dan membaca

Al-Quran kerana-Mu. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau menuntut ilmu untuk dipanggil orang alim dan engkau membaca Al-Quran untuk dipanggil qari. Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu. Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilemparkan ke dalam neraka.

Kemudian giliran seorang lelaki yang Allah telah meluaskan kepadanya harta, dan dia memberikan hartanya kesemuanya kepada orang yang berhak. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatnya kepada lelaki itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Tidak aku tinggalkannya sedikit pun jalan yang mana engkau suka untuk harta dibelanjakan padanya melainkan aku membelanjakan harta aku pada jalan itu untuk-Mu. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau melakukan hal itu untuk dipanggil dermawan. Engkau telah mendapat gelaran itu kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi. Kemudian dia dilemparkan ke dalam neraka".

Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menepuk pahaku sambil berkata, "Wahai Abu Hurairah, mereka adalah manusia pertama yang merasakan panasnya api Neraka Jahanam di hari kiamat nanti". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim).

Berhati-hatilah wahai kamu Muslimin, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan dengan tujuan untuk mendapatkan sanjungan, waima kita sanggup berjihad mengorbankan nyawa dan hartanya, akan tetapi jika dilakukan dengan niat untuk mendapatkan pujian dan penghargaan, Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan memandangnya sebagai pahala sebaliknya Allah Subhanahu Wata'ala akan menempatkan dan mencampakkan orang sedemikian ke dalam neraka-Nya. Nauzubillahi Minzalik.

Bahaya sifat riyak itu telah banyak disebutkan dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya dalam Surah Al-Maun, ayat 4 - 6.

Tafsirnya : "Maka celakalah orang-orang

bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riyak".

Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa beringat dan berwaspada terhadap perkara-perkara yang boleh menghapuskan pahala amalan yang dilakukan akibat sifat riyak. Hindarkanlah diri kita daripada melakukan perkara-perkara dengan tujuan untuk disanjung dan dihargai. Ini kerana ia boleh membawa kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita sama-sama muhasabah diri dengan membetulkan niat dalam melakukan sesuatu perkara dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Apabila terdetik saja perasaan riyak dalam hati, segeralah ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon keampunan kepada-Nya.

Sama-samalah kita berdoa semoga kita terhindar dari sifat riyak, hati kita sentiasa ditetapkan dalam iman, hidup dan mati kita sentiasa dalam keimanan, dikumpulkan bersama-sama orang-orang yang beriman dan masuk ke dalam syurga bersama orang-orang yang beriman. Mudah-mudahan segala amal perbuatan yang kita lakukan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk) kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan yang lebat sehingga menjadikannya bersih licin (tidak bertanah lagi). Demikianlah juga halnya orang-orang Kafir dan riyak itu), mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang Kafir".

(Surah Al-Baqarah : ayat 264)



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop menyerahkan Agihan Zakat Modal Berusaha daripada MUIB kepada Awang Hussaini bin Mohd. Hassan (atas) dan Awang bin Matsidik (kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat perhatian daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam usaha meringankan beban kehidupan

seharian mereka.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha diadakan di dua buah tempat berasingan, di Daerah Brunei dan Muara, di sini.

2 terima bantuan MUIB



Hadir bagi menyempurnakan penyerahan agihan zakat tersebut, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Penerima pertama, Awang Hussaini bin Mohd. Hassan, yang menetap di Kampung Mulaut, menerima Peralatan Membaiki Penyaman Udara. Harapan MUIB kepada

penerima tersebut ialah supaya akan dapat meneruskan kehidupannya dalam keadaan sejahtera dan sempurna.

Manakala penerima kedua, Awang bin Matsidik, di Kampung Salar, menerima sebuah perahu dan enjin.

Dengan adanya Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha ini, adalah dihasrat akan dapat

meningkatkan lagi semangat dan usaha para penerima agar berusaha lebih gigih dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka yang lebih baik.

Kesemua peralatan yang diserahkan ialah berjumlah BND13,860.70, yang diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB.

bruneihalalfoods perkenal Flava Froot



ANTARA produk terbaharu bruneihalalfoods, iaitu minuman Flava Froot, di mana pameran jualan salah satu produk yang dilancarkan, iaitu Serenitea Flavored Green Tea dengan dua perisa, iaitu aprikot dan mangga turut diadakan, di samping kempen promosi 'Beli 2 botol dan percuma 1 botol'.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Bagi menarik dan memenuhi selera kanak-kanak, di samping menyokong 'Pilihan Lebih Sihat' dalam kandungan gula yang rendah, bruneihalalfoods memperkenalkan rangkaian produk terbaharu mereka, iaitu minuman Flava Froot.

Pelancaran minuman tersebut di diadakan di Soon Lee Mega Mart, Muara, yang disempurnakan oleh

Ketua Pegawai Eksekutif Ghanim International Corporation, Dr. Nur Rahman.

Minuman Flava Froot mengandungi 250ml setiap botol dengan menyediakan bermacam-macam perisa seperti strawberi, peach dan epal.

Turut diadakan ialah pameran jualan salah satu produk yang dilancarkan pada awal tahun ini, iaitu Serenitea Flavored Green Tea

dengan dua perisa, iaitu aprikot dan mangga.

Sebagai sebahagian daripada pelancaran tersebut, juga diadakan ialah kempen promosi 'Beli 2 botol dan percuma 1 botol'.

Dr. Nur Rahman melahirkan rasa gembira atas pengeluaran produk terbaharu mereka itu untuk bergabung dengan rangkaian portfolio produk bruneihalalfoods yang semakin meningkat, memperluaskan lagi penghasilan produk tempatan sebagai sebahagian daripada aspirasi untuk terus merealisasikan pengeluaran dan keupayaan inovasi rakan dan pengeluar tempatan.

Bekerjasama dengan rakan proaktif, mereka berharap akan dapat terus mencipta produk yang berinovatif, berkualiti tinggi, dengan harga yang kompetitif, mudah dan sihat untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dalam beberapa bulan terakhir ini, wabak COVID-19 telah membuka banyak peluang bagi produk tempatan untuk memenuhi permintaan tempatan disebabkan dengan terjejasnya aktiviti import dan rantaian bekalan runcit yang disebabkan oleh pelbagai sekatan dan penutupan kilang di seluruh wilayah.

Perkara ini bukan sahaja mencabar kemampuan produk tempatan kita untuk memenuhi permintaan yang diperlukan, tetapi juga merupakan perkembangan peluang yang signifikan untuk meningkatkan permintaan jangka pendek dan pada masa yang sama, dapat mengukuhkan pasaran tempatan dalam jangka panjang melalui persaingan antara produk tempatan dan jenama antarabangsa.

Ghanim International Corporation akan terus bekerjasama dengan para perusahaan kecil dan sederhana tempatan untuk membangun, memasarkan dan mempromosikan produk dalam menyokong aspirasi negara bagi perkembangan industri makanan, penggantian import dan eksport.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk berkenaan, sila ikuti bruneihalalfoods di Instagram mereka : @bruneihalal atau melayari laman sesawang mereka di www.brunei-halal.com.

Langkah pengurangan kawalan masih pada tahap keempat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan hormatnya memaklumkan bahawa langkah-langkah pengurangan kawalan bagi masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah masih pada tahap keempat.

Sukacita dimaklumkan kepada jemaah dan orang ramai yang akan memasuki masjid agar mematuhi panduan yang ditetapkan.

Panduan berada di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah seperti berikut, di mana jemaah masjid hendaklah mendaftar masuk menggunakan aplikasi BruHealth juga mendapat kelulusan kod Hijau dan Kuning; bagi jemaah yang ada tanda-tanda jangkitan adalah dilarang untuk hadir ke masjid; digalakkan untuk mengambil wuduk sebelum ke masjid; dan memakai sungkup muka (*face mask*), di mana Sembahyang Fardu Jumaat adalah dikehendaki, manakala Sembahyang Fardu Lima Waktu adalah sangat digalakkan.

Para jemaah juga dikehendaki membawa dan menggunakan tikar sembahyang sendiri (berukuran besar); mengimbas Kod QR; membuat pemeriksaan suhu badan; mensanitasi tangan dengan menggunakan pensanitasi tangan; pengurangan penjarakan (anggaran 1 kaki di antara tikar sembahyang di sebelah kiri dan kanan); elakkan bersalam-salaman; kanak-kanak lelaki, berumur 12 tahun ke atas adalah dibenarkan untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat; dan kanak-kanak dan perempuan adalah dibenarkan untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu.

Aktiviti Takmir Masjid juga Kelas Al-Quran dan Muqaddam adalah dibenarkan sebagaimana garis panduan yang dikeluarkan.



JEMAAH, antaranya digalakkan untuk memakai sungkup muka (*face mask*); membawa dan menggunakan tikar sembahyang sendiri (berukuran besar); dan pengurangan penjarakan (anggaran 1 kaki di antara tikar sembahyang di sebelah kiri dan kanan).

Patuhi garis panduan Kementerian Kesihatan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Sehingga kini, masih terdapat segelintir peniaga restoran dan gerai yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, namun begitu, ada juga sebahagian pelanggan yang turut ingkar dengan arahan tersebut.

Pemilik Warung Bungsunya Aji, Awang Alwi bin Dr. Haji Hamzah, yang terletak di Kampung Parit, semasa ditemu bual mengenai 'kelengkapan penyediaan makanan yang patut dipatuhi' menjelaskan, garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan adalah sangat penting untuk dipatuhi kerana ia dapat mengurangkan penyebaran jangkitan wabak COVID-19.

"Jika sikap pelanggan yang positif dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan, ia akan memudahkan Kementerian Kesihatan dalam mencari dan

menghubungi kontak terdekat dengan cepat, oleh itu, kami, sebagai peniaga juga haruslah menyokong saranan Kementerian Kesihatan bagi sama-sama membendung dan mencegah penyebaran COVID-19.

"Saranan saya kepada para peniaga lain yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan agar sentiasa mematuhi apa saja yang disarankan dan mengikut Standard Operating Procedure (SOP) kerana para peniaga juga merupakan salah satu *frontliner* dalam mencegah penularan wabak COVID-19, jika para peniaga tidak mengikut saranan Kementerian Kesihatan, besar kemungkinan para peniaga juga mudah terdedah kepada penularan COVID-19," jelasnya.

Beliau, seterusnya menjelaskan, bagi para pelanggan yang tidak mempunyai aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka, sebagai peniaga yang bertanggungjawab,

peniaga hendaklah menyediakan buku catatan untuk para pelanggan berkenaan mencatat nama dan nombor telefon mereka.

Bagi para pelanggan yang enggan mengimbas atau mencatat nama, hendaklah dinasihatkan dengan tegas kepada mereka untuk mematuhi saranan Kementerian Kesihatan yang ditetapkan, memandangkan jika mereka ingkar akan saranan berkenaan, mereka bakal berdepan dengan denda yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit.

Selain penyediaan Kod QR menerusi aplikasi BruHealth untuk para pelanggan, beliau, seterusnya menjelaskan, para peniaga juga dikehendaki untuk mengarahkan para pekerja mereka untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mencuci tangan sebelum menyediakan makanan; sentiasa memakai sungkup muka dan sarung tangan; memastikan makanan dan minuman dalam keadaan bersih; mengamalkan penjarakan sosial; memeriksa suhu badan para pelanggan yang hendak makan di dalam premis (*dine-in*); juga

menyediakan pensanitasi tangan untuk kegunaan para pelanggan yang datang.

"Sebagai Penduduk Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengingatkan supaya kita semua

sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita terhindar daripada malapetaka dan hidup di dalam kerahmatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya.



PARA pekerja dikehendaki untuk sentiasa memakai sungkup muka dan sarung tangan ketika menyediakan makanan.

MKKJR anjur Sembahyang Sunat Hajat, Ratib Al-Attas



SEMBAHYANG Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan bacaan Ratib Al-Attas diketuai oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pengiran Haji Mohd. Ismail bin Pengiran Haji Tuah.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas, yang bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Majlis ini diadakan bagi merafkan doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam sentiasa diberikan perlindungan agar terhindar daripada bala dan segala penyakit, khasnya wabak COVID-19 serta khusus untuk memohon keselamatan bagi semua pengguna jalan raya agar terpelihara daripada sebarang kemalangan.

Acara ini juga merupakan salah satu usaha berterusan MKKJR untuk memohon berkat dalam

segala usaha-usaha dan perancangannya ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya demi kesejahteraan semua.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli MKKJR serta Ketua Urusetia MKKJR, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan bacaan Ratib Al-Attas diketuai oleh Imam Surau LTAB, Pengiran Haji Mohd. Ismail bin Pengiran Haji Tuah.

Majlis ini diadakan dengan mengambil langkah-langkah kawalan penularan jangkitan

wabak COVID-19 yang masih dikuatkuasakan mengikut nasihat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam kesempatan ini, MKKJR terus menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu serta mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah.

Pemandu-pemandu juga diseru untuk sentiasa mementingkan keselamatan serta mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan untuk sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan serta tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan demi menjaga keselamatan bersama dan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Sentiasa membuat penyelenggaraan berjadual

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengingatkan orang ramai agar sentiasa membuat penyelenggaraan berjadual (*scheduled maintenance*) untuk setiap kenderaan yang digunakan.

Ini berikutan dengan kejadian kebakaran kereta yang berlaku berdekatan jejambat Lapangan Terbang Lama Berakas, pada jam 6.32 petang kelmarin.

Anggota Balai Bomba Berakas segera dikejarkan ke lokasi kejadian bersama enam anggota bomba, diketuai oleh DSO Haji Sufri bin Haji Bolaji.

Tiba di lokasi kejadian, api besar membakar keseluruhan enjin sebuah kereta, jenis Wagon, kepunyaan seorang lelaki warga asing, berbangsa Melayu, yang sempat menyelamatkan diri sebelum jentera bomba sampai.

Punca dan kerugian masih dalam siasatan, juga tidak ada kecederaan dan korban jiwa berlaku.

Sehubungan itu, JBP menyarankan kepada orang ramai agar memastikan pemasangan pendawaian bagi peralatan elektrik di kenderaan dilaksanakan oleh pekerja bengkel yang bertauliah supaya pendawaian yang dibuat itu adalah dengan cara betul dan tidak mendatangkan bahaya kebakaran.

Dinasihatkan mempunyai alat pemadam api jenis Debu Kering / Dry Chemical Powder di dalam kereta.

Bagi kenderaan yang melebihi usia tujuh tahun ke atas dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel yang mahir dan bertauliah.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat yang tepat.



KEBAKARAN memusnahkan keseluruhan enjin sebuah kereta jenis Wagon kepunyaan lelaki warga asing.

Kempen tingkat kesedaran bahaya pendakap gigi palsu

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Khamis, 13 Ogos. - Seramai enam pelajar perigian Tahun 3 dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan menganjurkan Fake Braces Awareness Campaign (FBAC).

Kempen FBAC merupakan projek yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap bahaya menggunakan pendakap gigi palsu dan mendidik masyarakat mengenai cara-cara melaporkan tentang pendakap gigi palsu serta menekankan akan kepentingan mendapatkan rawatan ortodontik yang tepat.

Sepanjang bulan Ogos, pelbagai aktiviti akan diadakan bagi meningkatkan kesedaran terhadap pendakap gigi palsu seperti Larian Virtual yang diselenggarakan bersama dengan MK Fashion,

ceramah-ceramah di sekolah, menerusi video pendidikan, pertandingan membuat poster dan kuiz mingguan di media-media sosial.

Larian Virtual, dengan membawa tema 'Run From Fake Braces' akan diadakan pada bulan September 2020. Tempoh pendaftaran akan bermula pada 12 hingga 31 Ogos 2020 melalui borang permohonan dalam talian atau *walk-in* yang akan diadakan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD, setiap Jumaat, iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi, dan 2.00 petang hingga 4.00 petang dan Sabtu, jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang dari 14 hingga 29 Ogos 2020.

Ceramah mengenai pendakap gigi juga akan diadakan di Pusat Tingkatan Enam, iaitu di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Pusat Tingkatan Enam

Sengkurong pada 17 Ogos 2020 dan 24 Ogos 2020. Ceramah tersebut akan disampaikan oleh pelajar perigian bersama dengan pakar perigian dari Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan yang dijemput khas, Dr. Maisalamah binti Haji Taha; Dr. Uday Kumar Umesan; dan Dr. Dayangku Hajah Noorsuhada binti Pengiran Haji Ismail.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pendakap gigi palsu, pertandingan poster akan diadakan dari 11 hingga 29 Ogos 2020 dan aktiviti tersebut akan membolehkan orang ramai untuk menggunakan kreativiti serta pengetahuan mereka tentang pendakap palsu, sekali gus membuat poster sama ada secara digital atau menggunakan tangan.

Video pendidikan juga akan diadakan bagi mendidik masyarakat dan menjawab segala persoalan, khususnya dalam tempoh kempen ini. Beberapa siri persoalan akan dikumpulkan daripada orang ramai

melalui lama media sosial kemudian akan dijawab oleh ortodonti dan doktor gigi dari Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan.

Bagi meningkatkan lagi kesedaran, video juga akan dimuat naik di pelbagai platform di media-media sosial. Untuk menyokong kempen, projek tersebut telah memperoleh tajaan dari pelbagai buah syarikat seperti MK Fashion, Archipelago,

Kim Engineering, Ben Foods, Oral 7, AsHs Health and Fitness, Bintang Ria, Canon dan Chocolate Origin.

Orang ramai yang berkeinginan untuk mengetahui lebih lanjut terhadap kempen dan aktiviti-aktiviti yang diadakan, awda boleh menghubungi mereka di Instagram @fbac.bn, media sosial Facebook Fake Braces Awareness Campaign atau e-mel rasmi di ubd.fbac@gmail.com.



KEMPEN ini juga mendidik masyarakat mengenai cara-cara melaporkan tentang pendakap gigi palsu serta menekankan akan kepentingan mendapatkan rawatan ortodontik yang tepat.

Awang Abdul Rahim terima agihan zakat



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop (kanan) semasa menyerahkan Agihan Zakat Peralatan Rawatan Perubatan berupa Katil Hospital kepada Awang Abdul Rahim bin Abdullah, di Kampung Selapon, Daerah Temburong.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

TEMBURONG, Khamis, 13 Ogos. - Asnaf fakir miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat perhatian Majlis Ugama

Islam Brunei (MUIB) dengan penyerahan agihan zakat peralatan rawatan perubatan bagi meringankan beban kehidupan kepada seorang penerima di Daerah Temburong, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyerahan agihan zakat tersebut, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Penerima agihan tersebut, Awang Abdul Rahim bin Abdullah, menetap di Kampung Selapon yang menerima sebuah Katil Hospital.

Selain menerima agihan zakat peralatan rawatan perubatan tersebut, beliau turut menerima agihan bulanan sebanyak BND200 sebulan bermula Mac 2020 hingga Februari 2022.

Kesemua peralatan berjumlah BND1,650 diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB.

MUIB berharap dengan adanya agihan zakat berkenaan dapat membantu penerima meneruskan kehidupan dalam keadaan sejahtera dan sempurna.

Pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry bermula 15 Ogos

Siaran Akhbar : Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membukakan pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry bagi November 2020 bermula 15 Ogos hingga 7 September 2020.

Borang yang lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, tidak lewat 7 September 2020. Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapi pada setiap Isnin hingga Khamis di sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; di sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang; dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi semasa waktu bekerja.

66 pain darah berjaya dikumpulkan

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad

MUARA, Khamis, 13 Ogos. - Hengyi Industries Sendirian Berhad (Hengyi) dengan kerjasama Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengadakan Kempen Menderma Darah (Blood Donation Drive), di Ibu Pejabat Hengyi Industries, Pulau Muara Besar, pada 12 dan 13 Ogos 2020, dari jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang.

Lebih daripada 60 kakitangan dan pengurusan Hengyi mengambil bahagian dalam aktiviti pendermaan darah yang diadakan selama dua hari itu. Sebanyak 66 pain darah berjaya dikumpulkan dan akan disumbangkan kepada Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Dalam usaha memastikan keselamatan penderma-penderma darah, tindakan pencegahan yang ketat bersesuaian dengan garis panduan dari Kementerian Kesihatan dipatuhi selama kempen berkenaan dianjurkan.

Acara tersebut menandakan pendermaan darah kedua yang dianjurkan oleh Hengyi dalam usaha syarikat tersebut melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), sekali gus meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya pendermaan darah sukarela dan bagaimana satu darah boleh menyelamatkan hingga tiga nyawa.

Hengyi merancang untuk melakukan lebih banyak aktiviti pendermaan darah pada masa yang akan datang dengan harapan ia juga akan dapat memberikan sumber inspirasi kepada masyarakat untuk terus menderma darah bagi tujuan untuk menyelamatkan nyawa.



ANTARA kakitangan dan pengurusan Hengyi yang mengambil bahagian dalam aktiviti pendermaan darah itu (atas dan bawah).



Tawaran mengikuti Kelas Muzik dibuka

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Dalam usaha untuk memperkasa lagi bidang seni muzik di negara ini, pelbagai usaha telah dilakukan bagi mempertingkatkan lagi bidang tersebut ke arah yang lebih baik dan menepati cita rasa orang ramai.

Justeru, ke arah menjadikan seni

muzik sebagai karier dan mengembangkan lagi bidang muzik di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan mengadakan Kelas Muzik Peringkat Asas.

Ia merupakan satu projek kerjasama di antara DBP dengan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS selaku tenaga pengajar.

"Kelas Muzik Peringkat Asas diadakan setiap Ahad bermula pada 6 September 2020 dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi di Perpustakaan DBP Pusat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan," ujar Pembantu Perpustakaan Tingkat I, Unit Sirkulasi dan Teknologi Maklumat, Perpustakaan DBP, KKBS, Dayang Siti Norhafizah Zatul Amal binti Haji Awang Zainal semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Menurutnya, kelas berkenaan dibuka kepada Ahli Perpustakaan yang berumur 10 hingga 20 tahun. Bagi yang belum mendaftar sebagai Ahli Perpustakaan katanya, hendaklah terlebih dahulu mendaftar di kaunter Cawangan Perpustakaan DBP terdekat atau melalui hotline perpustakaan menerusi talian +673 8266880.

Sementara itu jelasnya, borang pendaftaran boleh diperoleh dengan kod imbasan yang tertera dalam poster Kelas Muzik berkenaan atau mendaftar melalui laman sesawang bit.ly/dbpkelasmuzik.

"Kelas ini diadakan bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan mengenai bidang muzik kepada mereka yang belum pernah mengikuti sebarang Kelas Muzik dan berminat untuk mempelajarinya. Manakala kelas akan diadakan selama dua jam dalam satu sesi dan disasarkan dalam jangka masa tiga bulan peserta akan dapat bermain alat muzik," jelasnya lagi.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 31 Ogos 2020 dan pendaftaran bagi menyertai Kelas Muzik Peringkat Asas adalah percuma.



كلاس موزيك
KELAS MUZIK
PERINGKAT ASAS
BEGINNER LEVEL

MULAI
6 SEPTEMBER 2020

MASA:
SETIAP HARI AHAD
8 PAGI - 10 PAGI

TEMPAT:
PERPUSTAKAAN DBP PUSAT
JALAN ELIZABETH II
BANDAR SERI BEGAWAN

SILA IMBAS KOD QR



ATAU MELALUI LAMAN SESAWANG
bit.ly/dbpkelasmuzik
UNTUK MENDAFTAR.

- TERBUKA KEPADA AHLI PERPUSTAKAAN BERUMUR 10-20 TAHUN.
- TARIKH AKHIR PENDAFTARAN ADALAH PADA 31HB OGOS 2020.
- PENYERTAAN ORANG RAMAI ADALAH DIALU-ALUKAN DAN HENDAKLAH MENDAFTAR SEBAGAI AHLI PERPUSTAKAAN TERLEBIH DAHULU.
- UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI 8266880.

www.librarybrunei.gov.bn

@dbplibrarybsb



Apa Pendapat Biskita?

Tangani keldai dadah perlu strategi

JIKA dahulu, kerisauan ibu bapa tatkala anak ke luar negara berkisar mengenai makanan halal, kahwin orang asing, lupa diri dan agama atau tidak mahu pulang, kini ibu bapa perlu memastikan satu perkara lagi. Jangan sampai anak awda menjadi keldai dadah!

Kini saban hari di mana pun jua, kita pasti akan terdengar atau terbaca isu mengenai keldai dadah ini. Kali ini Apa Pendapat Biskita turut mendapatkan pandangan orang ramai mengenai masalah keldai dadah yang amat membimbangkan dunia.

"Keldai dadah ialah frasa yang merujuk kepada seseorang yang secara rela atau diperdaya untuk menjadi *courier*, membawa dadah atau barang seludup ke negara lain. Taktik ini mengurangkan risiko pengedar atau penyeludup dadah itu ditangkap. Kaedah penyeludupan, termasuk menyembunyikan barang dalam kenderaan, bagasi atau pakaian, mengikat pada badan ataupun dengan melennanya. Amat merisaukan sekiranya rakyat di negara kita terjebak di dalam keadaan ini ketika masuk ke negara orang. Kebiasaannya, mereka yang menjadi mangsa sebagai keldai dadah sering ditawarkan dengan pelbagai pekerjaan di luar negara, di mana mereka ini sebenarnya merupakan mangsa untuk dijadikan sebagai pengedar dan membawa masuk berniaga najis dadah. Perniagaan dadah memang menguntungkan dan memerlukan kebijaksanaan. Tambah untung jika dapat membesarkan 'perniagaan' ke luar negara. Lagi banyak negara yang ditembusi lagi hebat pulangnya. Kreativiti juga perlu untuk mengubah strategi mengikut peredaran masa supaya kelicikan tidak dihidu. Internet wadah terkini yang memudahkan pergerakan. Mungkin semakin moden, lelaki tampan, bergaya dan hebat berkata-kata sudah ketinggalan zaman ketika ini untuk digunakan bagi merekrut keldai dadah walau ia masih taktik yang paling mudah dan laku. Begitu juga menggunakan ruang bagasi, dikatakan kaedah lama untuk menyeludup dadah dan paling mudah dikesan pihak berkuasa. Terkini, taktik menggunakan sabun mandi yang ditebuk untuk dimasukkan dadah serta bingkai gambar, komputer riba dan kerusi roda juga sudah dijadikan idea. Bermakna, idea penyangak ini tidak pernah kering dalam memastikan dadah perosak bangsa dapat memenuhi permintaan ejennya. Bagaimana pula untuk kita membendung dari banyaknya mangsa-mangsa yang tidak berdosa untuk dijadikan sebagai keldai dadah ini? Apa yang perlu ialah kita, terutama sekali pada kalangan remaja, wanita dan orang yang terdesak untuk mendapatkan pekerjaan dengan bayaran gaji yang besar di luar negara, untuk jangan terpedaya, apatah lagi dengan orang yang baru dikenali. Berfikir secara rasional sebelum mengambil tindakan dan ibu bapa perlu mengambil berat terhadap kegiatan anak-anak mereka agar tidak terperangkap dalam sindiket keldai dadah ini. Selain masyarakat dan pihak yang berwajib juga perlu mengambil berat mengenai kegiatan keldai dadah ini".

- **Abu Hanafiah Haji Suhaili, BSB.**

"Pada pandangan saya, masalah keldai dadah ini satu yang amat membimbangkan kerana ia lebih menjerumus kepada para belia remaja, terutama kalangan wanita. Oleh itu, kita sebagai rakyat di negara ini dan juga pihak-pihak berwajib perlu menasihatkan warga negara ini yang ke luar negara, sama ada melancong atau bekerja supaya sentiasa mengambil langkah berhati-hati. Jangan mudah mempercayai janji atau tawaran yang disertakan pulangan lumayan sebagai ganjaran untuk ke luar negeri dan ini termasuklah sentiasa mematuhi undang-undang negara yang dilawati. Di samping itu, rakyat kita juga perlu dinasihatkan untuk mendaftar dengan perwakilan negara kita di luar negara, sama ada melalui e-mel atau datang sendiri ke pejabat perwakilan bagi membolehkan usaha untuk membantu mereka dilakukan sekiranya berlaku apa-apa bencana seperti malapetaka, kemalangan atau kematian. Ini juga bagi memudahkan keluarga mereka dihubungi. Dalam hal ini, kerajaan memang selalu mengingatkan masyarakat akibat tidak berhati-hati yang membawa padah ini melalui saluran media, tetapi kesedaran masih kurang serta tidak dihiraukan kebanyakan orang".

- **Hajah Saidah binti Haji Ali, Lugu.**

Selaku penulis di ruangan APB ini saya juga berpendapat, di mana usaha kerajaan menjadi negara bebas dadah sangat dialu-alukan, tetapi untuk mencapainya memerlukan komitmen, iltizam politik dan penyertaan sepenuhnya oleh seluruh lapisan masyarakat, termasuk ibu bapa serta guru. Golongan belia dan remaja perlu belajar menangani tekanan hidup tanpa mengambil jalan pintas dengan dijadikan keldai dadah. Pendidikan bahayanya menjadi mangsa keldai dadah dan penagihan melalui seminar, bengkel, bahan bacaan serta penerbitan berkaitan perlu diperbanyakkan, malah mereka seharusnya menyebarkan maklumat bahaya menjadi mangsa keldai dadah kepada rakan sebaya dan seluruh masyarakat.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Kesalahan Juvenil Dalam Kalangan Remaja.
ii. Industri Tradisional.

Dedahkan peserta undang-undang dalam Perintah Persaingan



SESI bergambar ramai bersama Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan bersama Pengarah Pengurusan Komersial, Muara Maritime Services Sdn. Bhd. (kanan) (atas). Sementara gambar bawah, Muara Maritime Services Sdn. Bhd. semasa menganjurkan sesi dialog melibatkan lebih daripada 55 pihak pengurusan dan kakitangan bagi mempelajari dan membincangkan mengenai undang-undang persaingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Dengan penguatkuasaan larangan Perjanjian Anti-Persaingan di bawah Perintah Persaingan yang bermula pada 1 Januari 2020 lalu, Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) mencatatkan peningkatan minat para peniaga mempelajari mengenai Perintah Persaingan.

CCBD memuji inisiatif Muara Maritime Services Sdn. Bhd. baru-baru ini dalam menganjurkan sesi dialog yang melibatkan lebih daripada 55 pihak pengurusan dan kakitangan, bagi mempelajari dan membincangkan mengenai undang-undang persaingan, khususnya amalan perolehan, dalam usaha untuk memastikan pengendalian perniagaan adalah mematuhi Perintah Persaingan.

Sekretariat Eksekutif CCBD memulakan sesi dialog dengan pengenalan konsep dan kepentingan persaingan dalam pertumbuhan ekonomi dan larangan-larangan utama Perintah Persaingan. Sesi berkenaan menghuraikan secara terperinci bagaimana persaingan memberi manfaat kepada semua peniaga, pengguna dan ekonomi secara keseluruhan.

Perkara ini menggalakkan para peniaga untuk bersaing bagi memenangi pengguna. Pembeli barangan dan perkhidmatan, sama ada persendirian atau para peniaga akan mendapat manfaat daripada harga yang kompetitif, pilihan yang lebih banyak dan kualiti yang lebih baik. Persaingan menyumbang kepada pasaran yang terbuka dan dinamik dengan peningkatan produktiviti, inovasi dan nilai yang lebih baik.

Apabila terdapatnya kekurangan persaingan, sebagai contoh, adanya kartel penetapan harga atau syarikat menyalahgunakan kedudukan dominan, kedua-dua peniaga dan pengguna akan terkesan.

Dalam menghendaki peniaga untuk mematuhi undang-undang persaingan, ia juga bertujuan untuk melindungi para peniaga daripada perlakuan antipersaingan peniaga lain.

Sesi berkenaan diteruskan dengan menerangkan mengenai amalan utama anti-persaingan yang dilarang di bawah Perintah Persaingan, termasuk empat kesalahan serius di bawah larangan Perjanjian Anti-Persaingan, iaitu (i) penetapan harga; (ii) pembahagian pasaran; (iii) pengawalan bekalan; dan (iv) tipuan bidaan.

Sesi dialog membincangkan

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

secara mendalam mengenai larangan tipuan bidaan dan kepentingan bagi pegawai-pegawai perolehan untuk sentiasa berwaspada terhadap tingkah laku kolusif penender atau calon penender yang boleh mengganggu persaingan di dalam proses perolehan melalui penentuan pemenang secara awal. Tipuan bidaan memudaratkan proses perolehan mengambilkira kesannya yang menjejaskan matlamat bagi mencapai objektif *value-for-money* dalam perolehan barangan dan perkhidmatan.

Para peserta diterangkan mengenai pelbagai bentuk tipuan bidaan, termasuk (i) bidaan yang menindas (*bid suppression*), iaitu calon penender menahan daripada menyertai tawaran bagi membolehkan penender yang ditentukan untuk memenangi tawaran berkenaan; (ii) bidaan melengkapi (*complementary bidding*), iaitu penender sengaja menghantar harga bidaan yang tinggi untuk memberi gambaran bahawa harga penender yang ditentukan untuk menang adalah kompetitif; dan (iii) bidaan bergilir (*bid rotation*), iaitu para penender mengambil urutan untuk menangi tawaran.

Penekanan diberikan terhadap kepentingan pencegahan tipuan bidaan oleh Pegawai Perolehan bagi mendukung persaingan dalam proses perolehan. Tawaran perlu direka secara teliti untuk meminimumkan risiko amalan tidak adil dan anti-persaingan di dalam bidaan melalui langkah-langkah pencegahan seperti menetapkan kriteria dengan

jelas bagi membolehkan proses persaingan yang adil dan memasukkan amaran mengenai hukuman pelanggaran Perintah Persaingan di dalam dokumen tawaran.

Sebarang kebimbangan yang berbangkit daripada tingkah laku atau kenyataan penender yang mencurigakan adalah dinasihatkan untuk dilaporkan kepada pihak CCBD dengan melengkapkan borang aduan rasmi bersama bukti yang kukuh, melalui e-mel atau Laman Sesawang CCBD di www.ccbd.gov.bn.

Sesi berkenaan juga menyaksikan dialog aktif membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan aplikasi undang-undang, termasuk beberapa amalan perniagaan yang lazim berlaku di pasaran, seperti amalan pengedar tunggal, sub-kontrak projek dan isu perlesenan.

Berdasarkan isu yang dibincangkan, adalah disimpulkan bahawa tidak semua isu berkaitan persaingan dapat diselesaikan oleh Perintah Persaingan. Kebanyakan isu yang dibangkitkan memerlukan penelitian dasar dan peraturan untuk disejajarkan dengan prinsip persaingan dan bagi memastikan proses persaingan dapat dicapai dengan hasil yang diharapkan.

Sekretariat Eksekutif CCBD boleh dihubungi melalui e-mel brunei.competition@jpes.gov.bn atau melalui talian +673 2233344 sambungan 230, 341 atau 343 bagi pertanyaan umum dan permohonan pembarigaan Perintah Persaingan.





PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar (kanan) menyerahkan Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit yang disokong penerbitannya oleh Perbadanan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada wakil penerima.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit dihasratkan dapat menjadi panduan dan amalan bagi seluruh rakyat di negara ini, khususnya yang beragama Islam.

Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara itu pada Majlis Penyerahan buku berkenaan, di Dewan Persidangan PDI, Kampung Pulaie, Berakas.

"Sebagai salah satu jabatan yang berperanan dalam menyebarkan dakwah Islamiah dan amalannya, sekali gus menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai wabak jangkitan COVID-19 pada 21 Mac 2020, PDI telah menyusun buku ini dengan menitikberatkan perkara

yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam ketika menghadapi pelbagai bentuk ujian atau musibah dengan mengikut apa yang telah digariskan oleh ajaran Islam, iaitu reda, sabar, berusaha, tawakal dan istiqamah," ujar beliau yang juga selaku Penolong Pengerusi Majlis Penyerahan Buku Panduan Menangani Wabak Penyakit.

Buku tersebut katanya, dimuatkan dengan kaifiat Sembahyang Sunat Taubat serta himpunan doa, zikir, selawat dan ayat-ayat syifa yang mudah dan sesuai diamalkan oleh umat Islam, bukan sahaja dalam usaha menolak penularan wabak ini, tetapi dalam menghadapi apa juga dugaan, musibah dan malapetaka.

Selain itu, jelasnya, berkat kepimpinan Kebawah DYMM melalui Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain berhasil mengekang penularan wabak ini, di samping usaha

50 orang terima Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit

spiritual yang berupa doa, zikir, ketaatan rakyat terhadap pemerintah memainkan peranan yang sangat jitu dalam usaha menangani wabak ini.

"Sesuai sangat kita sebagai rakyat Negara Zikir ini mengambil pendekatan yang diajarkan oleh Al-Quran, as-sunnah, mengamalkan doa-doa serta zikir-zikir yang diambil dari Al-Quran, as-sunnah dan wirid-wirid para ulama yang *mu'tabar*. Tidak syak lagi kesemua pendekatan ini menghasilkan nikmat keberhasilan yang Allah izinkan kita mengacapinya," ujarnya.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar.

Turut hadir, wakil dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), wakil-wakil penerima daripada jabatan-jabatan kerajaan, wakil-wakil perpustakaan institusi pengajian tinggi, pendidikan teknikal, sekolah - sekolah menengah, sekolah - sekolah rendah, sekolah - sekolah arab, masjid - masjid dan Pegawai-pegawai Kanan PDI.

Pada majlis itu, Buku Panduan Menangani Wabak Penyakit tersebut diserahkan kepada 50 wakil penerima yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Antara objektif majlis ini diadakan ialah untuk memanjatkan rasa

kesyukuran atas nikmat 'keberhasilan' yang Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan kepada Negara Brunei Darussalam dalam usaha menangani wabak jangkitan COVID-19 daripada terus berleluasa, sekali gus mengagihkan Buku Panduan Menghadapi Wabak Penyakit yang disokong penerbitannya oleh Perbadanan TAIB untuk sentiasa dijadikan amalan oleh seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam, khususnya yang beragama Islam bersesuaian dengan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dalam menghadapi dan menangani apa juga wabak penyakit dan malapetaka.

Isi kandungan buku ini memuatkan beberapa usaha dan amalan-amalan sunnah yang

diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mencegah dan mengawal penularan penyakit, seperti menjaga kebersihan, menjaga keselamatan makanan dan minuman, mencegah kemudaratan dan sebagainya.

Buku ini juga mengandungi amalan perubatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai ikhtiar dan usaha dalam menghadapi apa juga wabak penyakit yang berupa ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam mengenai jawapan terhadap beberapa isu berkenaan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19 yang menjadi persoalan masyarakat atau pihak tertentu juga turut dimuatkan dalam buku ini.



Berhati-hati penipuan pencurian data Instagram

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



ALI Fadlyzul Rosli, 34, pemilik bisnes dalam talian, Shop Intrend Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Pengguna-pengguna laman media sosial Instagram disarankan untuk sentiasa berhati-hati untuk tidak mempercayai dan menekan pautan yang dikirimkan oleh pihak yang tidak diketahui melalui mana-mana aplikasi media sosial, berikutan terdapatnya peningkatan akaun-akaun yang digodam (*hijack*).

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang pengguna aplikasi Instagram yang pernah digodam akaunnya, Ali Fadlyzul Rosli, 34, pemilik bisnes dalam talian, Shop Intrend Brunei.

Menurut beliau, akaun perniagaan Instagram miliknya telah digodam setelah beliau menerima pesanan daripada aplikasi WhatsApp dari nombor yang tidak dikenali yang menyatakan akaun Instagram

berkenaan akan ditutup sekiranya tidak menerima maklum balas segera melalui pautan yang disertakan.

Tanpa berfikir panjang, beliau menekan pautan berkenaan dan dalam sekelip mata akaun Instagram miliknya telah digodam dan gambar serta nama profil akaun berkenaan diubah oleh perampas akaun berkenaan.

Setelah itu, beliau menerima pesanan e-mel yang menyatakan bahawa akaun berkenaan telah diubah kata laluannya dan membuat keputusan untuk membuat laporan kepada Instagram dengan memaklumkan bahawa akaun miliknya telah dirampas.

Jelasnya, dengan bantuan rakan-rakan serta pembeli-pembeli Shop Intrend Brunei yang turut membuat laporan kepada pihak Instagram, akaun miliknya dapat diakses semula dalam tempoh tiga hari selepas dirampas.

Menurutnya, sasaran perampas akaun Instagram ini adalah akaun yang memiliki jumlah pengikut yang ramai dan mereka menggunakannya, sama ada untuk dijual atau menyebarkan mesej-mesej yang kurang baik kepada pengikut-pengikut yang terdapat dalam akaun yang

dirampas.

Di kesempatan ini, beliau turut menasihatkan para pengguna laman media sosial Instagram untuk terus berhati-hati dan tidak menekan mana-mana pautan yang dikongsikan oleh pihak-pihak yang tidak dikenali serta diragui.

Brunei Computer Emergency Response Team (BRUCERT) melalui Laman Sesawang brucert.org.bn sebelumnya pernah mengeluarkan kenyataan mengenai saranan pengguna media sosial Instagram terhadap penipuan bagi mencuri maklumat peribadi pengguna.

Dalam kenyataan tersebut menyatakan terdapatnya pelbagai taktik yang digunakan oleh pihak perampas akaun seperti menghantar mesej melalui e-mel, WhatsApp, mahupun pesanan mesej Instagram.

Secara umumnya, taktik yang digunakan adalah menggunakan pautan yang menghendaki pengguna memasukkan maklumat log masuk akaun Instagram. Melalui penipuan ini, pengguna akan hilang kawalan terhadap e-mel akaun yang digunakan bagi Instagram dan akan turut menjejaskan perkhidmatan lain yang menggunakan akaun e-mel

yang sama.

Selain itu, maklumat peribadi, dokumen kewangan dan data sensitif pengguna akan terdedah dan berkemungkinan akan dicuri atau diduplikasi. Perampas berkenaan berkemungkinan besar akan mencuba untuk menggodam akaun mangsa yang lainnya dan juga akan berusaha untuk memeras ugut mangsa.

Bagi mengelakkan dari berlakunya perkara ini, BRUCERT menyarankan pengguna media sosial untuk sentiasa berhati-hati dan tidak menekan pautan yang diberikan oleh pihak yang tidak dikenali.

Di samping itu, pengguna juga turut disarankan untuk membuat tapisan bagi senarai-senarai pengikut yang mengikuti mereka di Instagram.

Apa yang penting adalah untuk tidak memberikan nama pengguna dan kata laluan kepada pihak yang tidak dikenali dan jika berlaku, pengguna adalah disarankan untuk menukar maklumat log masuk dengan segera.

Pengguna juga disarankan untuk membuat salinan bagi e-mel penting dan memaklumkan kepada semua kontak e-mel jika e-mel yang digunakan telah digodam.

Setakat ini, jumlah pengguna Instagram di Negara Brunei Darussalam adalah 235,200, iaitu 52.4 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini, di mana 53.8 peratus darinya adalah perempuan dan 46.2 peratus adalah lelaki (sumber NapoleonCat Stats).



PENGUNA-PENGUNA laman media sosial Instagram disarankan untuk sentiasa berhati-hati untuk tidak mempercayai dan menekan pautan yang dikirimkan oleh pihak yang tidak diketahui melalui mana-mana aplikasi media sosial, berikutan terdapatnya peningkatan akaun-akaun yang digodam (*hijack*).

Aplikasi Brunei WX, beri maklumat cuaca terkini



APLIKASI Brunei WX memudahkan para pengguna mendapatkan ramalan cuaca dan laporan cuaca dari pelbagai lokasi dan tempat-tempat di Negara Brunei Darussalam bagi merancang aktiviti-aktiviti harian.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Brunei WX merupakan aplikasi bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan informasi cuaca terkini yang dihasilkan oleh Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.


Aplikasi berkenaan mudah untuk digunakan dan para pengguna boleh mendapatkan ramalan cuaca dan laporan cuaca dari pelbagai lokasi dan tempat-tempat di Negara Brunei Darussalam bagi merancang aktiviti-aktiviti harian.

Selain itu, pengguna juga boleh mendapatkan notifikasi terkini bagi ramalan, amaran dan nasihat cuaca dari Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam. Aplikasi dwibahasa ini juga mempunyai fungsi perkongsian yang membolehkan pengguna untuk mengongsikan ramalan dan amaran cuaca kepada rakan-rakan melalui media sosial.

Dengan penampilan warna yang segar, aplikasi ini juga mempunyai fungsi tetapan lokasi kegemaran yang membolehkan pengguna mengetahui keadaan terkini pada lokasi tersebut melalui bunyi notifikasi yang telah ditetapkan.

Brunei WX turut memaparkan ramalan cuaca seharian terkini; ramalan suhu tinggi dan rendah; ramalan keadaan angin seharian; ramalan cuaca enam bahagian; ramalan cuaca lima hari; bunyi notifikasi bagi cuaca ribut petir, hujan lebat dan angin kencang; nasihat cuaca; ramalan dan nasihat cuaca marin; imej-imej dan animasi radar serta tayangan animasi radar.

Di samping itu, orang ramai juga boleh mengikuti maklumat keadaan cuaca terkini dengan melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau mengikuti laman Facebook @bruneiweather, Instagram @bruneiweather atau menghubungi Peramal Kajiucua yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114.



APLIKASI Brunei WX turut memberikan maklumat mengenai air pasang dan surut juga turut memberikan gambaran imej satelit (kiri dan kanan).

15 hadir taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995



SERAMAI 15 pegawai dan kakitangan dari Istana Maintenance Department (IMD) Istana Nurul Iman, baru-baru ini menghadiri Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'F', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), di Pejabat IMD Jerudong.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Seramai 15 pegawai dan kakitangan dari Istana Maintenance Department (IMD) Istana Nurul Iman, iaitu lima orang dari Qashr Al-Meezan dan empat orang dari Istana Nurul Izzah, baru-baru ini menghadiri Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'F', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), bertempat di Pejabat IMD Jerudong.

Pada taklimat tersebut, para peserta didedahkan mengenai antara punca-punca kebakaran yang sering berlaku; beberapa cara menyelamatkan diri daripada kecemasan kebakaran; semasa cuaca ribut petir; dan semasa terperangkap di dalam arus deras. Mereka juga turut diajar secara praktikal mengangkat mangsa semasa kecemasan dan cara-cara menggunakan alat pemadam api yang betul serta selimut api.

Pada kesempatan ini, pihak JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api khusus.

Pihak JBP juga turut mengingatkan kepada orang ramai bahawa jika berlaku sebarang insiden kecemasan untuk terus hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

darah tinggi, diabetes dan masalah sukar tidur.

Epal memberi alternatif yang murah dan mudah untuk menyingkirkan toksin daripada hati, hati yang sihat mampu menjalankan tugas menyingkirkan pelbagai toksin daripada badan dan menjadikan tubuh lebih sihat.

Sementara epal merah memiliki

sejenis antioksidan yang dikenali sebagai quercetin, membantu meningkatkan sistem pertahanan badan, terutama ketika dalam keadaan tertekan.

Mereka yang mengambil epal yang kaya dengan bahan antioksidan mempunyai risiko lebih rendah untuk mendapat katarak.

Epal bermanfaat buat kesihatan



EPAL kaya dengan serat yang dikenali sebagai pektin dan sebiji epal bersaiz sederhana mempunyai kira-kira empat gram serat.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Khamis, 13 Ogos. - Epal mempunyai banyak faedah dan manfaat buat kesihatan kerana epal kaya dengan antioksidan.

Antioksidan diperlukan dalam tubuh dan epal juga mampu meningkatkan sistem imun untuk melawan penyakit.

Epal ada beberapa warna, termasuk kekuningan, hijau dan merah menyala, selain punya rasa masam manis dan manis seperti gula.

Selain dimasak begitu saja, epal boleh dimasak sebagai hidangan pencuci mulut.

Epal kaya dengan serat yang dikenali sebagai pektin dan sebiji epal bersaiz sederhana mempunyai kira-kira empat gram serat.

Pektin merupakan sejenis serat larut yang mampu ditapai dan mempunyai struktur likat yang memberikan manfaat besar buat kesihatan.

Terdapat dua jenis epal yang paling digemari ramai, iaitu Red Delicious, berwarna merah; dan

Granny Smith, berwarna hijau.

Antara manfaat epal kepada tubuh, ia mampu menggantikan sepenuhnya penggunaan berus dan ubat gigi hanya dengan menggigit dan mengunyah epal, di mana ia menggalakkan pengeluaran air liur, seterusnya mengelak masalah gigi reput, menurunkan paras bakteria dalam mulut dan menjadikan gigi lebih sihat juga putih.

Epal juga mampu membantu melindungi daripada penyakit pelupa atau Alzheimer's.

Pada masa yang sama, kandungan serat epal yang tinggi boleh melindungi seseorang daripada penyakit Parkinson's.

Kandungan flavanol yang tinggi dalam epal boleh membantu menurunkan risiko Kanser Pankreas.

Kulit epal juga mempunyai keupayaan menghalang aktiviti Kanser pada Hati, Kolon dan Dada.

Jika mengambil sebiji epal setiap

hari mempunyai risiko lebih rendah mendapat Diabetes kerana kandungan serat yang tinggi menstabilkan gula dalam darah, selain rasa kenyang lebih lama dan mengelak makan terlalu banyak.

Serat larut yang ada dalam epal juga mampu mengikat lemak yang ada dalam usus yang dapat mengelak penyerapan kolesterol yang tinggi ke dalam tubuh.

Bahan yang terdapat pada kulit epal boleh membantu menyihatkan jantung, mengelak pembentukan plak kolesterol pada dinding arteri dan melancarkan peredaran darah ke jantung.

Pembentukan batu hempedu juga dapat dielak apabila kandungan kolesterol menurun dalam tubuh.

Selalunya masalah batu karang banyak berlaku pada golongan yang mengalami kegemukan melampau. Batu hempedu terbentuk apabila terdapat terlalu banyak kolesterol dalam pundi hempedu dan ia bertukar menjadi pepejal.

Serat epal boleh membantu mengelak masalah cirit-birit atau sembelit, kerana epal mampu menarik keluar air daripada usus ataupun menyerap air berlebihan bagi membantu melancarkan pembuangan air besar.

Pengambilan kandungan serat yang tinggi mampu melegakan sakit perut dan masalah perut kembung.

Epal juga membantu mencegah masalah buasir, di mana keadaan saluran darah pada laluan dubur bengkak dan sangat menyakitkan.

Kandungan serat yang tinggi dalam epal mampu membantu mengurangkan rasa lapar, seterusnya dapat mengawal berat badan dalam jangka panjang, antaranya sakit jantung, strok,

Express Fast Food lancarkan menu baharu

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Sejak Express Fast Food pertama dibuka pada tahun 1988, restoran tersebut mengetengahkan sajian ayam gorengnya yang tersendiri (*signature fried chicken*), kentang goreng dan susu kocak (*milkshake*) yang memenuhi cita rasa para pelanggannya di seluruh Brunei.

Walau bagaimanapun, restoran makanan segera itu kini terus mengorak langkahnya dengan memperkenalkan beberapa item baharu, merangkumi Nugget ayam bakar; Chick'n Crunch Burger; Apple Pie; Milo Milkshake; dan Sundae.

Sandwich ayam terkini mereka, Chick'n Crunch Burger, dilapis dengan dua isi ayam dan disalut dengan sos khas yang pasti menjadi sesuatu yang mesti dicuba oleh pelanggan.

Terkenal dengan pai ayam mereka, Express Fast Food kini memperkenalkan pula pai epal klasik, dibakar segar setiap hari dan disajikan juga boleh dinikmati dengan begitu sahaja atau bersama ais krim vanilla lembut.

Sementara Nugget ayam bakar mereka dibuat daripada 100



EXPRESS Fast Food memperkenalkan beberapa menu baharu, merangkumi Nugget ayam bakar; Chick'n Crunch Burger; Apple Pie; Milo Milkshake; dan Sundae juga mengembalikan menu kegemaran peminat lama mereka, iaitu Beef Frankfurter.

peratus ayam segar, tersedia dalam tiga pilihan, sama ada enam atau 10 atau 20 ketul, disajikan bersama empat pilihan sos yang berbeza.

Selain itu, Express Fast Food juga mengembalikan menu kegemaran peminat lama mereka, iaitu Beef Frankfurter.

Beef Frankfurter pertama kali diperkenalkan oleh Express Fast Food lebih daripada 20 tahun lalu dan kini disajikan semula bermula 6 Ogos lalu, yang terus mendapat

sambutan hangat daripada para pelanggan mereka sehingga kini.

Selain pelancaran menu baharu, Express Fast Food dalam penjenamaannya semula secara menyeluruh turut menaik taraf tingkat satu restoran berkenaan bagi kemudahan *dine-in* yang menyediakan banyak ruang tempat duduk dengan suasana moden.

Menurut Pengurus mereka, Elvin Lim, adalah diharap dengan penjenamaan semula Express Fast

Bantu kesan Siti Maimunah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang perempuan yang keluar rumah dan dipercayai melarikan diri, Siti Maimunah binti Mohamad, berumur 26 tahun, berbangsa Melayu dan memegang kad pengenalan 01-064472.

Sehubungan itu, PPDB memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk menghubungi Balai Polis Muara menerusi talian +673 2772333 atau Talian Kecemasan 993 dan mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



SITI Maimunah binti Mohamad, berumur 26 tahun yang keluar rumah dan dipercayai melarikan diri.

Food itu akan terus diterima baik oleh para pelanggan dan berusaha untuk meningkatkan produk juga memberikan perkhidmatan terbaik mereka, di samping berharap agar para pelanggan akan terus menyokong

restoran makanan segera tempatan Brunei, Express Fast Food. Untuk maklumat lebih lanjut dan berita menarik, ikuti Instagram dan Facebook di @expressbrunei atau hubungi +673 223 7253.

Viral Foundation Ct Asran terus dapat sambutan hangat

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Produk kosmetik tempatan, Viral Foundation by Ct Asran Makeover masih mendapat sambutan hangat daripada orang ramai, meskipun produk tersebut sudah lama tular sejak penghujung tahun 2018.

Menurut pengasas produk kosmetik berkenaan, Dayang Hajah Rohani binti Haji Abdul Wahab, produk rumusan beliau sendiri itu, bukan sahaja mendapat sambutan di negara ini, malahan mendapat permintaan yang tinggi di negara jiran, Malaysia.

"Daripada maklum balas yang kami terima daripada para pelanggan, produk ini membantu mereka mengatasi masalah kulit wajah, seperti jeragat," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau berkata, sesetengah produk kosmetik yang dijual di pasaran adalah berasaskan minyak dan tidak sesuai dengan keadaan iklim di negara ini, yang panas.

"Oleh itu, saya menghasilkan produk alas bedak yang berasaskan air dan jenis *matte*. Walaupun kulit wajah akan kelihatan *glowing* selepas menggunakannya selama lima hingga enam jam, namun ia masih nampak semula jadi," katanya.

Dalam pada itu, beliau berasa bersyukur kerana setakat ini, kira-kira 5,000 maklum balas positif diterimanya daripada pelanggan produk tersebut.

Beliau yang juga berpengalaman



PENGASAS Viral Foundation by Ct Asran Makeover, Dayang Hajah Rohani binti Haji Abdul Wahab (kiri). Manakala gambar kanan, antara produk-produk beliau.

sebagai jurusolek, berkata, idea bagi memasarkan produk berkenaan bermula selepas memperkenalkannya di kelas solekan yang beliau jalankan.

"Saya ingin membantu masalah kulit wajah yang dihadapi oleh para pelajar kelas itu. Pada mulanya, saya hanya membuat produk ini untuk kegunaan peribadi sahaja dan bukan untuk dijual.

"Antara yang menyertai kelas mekap itu adalah kawan-kawan saya semasa berada di bangku sekolah dahulu dan mereka bertanya produk yang saya gunakan selepas menyedari perubahan kulit wajah saya yang dahulu bermasalah kini bertambah baik," katanya.

Bermula daripada menjual produk berkenaan dari rumah dan secara *meet point*, Dayang Hajah

Rohani mengorak langkah ke hadapan dengan membuka studio solekan, Syarikat CTA Professional Make-up Studio pada tahun 2019, yang terletak di Unit G.01B, Aras Bawah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

"Kami mempunyai lebih 2,000 pelanggan yang membeli produk alas bedak ini secara berulang setiap bulan. Dengan tertubuhnya studio ini, mudah bagi mereka mendapatkan produk itu, di sini. Alhamdulillah, sejak membuka studio ini, jumlah pelanggan kami terus meningkat," katanya.

Menurutnya, beliau mempelajari cara-cara untuk membuat produk kosmetik ketika mengikuti kelas berkenaan di Singapura.

"Saya kerap ke negara itu bagi menimba ilmu berhubung bidang



solekan. Oleh kerana terdapat tawaran untuk mengikuti kelas mengenai cara-cara membuat kosmetik, saya pun mengambil peluang tersebut," jelasnya.

Beliau juga tidak lepas daripada menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan, terutama daripada sesetengah pengguna laman media sosial yang membuat tanggapan negatif dan mempersoalkan kandungan produknya.

"Bagi menangani cabaran tersebut, saya cuba untuk tidak mengendahkan perkara itu dan menanamkan fikiran yang lebih positif. Kalau saya terlalu memikirkannya, mungkin saya tidak akan sampai ke tahap ini," katanya.

Beliau menambah, produk alas bedak itu telah pun mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.

Beliau turut berterima kasih kepada suami dan anak-anaknya kerana mereka banyak memberikan sokongan juga nasihat mengenai perniagaan kepada beliau, di mana ia membuatkan beliau untuk lebih gigih berusaha.

"Saranan saya bagi mereka yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang solekan adalah dengan menanamkan sifat yakin dengan kemampuan diri sendiri, jujur dan berani untuk mencuba perkara yang baharu.

"Mereka juga boleh menyertai kelas solekan yang saya jalankan, di mana ia telah pun bermula pada minggu lepas," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk tersebut, ikuti akaun Instagram @ctasranmakeover dan @thetaccompany.

BSUnion anjur Society Funday



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire

MUARA, Rabu, 12 Ogos. - Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Eire (BSUnion) baru-baru ini menganjurkan 'Society Funday', yang berlangsung di Pantai Muara.

tempat di United Kingdom, bermula dari kota-kota pinggir bandar England sehingga ke tengah Scotland.

Pada acara Society Funday tersebut dihadiri kira-kira 80 pelajar, termasuk pelajar baharu untuk semester akan datang.

Tujuan acara tersebut diadakan



ANTARA penuntut yang menyertai aktiviti yang dianjurkan BSUnion pada 'Society Funday', yang berlangsung di Pantai Muara (kiri). Sementara gambar atas, antara aktiviti yang dijalankan oleh mereka.

adalah bagi mengeratkan hubungan para pelajar, meskipun menuntut di kawasan yang berbeza serta membiasakan diri mereka dengan pentadbiran BSUnion yang baharu.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membuat istana pasir, 'Tiga Selipar', *dodgeball*, *tic tac* jari geganti, menutup mata dengan kain kapas dan banyak lagi aktiviti-aktiviti kreatif yang dijalankan.

Acara tersebut merupakan peluang terbaik bagi para pelajar baharu yang menamatkan

pengajian tinggi untuk bergaul dengan komuniti masing-masing sebelum mereka berlepas ke United Kingdom.

Oleh itu, ia akan memberikan pelajar baharu bayangan bagaimana kelompok masyarakat mereka berfungsi, dan juga agar mereka berasa seperti berada di tempat sendiri meskipun berjauhan dari kampung halaman. Bahkan, ia juga memberikan peluang kepada mereka untuk kembali bertemu dengan rakan-rakan setelah berbulan-bulan mengamalkan penjarakan sosial.

Mangrove Paradise Resort tampilkan kemewahan pengunjung impikan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai sebuah negara terkecil di ASEAN, namun mempunyai potensi yang besar untuk menjana pelaburan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara melalui hasil daripada sektor pelancongan, dengan mempunyai banyak destinasi yang menarik dan berpotensi bagi tarikan para pelancong, sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Destinasi-destinasi tersebut, termasuk tempat-tempat penginapan yang kaya dengan kepelbagaian alam semula jadi dan alam sekitar juga hutan hujan tropika yang bersih dan habitat semula jadi.

Salah sebuah tempat penginapan, berkonsepkan mesra alam itu, Mangrove Paradise Resort, yang mula dibina pada tahun 2007 dengan menelan belanja melebihi BND2 juta atas pinjaman daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Skim Perniagaan Kecil dan Sederhana (SME BIBD), atas keluasan tanah 16 ekar.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pengurus Mangrove Paradise Resort, Dayang Izyan binti Haji Mahadi, menjelaskan, pemilik Mangrove Paradise Resort, iaitu Awang Haji Mahadi bin Haji Talib yang juga kontraktor, pembinaan *resort* itu bercirikan tradisional Melayu, iaitu klasik dan moden.

Namun jelasnya, apa yang ada di dalam *resort* tersebut adalah 'kemewahan' yang para

pengunjung impikan selama ini.

Menurutnya, *resort* yang pertama di Negara Brunei Darussalam itu, terletak di Kampung Sungai Belukut, kira-kira 20 minit perjalanan dari Bandar Seri Begawan dan 30 minit ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Menyentuh mengenai permulaan operasi *resort* berkenaan, beliau menjelaskan, fasa pertama bermula pada tahun 2009 dengan pembinaan 15 buah chalet, bilik persidangan, kolam renang, surau, restoran, spa dan tempat letak kereta.

Fasa kedua pada tahun 2015 pula, menurutnya, ialah pembinaan 10 buah vila; dewan serbaguna; tempat menyambut tetamu; jeti bot dan *sighting tower*; juga bilik pejabat.

Tambahnya, KSSUP juga memberikan sokongan untuk mengembangkan lagi perusahaan ini dengan memberikan cadangan atau cara-cara pengendalian *resort* tersebut.

Selain itu, katanya, orang ramai juga memberikan dorongan atau cadangan untuk mengembangkan dan menambah baik lagi tempat perancangan berkenaan.

Mangrove Paradise Resort, ujarinya, akan selalu atau sentiasa mengekalkan kehijauan semula jadi dengan tidak memotong pokok bakau yang ada di sekeliling *resort* itu dan untuk mengekalkan kebersihan juga keindahan kawasan itu, jelasnya, sampah sarap yang terapung di kawasan persekitaran *resort* tersebut akan dibersihkan oleh para pekerja



MANGROVE Paradise Resort menyediakan 15 buah chalet dengan kadar sewa BND70 semalam, termasuk sarapan untuk dua orang dan 10 buah vila dengan kadar sewa BND200 semalam, termasuk sarapan untuk enam orang.

resort berkenaan.

Memandangkan *resort* berkonsepkan hutan tropika, terangnya, bumbung bangunan direka bentuk dengan mengutamakan ciri-ciri rumah di perkampungan di negara ini dan mengutamakan keselamatan.

"Alhamdulillah, sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan, terutama kepada para pengunjung yang ingin percutian bersama keluarga, kawan-kawan dan sebagainya," ujarnya lagi.

Menurutnya, antara perancangan masa depan pula adalah ingin mengembangkan lagi perusahaan dengan lebih jauh, termasuk menjadi sebuah *resort* yang terbaik di Negara Brunei Darussalam dan dengan adanya tambahan projek pembinaan, *resort* tersebut akan diluaskan lagi.

Beliau, seterusnya menyarankan agar bakal pengusaha perlu mempunyai disiplin yang kuat dalam menguruskan perniagaan dan kewangannya yang menjadi kunci kejayaan.

Dengan semangat, tekad dan komitmen yang kuat, tekannya, usahawan tempatan boleh menjadi setaraf dengan rakan sebaya mereka juga mampu merebut setiap peluang untuk berjaya.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan dengan bantuan KSSUP, beliau harap *resort* tersebut akan mampu menarik lebih ramai pelancong dan menggunakan *resort* berkenaan sebagai pilihan penginapan ketika berada di negara kita, sekali gus mempromosikan negara kita sebagai tempat peranginan yang

indah dan tenang.

Antara kemudahan yang terdapat di tempat penginapan tersebut ialah 15 buah chalet dengan kadar sewa BND70 semalam, termasuk sarapan untuk dua orang dan 10 buah vila dengan kadar sewa BND200 semalam, termasuk sarapan untuk enam orang.

Selain itu, Mangrove Paradise Resort juga mempunyai sebuah restoran yang boleh menampung seramai 500 orang dengan menghidangkan masakan-masakan laut yang segar, masakan tempatan, masakan barat dan sebagainya.

Di samping itu, tempat penginapan tersebut juga mempunyai bilik persidangan yang dapat menampung seramai 60 orang, sebuah surau dan kolam renang.



ABASY Collection terhasil daripada nama anak perempuan pengasasnya, iaitu Afiah Basyirah semakin berkembang dan dikenali ramai (atas). Sementara gambar kanan, selain menjalankan perniagaan tudung pada masa ini, beliau juga francais tudung Bokitta dan menjual pakaian Muslimah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Abasy Collection

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Industri fesyen Muslimah di Negara Brunei Darussalam memang menjadi perhatian sesetengah wanita dan ia berkembang lebih-lebih lagi dalam trend tudung atau hijab.

Melalui perkembangan industri fesyen Muslimah ini, ramai usahawan mengambil peluang dan memberanikan diri untuk mengembangkan jenama atau produk keluaran sendiri. Antaranya adalah Abasy Collection yang menjual pelbagai

rekaan dan pilihan tudung atau hijab.

Menurut Pengasas Abasy Collection, Pengiran Hajah Sulfiah binti Pengiran Abd. Rajak, beliau telah menjalankan perniagaan sejak tahun 2014, di mana antara yang turut dijual pada masa itu adalah Tudung Bokitta, iaitu tudung *instant* tanpa pin yang didatangkan dari Lubnan.

Apabila pelanggan semakin ramai, di samping bagi memenuhi kehendak pelanggan, beliau kemudian memberanikan diri



mencipta tudung empat segi yang bukan *instant* dan tidak menyangka keluarannya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Bermula sejak 3 Februari 2018, nama Abasy Collection yang terhasil daripada nama anak perempuan beliau, iaitu Afiah Basyirah semakin berkembang dan dikenali ramai.

"Penghasilan tudung-tudung keluaran Abasy Collection setakat ini mendapat sambutan di Negara Brunei Darussalam. Kualiti kain yang saya pilih adalah Twill Silk, kain yang tidak panas, tidak licin, ringan dan tidak pekat di telinga dan tudung ciptaan saya ini dicetak dari luar negara tetapi idea hasil tudung Abasy Collection daripada

saya sendiri," ujarnya.

Selain menjalankan perniagaan tudung pada masa ini, beliau juga francais Tudung Bokitta dan menjual pakaian Muslimah. Pihak syarikat sentiasa memastikan Abasy Collection terus aktif dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai melalui pemilihan kawalan kualiti, kuantiti yang sangat terhad, reka bentuk yang sangat lembut dan sangat eksklusif.

Beliau menaruh harapan agar tudung keluaran Abasy Collection akan dapat dipasarkan bukan sahaja di dalam negara, tetapi luar negara. Tambahnya lagi, beliau juga berharap, *design* yang direka khas sendiri oleh Abasy Collection akan terus diterima oleh semua golongan masyarakat tidak kira umur dari golongan muda mahupun yang sudah berumur. Abasy Collection juga merancang untuk menghasilkan berbagai-bagai rekaan mengikut trend dan warna-warna kegemaran terkini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Abasy Collection, orang ramai boleh mengikuti laman sosial media di Instagram @abasy.collection atau mengunjungi butik Abasy Collection di A4, Jalan Pandan 7, Bangunan Hajah Halus Kuala Belait.

Busana tradisional cermin jati diri masyarakat



GAMBAR HIASAN ... Pemakaian Baju Cara Melayu sekarang lebih lazim pada majlis-majlis seperti majlis perkahwinan, sama ada pemakaian set yang lengkap ataupun sedikit diubah suai mengikut cita rasa pemakai.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Identiti sesuatu bangsa itu bukan hanya kerana tempat kelahiran dan tutur bahasanya, tetapi juga daripada penampilan busananya yang menjadi salah satu faktor pengenalan diri.

Identiti bangsa Melayu khususnya di Negara Brunei Darussalam adalah nilai-nilai yang terdapat pada ajaran Islam, sistem

beraja dan budaya Melayu. Bangsa Melayu Brunei terdiri daripada tujuh puak jati, setiap daripadanya menjalani kehidupan berlainan dan memiliki pakaian tradisi yang menggambarkan kebudayaan masing-masing.

Pakaian yang boleh dikatakan lambang kesatuan tujuh puak ini ialah Baju Cara Melayu untuk lelaki, dan Baju Kurung untuk kaum perempuan. Ini kerana

secara lazimnya, pemakaian Baju Cara Melayu dan Baju Kurung, disebut sebagai pakaian kebangsaan, merupakan kod pakaian (*dress code*) untuk jempitan acara kebangsaan, majlis keagamaan, majlis perkahwinan, mahupun acara beradat istiadat.

Corak dan ciri-ciri baju tradisi ini sangat dikenali kerana ia diwarisi dari masyarakat yang terdahulu daripada kita, menjadikannya sebagai pakaian tradisi turun-temurun bangsa Melayu. Pemakaian lengkap Baju Cara Melayu mengandungi kain samping atau sinjang, dengan songkok atau kopiah.

Tidak dinafikan pemakaian baju tradisi kebangsaan ini dilihat semakin berkurangan dalam penggunaan seharian terutama kaum lelaki yang bekerja di pejabat kerajaan mahupun swasta, tetapi inisiatif daripada beberapa kementerian dan universiti menggalakkan dan memestikan pemakaian Baju Cara Melayu pada hari yang ditentukan untuk keseragaman.

Tidak kurang juga yang menggabungkan aspek tradisional dan moden dalam berpakaian, seperti tidak mengenakan set lengkap atau mengubah cara pemakaian, namun tetap mengekalkan ciri-ciri keislaman dan kemelayuan.

Meskipun reka bentuknya dikekalkan, terdapat juga beberapa jenis Baju Cara Melayu yang diperkenalkan mengikut peredaran masa dan pertembungan budaya, seperti baju MIB ataupun kurta dan



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Pastikan abiskita berada dalam jarak 1-2 meter dari orang lain

Elakkan dari mengunjungi tempat yang sesak atau majlis keramaian

Elakkan bersalaman dengan orang lain

Jangan berkongsi peralatan makan seperti pinggan, mangkuk, gelas, sudu, garpu dan lain-lain

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi
Talian Nasihat Kesihatan 148

Baju Kurung Fesyen bermacam corak dan potongan yang mengikut cita rasa kini.

Walaupun era globalisasi menjauhkan kita daripada budaya tradisi, tetapi pakaian kebangsaan negara kita masih saja relevan

hingga sekarang. Ini terbukti dengan corak dan reka bentuk pelbagai warna semasa hari-hari keraian bersama keluarga dan sahabat handai terutamanya semasa Hari Raya Aidilfitri dan juga majlis perkahwinan.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN : 15 OGOS 2020
TARIKH TUTUP : 05 SEPTEMBER 2020

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG BOLEH DILAYARI www.recruitment.gov.bn. TATACARA PERMOHONAN DAN JUGA LAIN-LAIN MAKLUMAT SILA KUNJUNGI RUANGAN QUICKLINKS DAN FAQ'S DI PORTAL BERKENAAN

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN TAWARAN :
RTB / K / 103 / 20 - 21

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
NON-LINEAR EDITING
WORKSTATION FOR POST
PRODUCTION
AND POC EDITING

BILANGAN TAWARAN :
RTB / K / 104 / 20 - 21

TAJUK TAWARAN :

SUPPLY AND DELIVERY OF
MANAGEMENT WORKSTATION
AND KVM SWITCHES FOR
RTB RESOURCE CENTRE

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 26 Ogos 2020
(2.00 Petang)



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Tarikh tutup pada :
17 November 2020, Selasa,
sebelum jam 2.00 Petang

JASTRE / BKP / T004 / 2020
PEMBERSIHAN SUNGAI BRUNEI
BAGI TEMPOH TUJUH (7)
TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BKP / T004 / 2020

KELAS V & VI

KATEGORI S01

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND2,000.00 (tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / 2020 / MAB / TA / 01

**PENGANTIAN SOLAR PANEL,
24V DC GENERATOR,
BACKUP BATTERY
FOR CNR SYSTEM,
DI BUKIT TERAJA, DAERAH BELAIT**

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
SELASA, 8 SEPTEMBER 2020,
TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tajuk Tawaran :
REUPHOLSTERY WORKS TO SOFA
CHAIRS AT MINISTRY OF FINANCE
AND ECONOMY BUILDING,
COMMONWEALTH DRIVE,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
MOFE / Q / 2020-5

Tarikh Tutup :
Sabtu, 22 Ogos 2020,
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**JABATAN
KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

1. Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2020 - 2021 / 10
Tajuk Tawaran :
PRODUCTION OF ASEAN
SUMMIT 2021
PROMOTIONAL VIDEO

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 27 Ogos 2020, jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

No. Tawaran :
JPPK / LTK / 25 / 2020

Tajuk Tawaran : REPAIR AND
PAINTING WORKS FOR BLOCK C, D
AND E, NEW TRAINEES BACHELOR
BARRACK AT ROYAL BRUNEI NAVAL
BASE, MUARA CAMP

Bayaran Tawaran : BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 1 September 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang





**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

NAMA TAWARAN :
MEMBAIK PULIH PANTARAN AIR
TERJUN TAMAN PERANGINAN
TASEK LAMA, JABATAN BANDARAN,
BANDAR SERI BEGAWAN
BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 08 / BKB

NAMA TAWARAN :
MEMBAIK PULIH KEROSAKAN
TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK
NO.1, TAMAN PERANGINAN TASEK
LAMA, JABATAN BANDARAN,
BANDAR SERI BEGAWAN
BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 09 / BKB

HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS,



27 OGOS 2020
JAM 2.00 PETANG



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA
BAHAGIAN PENYAJIAN MAKANAN
DAN MINUMAN**

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA TEMB / 07
NAMA SEKOLAH :
Sekolah Arab Temburong,
Daerah Temburong

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08
NAMA SEKOLAH :
Sekolah Arab Belait,
Daerah Belait



BAYARAN DOKUMEN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 6 Muharam 1442H /
25 Ogos 2020M,
sebelum jam 2.00 Petang



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / IT / BUU / QTN / 2020 / 8 / 2
**'QUOTATION FOR THE SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION,
CONFIGURATION AND TESTING OF
NETWORK TOOLS FOR ATTORNEY
GENERAL'S CHAMBER NETWORK'**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / IT / BUU / QTN / 2020 / 8 / 3
**'QUOTATION FOR THE SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION,
CONFIGURATION AND TESTING OF
VIDEO CONFERENCING DEVICES'**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / IT / BUU / QTN / 2020 / 8 / 4
**'QUOTATION FOR THE
DIGITISATION SERVICE FOR
ATTORNEY
GENERAL'S CHAMBER LIBRARY'**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / IT / BUU / QTN / 2020 / 8 / 5

**'QUOTATION FOR THE SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION OF
LAPTOP'**

BILANGAN TAWARAN :
PPN / IT / BUU / QTN / 2020 / 8 / 6
**'QUOTATION FOR THE SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION OF IT
EQUIPMENT'**

TARIKH TUTUP :
SELASA,
18 OGOS 2020 dan 25 OGOS 2020,
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00
PETANG



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

SYARAT-SYARAT TAWARAN
The Supply and Delivery
of Auto Level Trolley
Rujukan Tawaran :
POS / T / 16 / JPP / 2020-2021

Tarikh Tutup :
Selasa, 25 Ogos 2020, jam 2.00 Petang



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA BAGI
PERKHIDMATAN KANTIN**

BILANGAN SEBUT HARGA
DA / JKSH / 66 / 2020 / 2021
[BPPA-OGOS-2020]
HINGGA
BILANGAN SEBUT HARGA
DA / JKSH / 77 / 2020 / 2021
[BPPA-OGOS-2020]

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak
dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU
29 OGOS 2020
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JUALAN LELOG TERTUTUP
UNIT PENGHAPUSAN DARI
KIRA-KIRA, JABATAN PENTADBIRAN
DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan
diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi
harta benda kerajaan yang telah mendapat
kebenaran daripada Kementerian Kewangan
di bukakan kepada Syarikat-Syarikat dan
orang-orang perseorangan yang berminat
untuk membeli seperti barang-barang
berikut :

LOT A
JENIS PERKAKAS / PERALATAN /
PERABOT
12, 592 BUAH BUKU
4,688 BUAH BUKU-BUKU
PERPUSTAKAAN
TEMPAT / KEPUNYAAN
SR PG. PEKERMA SETIA DIRAJA
SAHIBUL BANDAR, GADONG

JENIS PERKAKAS / PERALATAN /
PERABOT
9,484 BUAH BUKU-BUKU TEKS
TEMPAT / KEPUNYAAN
SR LAMBAK KANAN, JALAN 49

Borang sebut harga boleh didapati seperti di
alamat-alamat berikut :

1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira,
Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6, Kondominium
Ong Sum Ping, Kementerian Pendidikan.
Talian Telefon : 2230113. (Brunei /
Muara)

2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira.
Bekas Berek Lama Sekolah Menengah Sufri
Bolkiah, Tutong TA 1341 Talian Telefon :
4260312

3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Rumah Kediaman Brunei Shell, Simpang
24-29 Jalan Maulana, Kuala Belait KD 145
Talian Telefon : 3347423

4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Bekas
Asrama Jalan Masjid, Jabatan
Sekolah-Sekolah, Temburong. Talian Telefon
: 5222171 / 5222172

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Borang tawaran yang sudah lengkap
diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan
masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
Jam: 8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan
hendaklah dihantar terus ke alamat yang
di nyatakan di bawah ini dengan
menggunakan sampul surat tertutup
rapat dan ditulis dengan terang :
**TAWARAN LELOG SECARA SEBUT
HARGA BAGI HARTA BENDA
KERAJAAN KEPUNYAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan
hendaklah dimasukkan ke dalam peti
tawaran sebut hargaseperti yang beralamat
dinyatakan di bawah ini :

**UNIT PENGHAPUSAN DARI
KIRA-KIRA**
BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6
KONDOMINIUM ONG SUM PING,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai
yang berjaya hendaklah membuat pembayaran
secara tunai dalam masa 48 jam (tidak
termasuk hari kelepasan awam) setelah
berjaya menerima surat makluman dan
jika gagal berbuat demikian adalah dikira
menarik diri dari tawaran jualan lelong

tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang
berjaya hendaklah memindahkan barang-barang
tersebut dalam tempoh 7 hari setelah
menerima surat makluman. Kegagalan
berbuat demikian mengakibatkan pembelian
dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan
tidak akan dikembalikan dan barang-barang
tersebut akan dilelong semula atau
dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat
dan orang ramai yang berminat boleh
berhubung terus atau membuat pertanyaan
kepada **Ketua-ketua Jabatan,**
Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar
yang berkenaan bagi mengetahui jenis-
jenis barang yang ditawarkan atau
Unit Penghapusan Dari Kira-Kira,
Kementerian Pendidikan, Talian Telefon:
2230113.

6. Yuran tawaran **BND10.00** bagi setiap lot.
(Tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran pada : 29 Ogos 2020
(Sabtu) Jam 2.00 Petang



MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Mohamad Sharil bin Aji (BYIC No. 00-274108). **Alamat** - No. 38, Simpang 142-5, Bukit Sinadur, Jln. Paya Panchor, RPN Kg Mengkubau, Mukim Mentiri BU1729, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 238 Tahun 2013. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 40 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - Pertama **Bila kena dibayar** - 22 Ogos 2020. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 29 Julai 2020.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Mardiani binti Hj Hasim (BYIC No. 00-270983). **Alamat** - No. 5A, Tkt 4, Simpang 485-8, Flat Telanai Heights, Kg Telanai, Jln Tutong BA3212, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 561 Tahun 2010. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 80 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - Pertama **Bila kena dibayar** - 22 Ogos 2020. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 29 Julai 2020.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN KEDUA**

Nama Penghutang - Hj Yusof bin Hj Ahmad (BYIC No. 00-075667). **Alamat** - No. 6, Simpang 37, Jln Haji Halus, Kg Bunut BG1320, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 265 Tahun 2003. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 45 sen. **Kedua atau Terakhir selainnya** - Kedua **Bila kena dibayar** - 22 Ogos 2020. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 29 Julai 2020.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN KEDUA**

Nama Penghutang - Hasmah binti Hj Abas (BYIC No. 00-067002). **Alamat** - No. 2A, Simpang 425, Jln Pasir Berakas, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 11 Tahun 2004. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 19 sen. **Kedua atau Terakhir selainnya** - Kedua **Bila kena dibayar** - 22 Ogos 2020. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 29 Julai 2020.

**HAJAH NORMAZDINA
HAJI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

T / LA / 57 / 2020

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
T / LA / 35 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SUZILAWATI BINTI AHMAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NONI KASOMAWATI BINTI AHMAD** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **15 OGOS 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 8 Ogos 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL RAHMANI BIN HAJI JAMUDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI JAMUDDIN BIN HUSSIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **15 OGOS 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Ogos 2020.

**(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)**
b/p Tim. Pegawai Waris
Tutong
Negara Brunei Darussalam.



كمنتريين حال احوال دالم نكربي
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SYARIKAT P CUBE SENDIRIAN BERHAD

A Subsidiary of THE BRUNEI ECONOMIC DEVELOPMENT BOARD

Open invitation for expressions of interest to finance, develop, operate and maintain Pasar Pantai Jerudong in Brunei Darussalam

REFERENCE NO: 2020-003/EOI/001

The Ministry of Home Affairs ("MOHA") of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam as represented by Syarikat P Cube Sendirian Berhad ("P³ Sdn Bhd"), a subsidiary of the Brunei Economic Development Board ("BEDB"), as its implementing agent intends to invite interested parties to submit proposals to finance, develop, operate and maintain Pasar Pantai Jerudong and its vicinity into a dry and clean market. More detailed information and guidelines for submissions will be provided in the expression of interest ("EOI") document.

Who should register?

Interested parties should be reputable companies with at least three (3) years' experience in developing and operating at least one (1) commercial development and an annual turnover of B\$3,000,000 for the last three (3) years.

To register for the EOI, interested parties should send an e-mail to rfp@pcube.com.bn with the subject heading, "Expression of interest to finance, develop, operate and maintain Pasar Pantai Jerudong in Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details. Information provided for registration should demonstrate the abovementioned required minimum criteria, upon which successful registered parties will then be provided with a non-disclosure agreement for submission prior to receiving the EOI document.

Submission of Documents

Fully completed EOI submissions should be sent to the RFP Secretariat at the address provided not later than **3:00 pm on Monday, 31 August 2020**. Late submissions will not be entertained.

For all correspondence,
please contact:

RFP Secretariat

Syarikat P Cube Sdn Bhd
Level 4, Tower Block,
Ministry of Finance and Economy,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam

Telephone: +673 223 0111
Facsimile: +673 2230074
Email: rfp@pcube.com.bn

NOTE: This advertisement does not constitute an offer from P³ Sdn Bhd and shall be subject to terms and conditions contained in the EOI document. P³ Sdn Bhd is under no obligation to respond to any enquires it receives and reserves the right not to follow up on any submission at its sole discretion without explanation.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Deria penglihatan merupakan salah satu anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat banyak kepentingan dan manfaatnya, juga sangat berharga dan perlu sentiasa diberi perhatian dan penjagaan.

Penjagaan mata yang sihat sangat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup, iaitu dengan membuat pemeriksaan mata secara berkala untuk memastikan fungsi penglihatan adalah dalam keadaan yang baik.

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai penjagaan mata yang sihat, Optometris di Focus Point, Pusat Membeli-belah Times Square, Nur Famiera Atiqah semasa ditemui menekankan bahawa salah satu cara untuk menjaga mata, khususnya bagi kanak-kanak ialah dengan tidak membenarkan atau mengurangkan mereka menggunakan *gadgets* seperti komputer, tab, telefon bimbit dan sebagainya.

Penggunaan *gadgets* secara kerap jelasnya, boleh mengganggu pembesaran mata anak-anak dan untuk mengurangkan risiko tersebut, mereka boleh menggunakan kanta kaca mata yang dipanggil *blue coated lenses*.

Penggunaan *blue coated lenses*, menurutnya, akan mengurangkan sinar cahaya biru (*blue light*) yang boleh

memberikan kesan buruk kepada mata.

Terangnya lagi, salah satu cara untuk mengurangkan risiko kerosakan mata ialah dengan membuat ujian mata sekurang-kurangnya sekali dalam setahun, bagi memastikan tahap penglihatan dan kesihatan mata sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Bagi orang dewasa pula jelasnya, mereka tidak dapat mengelakkan diri daripada menggunakan komputer, telefon bimbit dan sebagainya, jadi apa yang mereka boleh lakukan ialah dengan melakukan senaman mata yang dipanggil *visual hygiene* untuk melindungi mata dengan lebih baik.

"Setelah 1 hingga 2 jam berada di hadapan komputer, berhenti sekejap, lihat objek berwarna hijau di luar rumah atau pejabat seperti pokok dan sebagainya. Warna hijau akan dapat menenangkan dan merehatkan mata," jelasnya lagi.

Menjaga mata juga dapat dilakukan dengan pelbagai cara yang mudah, termasuklah menjaga makanan, iaitu memakan makanan seperti ikan-ikan dan sayur-sayuran, antaranya ikan salmon, brokoli, bayam, kubis, tomato dan sebagainya.

Sementara itu, dapatkan nasihat doktor dengan segera sekiranya mempunyai masalah kesihatan

Pengguna gadget terdedah risiko masalah mata



OPTOMETRIS di Focus Point, Pusat Membeli-belah Times Square, Nur Famiera Atiqah semasa ditemu bual (kanan). Sementara gambar kiri, setiap kali berada di luar terkecuai malam, pakailah kaca mata dengan perlindungan UV bagi mengelakkan kerosakan mata daripada sinar matahari.



mata kerana gangguan kesihatan mata tidak boleh dianggap remeh, di mana ia boleh menyebabkan seseorang itu kehilangan penglihatan jika tidak dirawat dari awal.

Oleh itu, adalah penting untuk melakukan penjagaan mata dan diperiksa oleh pakar mata di hospital-hospital atau di klinik-klinik mengikut jadual yang ditetapkan.

Pemimpin Pengakap hadir Bengkel Perhubungan Awam, Komunikasi, Perkembangan Keahlian



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Ahli Jawatankuasa Pemantau dan Pelaksana Rancangan Strategik PPNBD 2014-2024 menganjurkan Bengkel Perhubungan Awam, Komunikasi dan Perkembangan Keahlian bagi Pemimpin-pemimpin Pengakap.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

GADONG, Jumaat, 14 Ogos 2020. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Ahli Jawatankuasa Pemantau dan Pelaksana Rancangan Strategik PPNBD 2014-2024 menganjurkan Bengkel Perhubungan Awam, Komunikasi dan Perkembangan Keahlian bagi Pemimpin-pemimpin Pengakap.

Bengkel ini dianjurkan bagi membarigakan dapatan-dapatan yang telah diungkapkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa bagi menyebarluaskan polisi-polisi dan peraturan-peraturan PPNBD dalam kalangan para pemimpin pengakap yang terdiri dari Ahli-ahli Majlis Pengakap Daerah dan Penolong-penolong Pesuruhjaya.

Bengkel ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi Pertama ialah mengenai Perhubungan Awam dan Komunikasi PPNB yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Perhubungan Awam, Awang Muhammad Syahmi bin Halimah.

Manakala Sesi Kedua mengenai Perkembangan Keahlian disampaikan oleh Pesuruhjaya Sumber Kewangan, Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi.

Bengkel yang dijalankan selama sehari itu turut disertai oleh Ahli-ahli Majlis Persatuan Daerah dari Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong beserta Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan Penolong-penolong Pesuruhjaya Daerah.

"Budaya *victim blaming* atau sifat menuding jari kepada mangsa menunjukkan kurangnya kesedaran orang ramai mengenai isu ini," tegasnya.

Sesi RespectME Support Group di bawah Majlis Belia Brunei akan diadakan sekali seminggu, yang bermula dari 30 Ogos hingga 18 Oktober 2020.

RespectME Support Group bantu mangsa trauma gangguan seksual



NAIB Presiden, RespectME Support Group, Hajah Nurun Nasuha binti Haji Yunus semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Kesedaran orang ramai yang masih rendah mengenai gangguan seksual menyebabkan kebanyakan mangsa lebih memilih untuk berdiam diri daripada menceritakan masalah yang mereka alami.

Naib Presiden, RespectME Support Group, Hajah Nurun Nasuha binti Haji Yunus berkata, gangguan seksual merupakan isu yang serius, namun kebanyakan para mangsa enggan bercakap mengenai kejadian tersebut.

"Sebelum terbentuknya RespectME Support Group, saya telah membuat kaji selidik tentang isu berkenaan dan setakat mana pemahaman orang ramai mengenainya," ujarnya semasa temu bual bersama Pelita Brunei.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Menurutnya, hasil kaji selidik tersebut mendapati masih ramai yang tidak menyedari bahawa mereka adalah mangsa gangguan seksual kerana menganggap ia hanya perkara biasa sahaja.

"Adalah penting bagi orang ramai mengetahui bahawa gurau senda mengenai rogol bukanlah perkara biasa dan ia boleh menjurus kepada gangguan seksual," jelasnya.

Oleh itu, tambahnya lagi, RespectME Support Group ditubuhkan bagi menyediakan platform yang selamat dan selesa bagi mangsa rogol serta mangsa gangguan dan serangan seksual untuk mengongsikan kejadian yang telah mereka alami.

Beliau turut menjelaskan, kumpulan sokongan tersebut akan mengadakan sesi perjumpaan tertutup yang akan berlangsung selama 1 jam 45 minit.

"Pada masa ini, seramai tujuh peserta berusia dalam lingkungan 18 hingga 28 tahun telah pun mendaftar bagi mengikuti kumpulan sokongan ini.

"Kami juga telah meminta nasihat daripada pakar psikologi serta kaunselor, di mana mereka menyarankan jumlah peserta yang sesuai bagi kumpulan sokongan ini adalah seramai lima hingga ke tujuh orang," terangnya.

Menurutnya lagi, jumlah penyertaan yang kecil itu membolehkan mereka berasa selamat dalam mengongsikan pengalaman mereka.

"Objektif kami adalah bagi

memastikan para mangsa berkenaan tidak berasa bersendirian kerana kami faham kebanyakan mereka bimbang untuk menyuarkan masalah yang mereka hadapi.

"Melalui kumpulan sokongan ini, mereka akan memperkasa dan memberi sokongan antara satu sama lain, di samping membincangkan mengenai langkah-langkah yang diguna pakai bagi menangani isu yang berkaitan," tambahnya.

Beliau selanjutnya menjelaskan, kebanyakan mangsa cenderung berahsia kerana tidak tahu apa yang perlu dilakukan dan kepada siapa untuk menceritakan masalah tersebut, malahan takut dipersalahkan.

Tambahnya pula, pakaian seseorang wanita tidak harus dijadikan sebagai punca berlakunya gangguan seksual.

"Tidak wajar untuk menyalahkan mangsa dengan alasan cara mereka berpakaian kerana isu gangguan seksual ini bukan sahaja dikaitkan dengan wanita, malahan juga membabitkan golongan lelaki yang mengalami kejadian serupa, namun kebanyakan mereka masih enggan untuk melaporkan aduan secara rasmi," jelasnya lagi.

Katanya, stigma masyarakat terhadap mangsa gangguan seksual yang negatif bukan sahaja berlaku di negara ini, malahan di negara-negara lain di seluruh dunia, di mana menyebabkan mangsa enggan membuat laporan.

Mengutamakan kebajikan, kesejahteraan OKU



ANTARA letak kereta golongan OKU di salah sebuah pusat perubatan.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - 'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul', begitulah ungkapan yang dapat digambarkan kepada insan istimewa golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Keistimewaan golongan ini telah diterjemahkan pada satu ketika dahulu menerusi sebuah lagu yang sehingga kini kerap dikumandangkan di corong-

corong radio berjudul 'Namun Ku Punya Hati' yang pernah dipopularkan oleh Kumpulan Revolver sekitar tahun 1982.

Golongan OKU tidak seperti insan biasa akan tetapi mereka mempunyai hak untuk menjalani kehidupan ini seperti orang lain dan dengan bantuan masyarakat di sekeliling, sekali gus akan dapat mewujudkan perasaan kasih

dan sayang terhadap insan-insan istimewa ini.

Di Negara Brunei Darussalam, keprihatinan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus aktif mementingkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat serta penduduk di negara ini, khususnya dalam menghulurkan bantuan kebajikan kepada golongan OKU menerusi agensi-agensinya.

Dalam perkara ini, pihak kerajaan secara terus menerus telah menghulurkan elaun-elaun tertentu kepada golongan OKU seperti yang dinyatakan di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Pengg. 18). Pendekatan tersebut selaras dengan aspirasi negara ke arah Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam mencapai matlamat meningkatkan kualiti hidup rakyat lebih-lebih lagi kepada mereka yang berkeperluan.

Komitmen tinggi tersebut telah dibuktikan dengan terbitnya Garis Pandu Reka Bentuk Bagi OKU Negara Brunei Darussalam oleh pihak Kementerian Pembangunan pada November 2018.

Garis panduan tersebut adalah bermatlamat untuk meningkatkan lagi keselamatan, keselesaan dan mengurangkan halangan di persekitaran OKU



KENDERAAN yang dipandu oleh pemandu OKU turut melekatkan label khas yang mudah dilihat oleh pemandu atau pengguna jalan raya lain.


bagi memastikan insan istimewa ini dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di bangunan-bangunan awam dengan selesa dan mudah.

Di samping itu, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga komited dalam merealisasikan sebuah pusat yang bakal menempatkan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) bersama semua persatuan yang menjaga kesejahteraan golongan OKU.

Dengan usaha-usaha bersepadu dan pendekatan Whole of Nation secara holistik, nasib dan masa depan golongan OKU akan terus terpelihara dan terjaga.

Agama Islam juga tidak pernah

menyisihkan golongan OKU, malah mengajar umat manusia ke arah kebaikan dengan membantu dan menyantuni dengan ihsan golongan istimewa ini sepertimana maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah, ayat 2, iaitu "Dan hendaklah kamu bertolong - tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerooban. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)".



HUBUNGI Talian Harapan 145 yang dikendalikan oleh profesional kesihatan mental yang terlatih dan bertaualiah dari Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan khidmat nasihat atau kaunseling.

TUTONG, Rabu, 12 Ogos. - Stres atau tekanan adalah tindak balas fizikal, emosi dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara atau keadaan yang datang daripada sebarang peristiwa atau pemikiran yang membuat anda merasa kecewa, marah, atau gugup.

Tekanan berlaku apabila seseorang merasakan sesuatu perkara atau keadaan itu di luar kawalan kemampuan diri. Ia dialami oleh siapa sahaja tidak kira kanak-kanak, dewasa mahupun warga emas.

Antara gejala tekanan fizikal termasuk insomnia, sakit kepala, cirit-birit, sembelit dan loya serta

lain-lain lagi, manakala antara gejala tekanan emosi pula seperti kemurungan, kebingungan dan kegelisahan, kesedihan, kesepian dan sebagainya.

Namun, tekanan juga boleh menjadi baik apabila ia mampu membuatkan individu itu menjadi lebih produktif dan mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah tersebut, manakala tekanan yang tidak baik pula ialah menyebabkan seseorang itu emosi, kurang fokus dan kurang berkeyakinan diri.

Antara punca mereka yang menghadapi tekanan termasuk bebanan kerja yang berat dan banyak, masalah hubungan keluarga / pasangan / rakan, masalah kewangan dan kesihatan. Namun, tekanan atau stres mesti ditangani secara baik dan berterusan bagi memastikan kita sihat dari segi fizikal, emosi dan minda.

Pelbagai cara boleh kita lakukan dalam mengawal sebarang tekanan seperti mendekatkan diri kepada Allah, bawa diri untuk bertenang, amalkan cara hidup yang sihat seperti rajin bersenam dan sentiasa berfikir positif.

Jika kita menyedari seseorang itu mempunyai tekanan, maka kita perlulah menghulurkan bantuan dan beri perhatian serta sokongan kepada mereka.

Sebagai umat Islam, kita juga perlu mengamalkan zikrullah dan sentiasa berdamping dengan Al-Quran agar hati kita akan menjadi tenang dan berdoa kepada-Nya agar terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Sekiranya masih merasa tertekan selama lebih daripada beberapa minggu atau kegelisahan

Kawal emosi, urus tekanan elak akibat buruk

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

awda mempengaruhi kehidupan seharian awda, pergi ke pusat kesihatan terdekat dan dapatkan nasihat serta bantuan daripada doktor.

Ataupun menghubungi Talian Harapan 145 yang dikendalikan oleh profesional kesihatan mental

yang terlatih dan bertaualiah dari Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan khidmat yang

nasihat atau kaunseling dalam menangani situasi berkenaan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Melancong Dalam Negara Suatu Keistimewaan'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2020
2. 'Hormati dan Hargai Warga Emas'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2020
3. 'Tempahan Makanan Secara Dalam Talian'. Tarikh Tutup : 2 September 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Kesepakatan tunjang kesejahteraan Kampung Amo

Kenali
Negara
Kitani



Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Azmah Haji Ahad

KESEJAHTERAAN tinggal bersama dalam sesebuah kampung yang didiami oleh pelbagai bangsa dan agama memang sukar dicapai tanpa adanya kesepakatan dalam kalangan penduduk kampung tersebut. Namun, perkara itu bukan sesuatu yang mustahil bagi Kampung Amo, yang didiami oleh masyarakat Iban, Murut dan Melayu dengan keseluruhan jumlah penduduk seramai 584 orang. Terletak di Mukim Amo kira-kira 12 kilometer dari Pekan Bangar, Kampung Amo dibahagikan kepada tiga buah kampung, iaitu Kampung Amo 'A', Amo 'B' dan Amo 'C', Kampung Amo berdiri teguh dengan menjadikan Kampung Amo sebagai sebuah kampung yang aman, sejahtera, maju dan cemerlang. Manakala misi kampung berkenaan pula ialah untuk memantapkan kepimpinan pengurusan dan pentadbiran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Amo; mewujudkan dan melaksanakan pelbagai pembangunan di dalam kampung; mengaktifkan aktiviti-aktiviti perekonomian dan memupuk semangat perpaduan dan persefahaman dalam kalangan penduduk kampung.

Mempunyai dua buah rumah panjang masing-masing 15 pintu di Kampung Amo 'B' dan enam pintu di Kampung Amo 'C'

serta beberapa buah persendirian lainnya, kampung-kampung berkenaan juga menerima prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk para penduduk kampung seperti sebuah sekolah rendah, Pos Polis dan sebuah Syarikat Kerjasama Kedai Mukim Amo. Di rumah panjang Amo 'B' pula memiliki sudut bacaan yang menempatkan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan buku-buku yang disumbangkan melalui Universiti Brunei Darussalam (UBD) Human Library Project, 2013 yang sudah setentunya memberikan banyak manfaat buat penduduk-penduduk kampung meningkatkan pengetahuan mereka melalui bacaan.

Projek Perekonomian

Kampung berkeluasan 5,178 hektar ini pernah menerima Anugerah Naib Johan Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Daerah Temburong bagi tahun 2008 dengan mengusahakan aktiviti kraf tangan dan tanaman tebu. Setelah itu, MPK Amo beralih kepada perusahaan tanaman nenas bagi perisian Projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Namun atas beberapa faktor, perusahaan tersebut tidak dapat

diteruskan. Kini, MPK Amo yang di bawah pimpinan Ketua Kampung, Awang Hujan anak Mui terus mengusahakan aktiviti kraf tangan (anyaman) yang mendapat sambutan daripada orang ramai dan masakan tradisi kuih jala untuk dijadikan sebagai produk di bawah program 1K1P. Produk-produk tersebut dipasarkan melalui ekspo-ekspo di dalam dan di luar daerah atau Kedai Kampung yang terletak di Pekan Bangar, Daerah Temburong, selain menerima tempahan dari orang ramai.

Di samping itu, salah satu usaha MPK Amo ialah memperkenalkan dan meningkatkan aktiviti pelancongan yang melibatkan seluruh penduduk kampung dengan memperkenalkan adat tradisi, kebudayaan dan cara hidup masyarakat setempat. MPK Amo menyediakan pakej *home-stay* (BND80 seorang) selama satu hari dua malam dengan mengadakan beberapa aktiviti, seperti malam kebudayaan, memperkenalkan makanan tradisi, sukan tradisi, kraf tangan dan *jungle tracking* / menyusuri sungai.

Usaha-usaha projek perekonomian yang dijalankan oleh para penduduk kampung berkenaan sedikit sebanyak dapat memberikan pendapatan yang kepada mereka, meskipun belum dapat menyediakan pekerjaan secara tetap. Melaluinya juga diharap akan dapat mengurangkan sikap bergantung dan berharap kepada kerajaan semata-mata dan sebaliknya meningkatkan sikap bantu diri dan sara diri dalam kalangan

penduduk kampung.

Dalam pada itu, MPK Amo juga merancang untuk mengemaskinikan lagi pengurusan setiap projek, mahupun aktiviti serta mengaktifkan pelaksanaan setiap projek dan aktiviti berkenaan. Ini adalah untuk menarik lebih ramai penyertaan penduduk kampung dalam projek / aktiviti yang dianjurkan oleh MPK Amo.

Dalam memeduli kebajikan penduduk kampung, MPK Amo telah menubuhkan dana kebajikan, iaitu Tabung Kebajikan MPK Amo, sejak tahun 2005 bagi membantu penduduk-penduduk dalam hal ehwal suka duka, ditimpa bencana alam, mahupun mengalami musibah atau tragedi. Para penduduk juga bergiat aktif dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan.

Tidak dinafikan kesepakatan yang diamalkan oleh penduduk di kampung ini mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada serta mencemerlangkan imej Kampung Amo.



Kenali
Negara
Kitani



Nikmati keenakan lepat MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Jabatan Daerah Temburong

KENALI Negara Kitani keluaran kali ini akan mengetengahkan kampung-kampung di bawah tadahan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Selangan, Parit dan Biang Menengah, terletak di Daerah Temburong. Kampung-kampung tersebut mempunyai sejarah tersendiri untuk dijadikan ristaan bersama.

Sejarah Ringkas

Kampung Selangan diambil nama dari sebatang anak sungai yang dinamakan Sungai Selangan. Nama anak sungai tersebut juga dipercayai berasal daripada bahasa Puak Murut. Ketika itu, kampung ini terletak 9 kilometer dari Pekan Bangar dan penduduknya 99 peratus terdiri daripada bangsa Melayu.

Kampung Parit pula terletak 10 kilometer dari Pekan Bangar. Kampung ini berasal dari nama sebatang anak sungai kecil yang dinamakan Sungai Parit. Nama Kampung Parit berasal daripada bahasa Puak Murut ketika itu dan sehingga masa ini, keseluruhan penduduk kampung berkenaan adalah puak Murut.

Manakala Kampung Biang Menengah

pada asalnya terletak di pertengahan Sungai Biang dan namanya juga berasal dari nama sebatang anak sungai, iaitu Sungai Biang. Terletak kira-kira 14 kilometer dari Pekan Bangar, kampung asal tersebut, iaitu Kampung Biang Menengah ketika ini tidak lagi didiami disebabkan kampung tersebut terletak jauh ke dalam hutan dan di seberang Sungai Temburong.

Kira-kira pada tahun 1990-an, penduduk Kampung Biang Menengah telah berpindah ke kawasan Kampung Sibulu dan kawasan tersebut dinamakan Kampung Biang Baru Sibulu. Ia terletak kira-kira 11 kilometer dari Pekan Bangar dengan penduduknya terdiri daripada bangsa Iban.

Sebuah lagi kampung, iaitu Kampung Sibulu, juga di bawah tadahan MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah, walaupun kampung itu tidak termasuk dalam nama MPK berkenaan. Untuk menuju ke kampung-kampung tersebut bolehlah menggunakan Jalan Batang Duri.

Dengan penduduk berbilang bangsa, ahli-ahli MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah sememangnya aktif mengendalikan pelbagai aktiviti seperti *walkathon* keluarga sihat, sukan ria dan

aktiviti riadah lainnya. Dengan mewujudkan kesepakatan dan muafakat dalam kalangan para penduduk kampung yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa itu sememangnya menjadikan para penduduk kampung tersebut hidup dengan harmoni dan saling hormat menghormati.

Sepertimana kampung-kampung lain di seluruh negara, kampung-kampung berkenaan juga mempunyai beberapa prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk kemudahan para penduduk kampung seperti sebuah sekolah rendah, masjid. Para penduduk kampung juga boleh dianggap bertuah kerana terdapat banyak sumber semula jadi yang boleh dimanfaatkan seperti terdapatnya sebuah kawasan bekas korekan kuari yang bersaiz besar; terdapat beberapa batang anak sungai kecil yang berdekatan; kawasan hutan yang masih luas untuk dijadikan tempat mengusahakan aktiviti pertanian bagi para penduduk kampung, serta keadaan tanah yang subur untuk mengusahakan aktiviti pertanian.

1K1P

Salah satu aktiviti perekonomian yang dikendalikan di bawah Biro Wanita

Selangan, Parit dan Biang Menengah adalah pembuatan kuih, iaitu lepat. Diperbuat daripada beras pulut yang dididih bersama santan sebelum dibungkus menggunakan daun silat, lepat merupakan hidangan kegemaran setiap kali berlangsungnya majlis-majlis keraian mahupun semasa Sambutan Hari Raya. Ahli-ahli Biro Wanita MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah menggunakan pelbagai kaedah untuk memasarkan produk mereka itu antaranya dengan menyertai ekspo dan bazar yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkenaan, baik di dalam mahupun di luar daerah ataupun memasarkannya di Kedai Kampung yang terletak di Pekan Bangar, Daerah Temburong. Biro Wanita MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah juga menerima tempahan dari orang ramai yang berminat untuk menikmati keenakan dan kelazatan lepat yang sememangnya dikenali di daerah permata hijau itu.

Biro Wanita MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah berharap aktiviti pembuatan lepat ini akan dapat dilaksanakan secara berterusan dan komitmen yang tinggi daripada ahli-ahlinya demi mencapai kejayaan yang dirancang.





Doktor Korea Selatan lancar mogok ke seluruh negara, beberapa perkhidmatan terganggu

SEOUL, 14 Ogos. - Doktor di Korea Selatan melancarkan mogok sehari Jumaat sebagai membantah rancangan pembaharuan perubatan kerajaan, dengan beberapa gangguan dijangka tidak dapat dielakkan, lapor agensi berita Yonhap.

Mogok itu adalah sebahagian daripada bantahan kuat Persatuan Perubatan Korea (KMA) terhadap rancangan pemerintah untuk menaikkan kuota kemasukan ke pusat pengajian perubatan.

Antara yang turut serta adalah pengamal perubatan di klinik kecil dan beberapa doktor pelatih, seperti pelatih dan penduduk, di hospital umum, kata KMA.

Namun, doktor yang bekerja di bidang penting, seperti unit rawatan rapi, pembedahan dan bilik kecemasan, terus bertugas seperti biasa.

Pihak berkuasa kesihatan berkata mereka tidak menjangkakan adanya gangguan besar, kerana hospital menggerakkan pekerja kesihatan alternatif, dan doktor di jabatan penting tidak ikut serta.

Ia merupakan mogok ketiga terbesar KMA sejak dua dekad yang lalu, selepas 2000 dan 2014. Minggu lalu, doktor pelatih di hospital besar melancarkan mogok satu hari yang berasingan.

Korea Selatan merancang untuk meningkatkan jumlah doktor di negara itu, dengan alasan kekurangan infrastruktur perubatan di luar bandar, serta

pandemik COVID-19, yang kemungkinan besar tidak akan berakhir segera.

Di bawah rancangan reformasi tenaga kerja perubatan negara, kementerian kesihatan merancang untuk memperluas kuota kemasukan ke pusat pengajian perubatan kepada 4,000 dalam 10 tahun ke depan mulai 2022, dan membuka pusat pengajian perubatan awam yang baharu.

Kumpulan itu menyatakan peningkatan jumlah doktor baharu hanya akan menyebabkan lebih banyak persaingan di antara doktor dan tidak akan membantu mengurangkan perbezaan kemudahan perubatan di antara wilayah.

Mereka turut membantah rancangan untuk memasukkan perubatan tradisional timur dalam sistem insurans kesihatan awam negara, kerana menganggap bidang tersebut kurang saintifik dan penting.

Pada hari Rabu, kementerian kesihatan mengatakan pihaknya terbuka untuk berunding dengan KMA, tetapi menambah ia tidak dapat menunda rancangan ini lebih jauh. Doktor tempatan menolak tawaran itu, berkata protes akan diadakan seperti yang dirancang.

Sehingga Khamis, 8,365 atau 24.7 peratus, daripada 33,836 klinik di seluruh negara, akan menutup klinik mereka, menurut kementerian kesihatan.

Jumlah sebenar klinik yang ditutup pada Jumaat belum dilaporkan.

Kementerian

Kesihatan

sebelumnya memerintahkan kerajaan tempatan memberikan perintah mandatori ke klinik untuk membuka kembali perkhidmatan

mereka apabila nisbah klinik ditutup di wilayah mereka melebihi 30 peratus. - ©BERNAMA

Vietnam gesa sekatan ditarik balik untuk aktiviti kemanusiaan pasca pandemik

HANOI, 14 Ogos. - Vietnam menggesa sekatan ditarik balik dan mewujudkan syarat mudah untuk aktiviti bantuan kemanusiaan di bawah konteks pandemik COVID-19.

Gesaan itu disuarakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Pham Binh Minh semasa perbahasan terbuka peringkat tinggi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pandemik dan cabaran

untuk mengekalkan keamanan, pada Rabu, lapor agensi berita Vietnam (VNA).

Dalam ucapannya, beliau turut menyentuh mengenai kesan mendalam COVID-19 pada semua aspek kehidupan yang mengancam kemajuan proses damai dan aktiviti kemanusiaan di kawasan dilanda konflik di seluruh dunia.

Minh menekankan perlunya penyelesaian komprehensif dan Vietnam mengalu-alukan

penerimaan Resolusi 2532 oleh Majlis Keselamatan, mengenai tindak balas COVID-19 dan menyokong rayuan Setiausaha Agung PBB untuk gencatan senjata global.

Pada perbahasan itu peserta menyambut baik kelulusan Resolusi 2532 dan perjuangan melawan COVID-19 menjadi peluang untuk meningkatkan kolaborasi serta penyatuan antarabangsa di PBB. - ©BERNAMA

Israel, UAE sepakat pulihkan hubungan

WASHINGTON, 14 Ogos. - Israel dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) bersetuju untuk memulihkan hubungan diplomatik, memetik kenyataan bersama Amerika Syarikat (AS), Israel, dan UAE pada Khamis, lapor agensi berita Xinhua.

Presiden Donald Trump yang menyampaikan kenyataan bersama itu di Twitter, mengatakan "diplomati bersejarah ini akan mengukuhkan lagi keamanan di rantau Timur Tengah dan menjadi bukti kepada diplomasi serta visi berani ketiga-tiga pemimpin".

Menurut kenyataan itu lagi "Israel akan menanggukkan

pengumuman kedaulatan yang digariskan dalam Visi Presiden untuk Perdamaian dan menumpukan usahanya kepada meluaskan hubungan dengan negara lain di dunia Arab".

Delegasi Israel dan UAE akan bertemu dalam beberapa minggu lagi untuk menandatangani perjanjian dua hala dalam pelbagai bidang, kata kenyataan itu.

Trump kemudian memberitahu wartawan di Rumah Putih, Israel dan UAE akan mengadakan majlis 'rasmi' mengenai perjanjian dalam beberapa minggu lagi.

Pengumuman itu menjadikan UAE negara Teluk Arab pertama

serta yang ketiga, selepas Mesir dan Jordan, menjalin hubungan diplomatik dengan Israel.

Duta Besar UAE ke AS Yousef Al Otaiba, menyifatkan pengumuman itu "segera menghentikan pemilikan paksa dan potensi meningkatnya keganasan. Ia mengekalkan daya maju penyelesaian dua negara seperti yang disokong Liga Arab dan masyarakat antarabangsa".

Pelan damai Timur Tengah kontroversi yang dilancarkan pentadbiran Trump pada Januari membenarkan pemilikan paksa oleh Israel di kawasan Tebing Barat, menimbulkan bantahan kuat di seluruh dunia. - ©BERNAMA

3 pesawat Qatar bawa bantuan perubatan tiba di Lubnan

BEIRUT, 14 Ogos. - Tiga pesawat yang membawa bantuan perubatan dan kemanusiaan yang disumbangkan oleh Qatar tiba di Lubnan pada Khamis, lapor agensi berita Qatar (QNA).

Dua pesawat Angkatan Udara Amiri mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Rafic Hariri dengan 44 tan metrik bantuan perubatan dan kemanusiaan di dalamnya.

Pesawat kargo lain juga tiba dengan membawa 50 tan metrik bantuan dan makanan serta keperluan penting lain untuk mereka yang terjejas oleh letupan Beirut.

Bantuan itu diterima oleh Duta Besar Qatar untuk Republik Lubnan Mohammed Hassan Jaber Al Jaber, di hadapan pengarah Pejabat Amal Qatar di Lubnan Badr Al Halahleh, dan wakil Komander Tentera Lubnan Brigadier Jeneral Roger Helou. - ©BERNAMA

Rusia akan terbitkan maklumat mengenai percubaan praklinikal dan klinikal vaksin COVID-19 dalam waktu terdekat - Menteri

PETROPAVLOVSK-KAMCHATSKIY (Rusia), 14 Ogos. - Rusia akan mengeluarkan maklumat mengenai ujian praklinikal dan klinikal vaksin COVID-19 dalam beberapa hari lagi, lapor agensi berita Sputnik, memetik Menteri Kesihatan Mikhail Murashko pada Jumaat.

Menurut menteri kesihatan, kritikan terhadap vaksin Rusia, yang merupakan vaksin COVID-19 pertama yang didaftarkan di dunia, sebahagian besar berkaitan dengan kurangnya informasi yang boleh dicapai mengenai percubaan tersebut.

Bercakap kepada wartawan, Murashko berkata tidak semua orang mengetahui bahawa "vaksin telah dikeluarkan di platform yang telah digunakan untuk enam produk", dan memberi jaminan bahawa ujian klinikal akan diteruskan.

"Dalam beberapa hari lagi, mungkin, pada Isnin, maklumat mengenai ujian praklinikal dan klinikal akan diterbitkan," kata Murashko. - ©BERNAMA

Jumlah kematian letupan Beirut meningkat kepada 177

BEIRUT, 14 Ogos. - Angka kematian akibat letupan besar di Pelabuhan Beirut minggu lalu meningkat kepada 177 orang, lapor Agensi Anadolu, memetik Menteri Kesihatan Lubnan, Hassan Hamad pada Khamis.

Mengambil kira 30 individu masih hilang selepas letupan maut di ibu kota itu, Hamad memberitahu siaran televisyen tempatan jumlah kematian berkemungkinan boleh mencapai 200 orang.

Tentera Lubnan dalam satu kenyataan berkata diplomat asing telah dimaklumkan mengenai mekanisme pengagihan bantuan berikutan kejadian berkenaan.

Maklumat mengenai bagaimana bantuan yang diterima oleh Lubnan akan sampai kepada mangsa letupan juga telah dikongsi dengan para diplomat, tambah

kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata keperluan pusat kesihatan dan hospital di negara itu akan ditentukan sebelum pengagihan bantuan perubatan dilakukan.

Bantuan perubatan akan diedarkan selaras dengan koordinasi antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertahanan negara itu, manakala bantuan makanan akan diedarkan dengan kerjasama tentera dan organisasi bukan kerajaan, katanya.

Tentera Lubnan berkongsi mekanisme penyaluran bantuan yang diterima oleh negara itu secara terus dengan diplomat asing berikutan tuduhan rasuah terhadap pemerintah negara itu oleh aktivis media sosial dan rusuhan yang menganjurkan tunjuk perasaan di Beirut.

Letupan kuat menggegarkan Beirut pada 4 Ogos setelah timbunan 2,750 tan metrik ammonium nitrat yang diabaikan di gudang terbakar.

Gelombang letupan meruntuhkan bangunan berhampiran dan menyebabkan kerosakan harta benda yang meluas di ibu negara, menyebabkan ratusan ribu orang kehilangan tempat tinggal.

Rusuhan ganas berterusan walaupun Perdana Menteri Hassan Diab dan barisan menteri telah mengundurkan diri sebagai kerajaan.

Presiden Lubnan Michel Aoun pada Rabu menyatakan kerosakan harta benda daripada letupan itu boleh menelan belanja lebih dari US\$15 bilion, menurut pertubuhan berita rasmi Lubnan. - ©BERNAMA

Itali wajibkan saringan COVID-19 untuk ketibaan dari Croatia, Greece, Sepanyol, Malta



ROM, 13 Ogos. - Itali mewajibkan ujian saringan COVID-19 kepada mereka yang tiba dari empat lagi negara iaitu Croatia, Greece, Malta dan Sepanyol, lapor agensi berita Sputnik, memetik Menteri Kesihatan Roberto Speranza. Keputusan itu dibuat di tengah-tengah peningkatan jumlah kes baharu. Sebilangan besar kes baharu

dikesan dalam kalangan golongan muda, kebanyakannya baru pulang dari percutian di luar negara atau perwakilan diaspora yang tinggal beramai-ramai. Sebanyak 300 kes baharu COVID-19 dilaporkan sepanjang Julai, sama seperti di peringkat awal penularan wabak (akhir Februari - awal Mac). Namun, baru-baru ini, jumlah

yang dijangkiti meningkat. Pada Ogos jumlah kes melebihi 400 dan pernah mencecah sehingga 552 kes pada 7 Ogos. Menteri itu berkata Colombia dimasukkan ke dalam negara yang disenarai hitam kerana peningkatan kes yang dicatatkan di negara itu. Sebelum ini, terdapat 16 negara termasuk Brazil, Armenia, Moldova, Montenegro dan Serbia. Pada akhir Julai, kuarantin wajib dikenakan terhadap mereka yang mengunjungi Bulgaria dan Romania. Sehingga Rabu, jumlah kes

COVID-19 di Itali mencecah 251,000 dengan 35,225 kematian dan lebih 202,000 orang pulih. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia jumlah kematian global sudah menjangkau lebih 737,000 orang, dengan jumlah kes di seluruh dunia melebihi 20.1 juta. - ©BERNAMA

Ekonomi AS lebih baik berbanding Eropah, kata Trump

BOGOTA, 13 Ogos. - Presiden Donald Trump dalam satu taklimat tindak balas ekonomi terhadap pandemik COVID-19 pada Rabu berkata, ekonomi negara Amerika Syarikat (AS) "jauh lebih baik berbanding Eropah", lapor Agensi Berita Anadolu. Merujuk kepada pelbagai grafik dan carta yang menjelaskan mengenai ekonomi AS, Trump membincangkan pemulihan pasaran saham, kebangkitan semula sektor pembinaan, permintaan automobil, "pertumbuhan" sektor pembuatan dan peningkatan pekerjaan. Beliau kemudian membandingkan data COVID-19 AS dengan Eropah. "Walaupun ekonomi kita menunjukkan prestasi jauh lebih baik daripada Eropah, apa yang harus difahami oleh orang ramai, sebenarnya, prestasinya lebih baik daripada mana-mana pasaran pun

di dunia. Pada masa sama, Eropah mencatatkan kematian 40 peratus lebih tinggi berbanding AS," katanya dalam ucapan perasmian. "Dan saya mengatakan bahawa itu adalah jumlah yang sangat signifikan". Trump mengadakan sidang media itu berikutan calon Demokrat Joe Biden dan Senator Kamala Harris membuat penampilan pertama sebagai rakan sepasukan di Delaware. Biden dan Harris berulang kali mengecam cara Trump mengendalikan pandemik COVID-19 dan tindakannya yang tidak konsisten mengenai penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka serta mengkritik kemerosotan ekonomi yang timbul daripadanya. Menurut Harris Trump "mewarisi pengembangan

ekonomi terpanjang dalam sejarah berbanding Barack Obama dan Joe Biden, dan kemudian seakan semua perkara yang diwarisinya, Trump telah musnahkan". Dalam satu taklimat media pada Selasa, Trump berkata Harris bertindak 'jahat' kepada Biden semasa sesi perbincangan Demokrat 2019. Pada Rabu, Trump mengulangi beliau terkejut Biden memilih Harris kerana dia mengatakan "perkara teruk" tentangnya dan "mengejeknya secara terbuka," memanggilnya "sangat lemah mengenai fakta". "Saya rasa itu mungkin salah satu sebab dia menjadi calon yang teruk dan terpaksa meningkatkan perlumbaan, kerana dia salah mengemukakan fakta. Anda tahu, dia sangat teruk mengenai fakta, dia sangat lemah pada fakta," katanya. - ©BERNAMA

Argentina, Mexico akan hasilkan vaksin COVID-19

BOGOTA, 13 Ogos. - Argentina dan Mexico akan menghasilkan vaksin COVID-19 untuk sebahagian besar Amerika Latin yang akan dibangunkan oleh gergasi farmaseutikal AstraZeneca dengan Universiti Oxford, umum Presiden Argentina Alberto Fernandez pada Rabu. "Pengeluaran Amerika Latin akan dikendalikan di Argentina dan Mexico, dan ia membolehkan akses yang tepat pada masanya dan berkesan untuk semua negara di rantau ini," lapor agensi Anadolu memetik Fernandez. "Kami berharap dapat memulakan proses pengeluaran secepat mungkin". Pada awalnya mereka akan menghasilkan 150 hingga 250 juta dos vaksin untuk dibekalkan ke seluruh Amerika Latin kecuali Brazil, yang telah membuat perjanjian berasingan pada Jun bagi menghasilkan vaksin tersebut untuk negara mereka. Menteri Luar Mexico Marcelo Ebrard menulis di Twitter bahawa kerjasama itu telah dibuat oleh Fernandez dan Presiden Mexico Andres Manuel Lopez Obrador dan mengucapkan terima kasih kepada Carlos Slim Foundation, yang membiayai pengeluaran itu. Sementara itu, kes dan kematian COVID-19 terus meningkat di negara-negara Latin Amerika yang paling teruk terjejas, terutama di Brazil, Mexico dan Peru, dan kini Colombia dan Argentina adalah antara negara yang paling teruk terjejas. Negara Amerika Selatan masih berada di kedudukan kedua negara di dunia yang paling teruk dilanda COVID-19. Jumlah kes yang disahkan kini berjumlah 3,164,785, termasuk 104,201 kematian, menurut pihak berkuasa kesihatan. Di Mexico, jumlah kes COVID-19 meningkat kepada 498,380 dan jumlah terkorban mencecah 54,666. - ©BERNAMA

Vaksin Sputnik V, disyorkan kepada mereka berumur 18 hingga 60 tahun

MOSCOW, 13 Ogos. - Vaksin baharu Rusia untuk COVID-19 disyorkan kepada individu berusia 18 hingga 60 tahun, kata ketua Pusat Kesihatan Saintifik Kementerian Kesihatan Rusia Vladimir Bondarev pada Rabu. "Di Rusia, menjadi kebiasaan untuk mengesahkan (vaksin untuk) kanak-kanak daripada lahir hingga 18 tahun; dewasa daripada 18 hingga 60 tahun; dan warga emas - berusia lebih 60 tahun. Kajian klinikal kini dilakukan terhadap sekumpulan sukarelawan berusia 18 hingga 60 tahun. Oleh itu, vaksin ini sekarang ditujukan untuk kegunaan kepada mereka yang berusia 18 hingga 60 tahun," kata Bondarev dalam satu taklimat. Pakar itu juga berkata kajian klinikal tambahan diperlukan untuk warga emas dan mungkin akan dilakukan semasa ujian klinikal pasca pendaftaran, lapor agensi berita Sputnik. Sementara itu, pengarah Institut Penyelidikan Kebangsaan Epidemiologi dan Mikrobiologi Gamaleya Alexander Gintsburg berkata, beliau yang bakal mencecah umur 60 tahun sudah diberikan suntikan dengan vaksin itu dan berada dalam keadaan baik. Awal minggu ini, Rusia mengumumkan untuk mendaftarkan vaksin COVID-19 pertama di dunia, dikenali Sputnik V. Presiden Vladimir Putin sudah memberi kelulusan terhadap vaksin itu. Vaksin itu dibangunkan secara bersama oleh institut penyelidikan Gamaleya dan Dana Pelaburan Langsung Rusia. Sehingga kini vaksin berkenaan sudah diuji terhadap 76 orang sukarelawan di dua buah institusi - Universiti Sechenov di Moscow dan Hospital Tentera Burdenko di Kementerian Pertahanan. - ©BERNAMA

Korban keganasan kaum di Sudan meningkat 25 orang

MOSCOW, 13 Ogos. - Jumlah yang terkorban dalam keganasan kaum di Port Sudan, di timur laut Sudan meningkat kepada 25 orang manakala 87 yang lain cedera, lapor agensi berita Sputnik. Laporan awal mengatakan 13 orang terbunuh dan 42 lagi cedera dalam pertempuran yang tercetus di ibu negara Red Sea itu. Pertembungan antara kaum Beni-Amer dan Nuba itu meletus pada Ahad, lapor akhbar Al-Taghyeer pada Rabu. Pada Selasa, gabenor Red Sea mengisytiharkan perintah berkurung susulan peningkatan gelombang keganasan. Tahun lalu, konflik serupa menyebabkan 37 orang terkorban dan ratusan lagi cedera. - ©BERNAMA

Perancis pertingkatkan ketenteraannya di Mediterranean Timur

LONDON, 13 Ogos. - Perancis pada Rabu berkata ia akan meningkatkan sementara kehadiran tenteranya di Mediterranean Timur dalam beberapa hari akan datang, lapor agensi berita Anadolu. Presiden Emmanuel Macron dan Perdana Menteri Greece Kyriakos Mitsotakis membincangkan situasi terkini di rantau itu, kata pejabat Macron dalam satu kenyataan. Menggariskan kepentingan penyelesaian pertikaian menerusi dialog, Macron menarik perhatian kepada keperluan "perundingan yang lebih besar" antara Greece dan Turki dan mengalu-alukan inisiatif Jerman sebagai orang tengah. Beliau juga memutuskan untuk secara sementara meningkatkan kekuatan ketenteraan Perancis di Mediterranean Timur dalam beberapa hari akan datang, sebagai bekerjasama dengan rakan-rakan Perancis dalam Kesatuan Eropah, kata kenyataan itu. Sebagai sebahagian daripada aktiviti tinjauan hidrokarbon

negara itu, Turki pada 10 Ogos 2020 mengeluarkan NAVTEX (navigasi teleks), mengumumkan bahawa kapal Oruc Reis akan memulakan penyelidikan gelombang Seismik baharu di Mediterranean Timur. Keputusan Turki itu dibuat berikutan perjanjian persepadaanan kontroversi yang ditandatangani antara Greek dan Mesir, hanya sehari setelah Turki berkata akan menanggukkan kegiatannya di rantau ini sebagai tanda muhibah setelah usaha dialog oleh Jerman. Tetapi selepas mengisytiharkan perjanjian itu "batal dan tidak berlaku," Turki memberi kuasa kepada Oruc Reis untuk meneruskan kegiatannya di kawasan yang berada dalam lingkungan benua Turki. Kapal ini akan meneruskan aktiviti seismik di Mediterranean Timur bersama dengan Cengiz Han dan Ataman sehingga 23 Ogos. Turki secara konsisten menentang pentadbiran Greek Cypriot yang menjalankan aktiviti penggerudian satu pihak di

Mediterranean Timur, dengan menegaskan bahawa Republik Turki Cyprus Utara (TRNC) juga memiliki hak ke atas sumber-sumber di wilayah tersebut. Pada 1974, susulan rampasan kuasa oleh Greece yang mengambil alih Cyprus, Ankara perlu campur tangan sebagai kuasa penjamin. Pada 1983, TRNC ditubuhkan. Berdekad lamanya telah menyaksikan beberapa percubaan untuk menyelesaikan pertikaian Cyprus, yang semuanya berakhir dengan kegagalan. Terakhir, ia diadakan dengan penyertaan negara penjamin Turki, Greek dan United Kingdom di Switzerland pada 2017 yang berakhir tanpa kemajuan. Keputusan Turki untuk mengumumkan penerokaan baharu di Mediterranean Timur menimbulkan kebimbangan di Greek pada Isnin apabila Athens bertindak balas dengan membuat pengumuman sendiri dan meletakkan pasukan tentera lautnya dalam situasi berjaga-jaga. - ©BERNAMA



Letupan di Beirut, Presiden Lubnan ikrar teruskan siasatan terperinci

BEIRUT, 12 Ogos. - Presiden Lubnan Michel Aoun pada Selasa berikrar beliau akan meneruskan siasatan terhadap insiden letupan di Beirut pada 4 Ogos, membunuh 171 orang dan mencederakan kira-kira 6,000 yang lain, lapor agensi berita Xinhua.

"Saya tidak akan berdiam diri dan tidak akan berhenti sehingga

dapat mendedahkan semua fakta mengenai insiden itu; merujuk kejadian berkenaan kepada Majlis Agung Kehakiman merupakan langkah pertama," kata Aoun dalam satu kenyataan.

Maklumat awal menunjukkan ammonium nitrat yang disimpan sejak tahun 2014 di gudang No. 12 di Pelabuhan Beirut mungkin menjadi punca kejadian.

Kepemimpinan Lubnan menerima kritikan hebat daripada rakyat yang menuduh mereka lalai dalam memastikan aspek keselamatan mengenai

penyimpanan ammonium nitrat itu.

Pada Isnin, barisan kabinet Lubnan umum mengundurkan diri.

Kabinet merujuk kes itu kepada dewan kehakiman selaras dengan cadangan Menteri Kehakiman Marie-Claude Najm. - ©BERNAMA

WHO sedang bincang dengan Rusia mengenai vaksin COVID-19 - Jurucakap

GENEVA, 12 Ogos. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sedang dalam perbincangan dengan Rusia mengenai kemungkinan pra kelayakan vaksin COVID-19 pertama di dunia, lapor agensi berita Xinhua, memetik jurucakap WHO pada Selasa.

"Kami kini sedang berhubung dengan pihak berkuasa kesihatan Rusia dan perbincangan masih berjalan mengenai kemungkinan pra kelayakan vaksin berkenaan oleh WHO," kata jurucakap WHO Tarik Jasarevic dalam taklimat media secara maya.

"Pra kelayakan daripada mana-mana vaksin melibatkan tinjauan dan penilaian yang ketat terhadap semua data yang diperlukan untuk keselamatan dan keberkesanan" dalam ujian klinikal, kata Jasarevic, sambil menambah di peringkat WHO, proses ini adalah serupa bagi setiap calon vaksin.

"Setiap negara mempunyai badan pengawasan nasional yang meluluskan penggunaan vaksin atau ubat-ubatan di wilayahnya," katanya. "Pengilang memohon pra kelayakan WHO kerana ia membuktikan piawaian kualiti".

Presiden Rusia Vladimir Putin pada Selasa berkata negaranya telah mendaftarkan vaksin melawan COVID-19 pertama di dunia.

Putin berkata beliau berharap pengeluaran massa vaksin yang telah didaftarkan di Rusia akan bermula dalam waktu terdekat, dan pemvaksinan tersedia untuk orang ramai di negara ini secara sukarela.

Timbalan Perdana Menteri Rusia, Tatyana Golikova berkata beliau berharap pengeluaran vaksin itu akan dimulakan pada akhir Ogos atau awal September dan pekerja kesihatan akan menjadi yang pertama diberi vaksin. - ©BERNAMA

Vaksin COVID-19 pertama didaftarkan, diberi nama Sputnik V

MOSCOW, 12 Ogos. - Vaksin pertama di dunia yang didaftarkan untuk merawat COVID-19 serta dibangunkan oleh Rusia diberi nama Sputnik V, memetik laman web rasmi vaksin pada Selasa.

"Pada 1957, kejayaan pelancaran satelit buatan manusia pertama Kesatuan Soviet menjadi pemacu kepada penyelidikan ruang angkasa di seluruh dunia.

"Terima kasih atas perbandingan ini, vaksin berkenaan diberi nama Sputnik V," jelas laman web itu.

Buat masa ini ada lebih 160 vaksin COVID-19 sedang dibangunkan di seluruh dunia, lapor Agensi Berita Rusia TASS.

Laman web berkenaan diwujudkan "untuk menyalurkan dan menyebarkan maklumat terperinci serta terkini mengenai vaksin berkenaan" dan "memerangi maklumat palsu mengenai vaksin yang dibuat oleh beberapa saluran berita antarabangsa," kata kenyataan itu.

Terdahulu, pada Selasa ketua Dana Pelaburan Langsung Rusia (RDIF) Kirill Dmitriev menyatakan terdapat "serangan maklumat terhadap vaksin Rusia".

Presiden Vladimir Putin pada hari yang sama dilaporkan berkata Rusia negara pertama di dunia yang mendaftarkan vaksin COVID-19.

Ia berikutan kejayaan ujian klinikal yang dibuat pada Jun-Julai oleh Institut Penyelidikan Kebangsaan Epidemiologi dan Mikrobiologi Gamaleya, Kementerian Kesihatan Rusia. - ©BERNAMA

Rusia terima tempahan vaksin COVID-19 daripada 20 negara

MOSCOW, 12 Ogos. - Rusia sudah menerima permintaan daripada 20 negara untuk pengeluaran 1 bilion dos vaksin COVID-19, kata ketua Dana Pelaburan Langsung Rusia Kirill Dmitriev.

"Banyak negara luar berminat terhadap vaksin Rusia yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Kebangsaan Epidemiologi dan Mikrobiologi Gamaleya.

"Kami telah menerima permintaan awal untuk pembelian lebih 1 bilion dos vaksin dari 20 negara. Kami bersedia memastikan pengeluaran lebih 500 juta dos vaksin bersama dengan rakan asing kami di lima negara, dan merancang untuk meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran," katanya.

Menurut Dmitriev, setakat hari ini, beberapa negara Amerika Latin, Timur Tengah dan

Asia menyuarakan minat untuk membeli vaksin Rusia, lapor Agensi Berita Rusia TASS.

Beberapa kontrak juga telah dimuktamadkan.

Beliau berkata RDIF bersetuju untuk mengadakan ujian klinikal tahap ketiga vaksin COVID-19 di luar negara dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi dan negara-negara lain. - ©BERNAMA

Biden pilih Kamala Harris sebagai gandingan

WASHINGTON, 12 Ogos. - Bekas Naib Presiden Amerika Syarikat (AS) merangkap calon Demokratik Joe Biden pada Selasa mengumumkan beliau memilih Senator Kamala Harris dari California sebagai gandingannya, lapor agensi berita Xinhua.

Menerusi akaun Twitternya, Biden berkata Harris "pejuang yang berani walau kecil orangnya dan antara pegawai awam terbaik di negara ini".

Dipilih pada 2016, Harris, 55, wanita Afrika Amerika kedua dalam sejarah menjadi anggota Senat AS. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai peguam

negara California.

Dengan pemilihan itu, beliau menjadi wanita ketiga dalam sejarah AS menjadi calon naib presiden, selepas Geraldine Ferraro dari Demokrat sebagai calon presiden pada 1984 dan Sarah Palin dari Republikan sebagai naib presiden pada 2008.

Sementara itu, Harris memuji calon Demokratik yang dianggap sebagai orang yang "dapat menyatukan rakyat Amerika kerana beliau menghabiskan hidupnya berjuang untuk kita. Dan sebagai presiden, dia akan membina Amerika yang sesuai".

"Saya merasa bertuah dapat

bergandingan dengan beliau," tambahnya.

Anak kepada imigran India dan Jamaica itu, Harris menawarkan diri untuk bertanding pada Januari 2019. Disebabkan kekurangan dana, beliau menarik diri daripada persaingan kira-kira setahun kemudian.

Pada Mac 2020, Harris menyuarakan sokongan terhadap Biden. Beliau menghabiskan sebahagian besar karier politiknya sebagai pendakwa dan menjadi terkenal di negara ini sebagai pemimpin dalam memperjuangkan hak sama rata dan reformasi keadilan jenayah. - ©BERNAMA

Trump terkejut Biden pilih Harris sebagai gandingan

WASHINGTON, 12 Ogos. - Presiden Donald Trump terkejut apabila Joe Biden memilih Kamala Harris menjadi calon naib presidennya memandangkan penampilan senator itu yang dilihat kurang menyerlah, lapor agensi berita Sputnik.

Terdahulu, Biden dalam satu kenyataan mengumumkan beliau memilih Harris, bekas Peguam Negara California sebagai gandingannya.

"Saya agak terkejut kerana dia (Biden) memilih (Harris)," kata Trump dalam satu taklimat pada Selasa.

Trump berkata Harris mahu memotong dana ketenteraan, menentang fracking atau peretakan hidrolik selain prestasi yang kurang memuaskan di peringkat awal.

Katanya, beliau (Harris) 'bersikap jahat' kepada Hakim Mahkamah Agung Brett Kavanaugh sepanjang proses pencalonannya.

Israel serang kedudukan Hamas di Gaza

GAZA CITY, 13 Ogos. - Tentera Israel mengebom kedudukan kumpulan Palestin Hamas di Semenanjung Gaza yang diduduki pada Khamis, lapor Agensi Anadolu.

Pesawat perang Israel menyerang kedudukan milik Briged Izz ad-Din al-Qassam, sayap tentera Hamas.

Tiada korban jiwa dilaporkan memetik Kementerian Kesihatan Palestin.

Pegawai Israel mendakwa serangan itu dilakukan sebagai tindak balas terhadap beberapa belon api yang dilancarkan dari Semenanjung Gaza ke atas Israel. - ©BERNAMA

Biden membuat pengumuman itu enam hari sebelum pembukaan Konvensyen Kebangsaan Demokratik yang dijadual di Milwaukee, Wisconsin, berlangsung sehingga 20 Ogos. Biden tidak akan menghadiri konvensyen itu berikutan wabak COVID-19. - ©BERNAMA

Persiapan percubaan vaksin Sputnik V dijangka bermula di Brazil minggu depan



RIO DE JANEIRO, 12 Ogos. - Institut Teknologi Parana (TECPAR) di Brazil akan memohon dokumen teknikal untuk vaksin COVID-19 Rusia pada minggu depan, sebagai persiapan untuk memulakan percubaan terhadap vaksin itu.

"Kami percaya selepas menandatangani perjanjian kerangka kerja pada esok (Rabu), TECPAR pada minggu depan boleh mula mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa Rusia," kata seorang pegawai di pejabat gabenor negeri selatan, Guto Silva lapor

agensi berita Rusia TASS.

Beliau berkata perincian mengenai jangka masa pelaksanaan kerangka perjanjian, masalah pengiriman, akses kepada teknologi Rusia yang berkaitan dan kemungkinan menghasilkan vaksin di Brazil, bakal dibincangkan pada Rabu dalam telesidang antara Gabenor Parana, Ratinho Junior, dan Ketua Dana Pelaburan Langsung Rusia (RDIF) Kirill Dmitriev.

Menurut Silva, TECPAR mempunyai kemudahan penyelidikan yang cukup untuk menjalankan ujian makmal vaksin

Rusia itu, sementara hubungannya dengan Yayasan Oswaldo Cruz (Fiocruz) Kementerian Kesihatan Brazil memberi peluang percubaan di peringkat persekutuan dapat dilakukan.

"Kami berminat untuk menjadi pusat pembangunan vaksin ini. Yang penting, kerajaan persekutuan mempunyai pendirian yang sama dengan kami," katanya.

Media Brazil pada Selasa melaporkan kerajaan Parana dan RDIF sedang bersiap sedia untuk memeterai perjanjian menguji dan mengeluarkan vaksin Rusia

itu. Bagaimanapun, badan pengawasan kebersihan Brazil, Anvisa mengatakan pihaknya belum menerima permohonan untuk ujian dan pendaftaran vaksin. Terdahulu, pada Selasa, Presiden Vladimir Putin mengumumkan Rusia sudah mendaftarkan vaksin COVID-19

pertama di dunia. Menurut Menteri Kesihatan Mikhail Murashko, vaksin diberi nama Sputnik V itu dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Kebangsaan Epidemiologi dan Mikrobiologi Gamaleya, ujian klinikalnya yang dijalankan pada Jun-Julai berjaya membuahkan hasil. Putin juga mendedahkan seorang daripada anak perempuannya menerima suntikan vaksin itu dan dalam keadaan sihat. - ©BERNAMA

COVID-19 : Auckland, New Zealand dikenakan sekatan pergerakan diperketatkan

WELLINGTON, 12 Ogos. - Bandar terbesar di New Zealand, Auckland, mengenakan amaran Tahap Tiga pada Rabu selama tiga hari berikutan empat kes COVID-19 melibatkan penularan komuniti pada Selasa, lapor agensi berita Xinhua.

Perdana Menteri Jacinda Ardern pada sidang media berkata selepas 102 hari tanpa penularan tempatan,

New Zealand merekodkan empat kes baharu, jangkitan daripada sumber tidak diketahui.

Ini adalah kes pertama di luar kemudahan pengasingan, selepas negara itu mengumumkan kejayaan awalnya membendung virus berkenaan. Kes berkenaan membabitkan sekeluarga yang tinggal di Auckland Selatan dan tidak mempunyai sejarah

perjalanan antarabangsa.

Ardern berkata kes-kes itu tidak berkaitan dengan pelancong asing atau orang yang bekerja di sempadan dan menyeru rakyat untuk senantiasa berjaga-jaga.

"Tempoh tiga hari ini akan memberi kita masa untuk menilai keadaan, mengumpulkan maklumat, mengesan kontak," kata Ardern. - ©BERNAMA

Kerajaan Afghanistan bebaskan 80 banduan Taliban

KABUL, 14 Ogos. - Kerajaan Afghanistan pada Khamis membebaskan 80 daripada 400 banduan Taliban, lapor agensi berita Xinhua, memetik jurucakap Pejabat Majlis Keselamatan Kebangsaan Afghanistan pada Jumaat.

Pembebasan banduan itu diluluskan oleh Perunding Loya Jirga atau Majlis Tertinggi, kata jurucakap Javid Faisal dalam satu kenyataan.

Perjanjian damai yang ditandatangani antara Amerika Syarikat dan Taliban di Qatar pada

Februari memerlukan Afghanistan membebaskan 5,000 tahanan manakala sebagai ganti kumpulan itu akan melepaskan 1,000 askar atau kakitangan kerajaan.

Sejak awal Mac, Afghanistan sudah membebaskan 5,100 termasuk 500 banduan yang tidak termasuk dalam senarai Taliban.

Sementara itu, Taliban membebaskan 1,000 tentera atau kakitangan Afghanistan, tetapi kerajaan menagguhkan pembebasan 400 tahanan Taliban kerana terlibat dalam jenayah serius.

Pada Isnin, Presiden Mohammad Ashraf Ghani mengeluarkan keputusan untuk mengampunkan dan membebaskan 400 tahanan Taliban, sehari selepas 3,400 anggota Loya Jirga mengundi.

Di bawah perjanjian itu, pasukan perikatan yang dipimpin Amerika Syarikat (AS) dan NATO akan meninggalkan Afghanistan menjelang Julai tahun depan, bergantung sama ada Taliban memenuhi syarat perjanjian berkenaan, termasuk memutuskan hubungan dengan kumpulan pengganas asing. - ©BERNAMA

Perniagaan AS tidak tinggalkan pasaran China walaupun hubungan sedang tegang : Tinjauan

WASHINGTON, 12 Ogos. - Perniagaan Amerika Syarikat (AS) tidak meninggalkan pasaran China walaupun berlaku "kemerosotan yang belum pernah terjadi sebelumnya" dalam hubungan AS-China ketika pandemik COVID-19, lapor agensi berita Xinhua berdasarkan tinjauan tahunan anggota yang dikeluarkan pada Selasa oleh Majlis Perniagaan AS-China (USCBC).

"Kedua-dua data kami dan juga perbualan dengan syarikat anggota menunjukkan bahawa syarikat AS kekal komited dengan pasaran China untuk jangka panjang," kata tinjauan itu.

USCBC adalah kumpulan perdagangan yang mewakili lebih

dari 200 syarikat AS yang menjalankan perniagaan dengan China. Sebanyak 83 peratus syarikat menganggap China sebagai teratas atau antara lima yang utama bagi strategi global syarikat, menunjukkan tinjauan itu, yang dijalankan pada penghujung Mei dan Jun tahun ini, melibatkan lebih daripada 100 syarikat ahli USCBC.

Unjuran mengenai prospek perniagaan lima tahun di China juga menunjukkan perkara yang sama, dengan hampir 70 peratus menyatakan mereka optimis terhadap prospek komersial pasaran, menurut tinjauan itu.

Sembilan puluh satu peratus syarikat menunjukkan operasi

China mereka menguntungkan, walaupun pada margin yang lebih rendah daripada tahun-tahun lepas, tinjauan menunjukkan, halangan utama terhadap keuntungan adalah COVID-19 dan kesannya terhadap ekonomi.

Sebagai hasil daripada keyakinan jangka panjang terhadap pasaran China, 87 peratus syarikat melaporkan tiada rancangan untuk memindahkan pengeluaran mereka dari negara itu, menurut tinjauan itu, beberapa buah syarikat sedang mencari potensi pelaburan baharu.

Bagaimanapun, satu perempat syarikat ahli USCBC telah mengurangkan atau menghentikan pelaburan yang dirancang di China

pada tahun lalu, tinjauan menunjukkan, alasan utama adalah kenaikan kos, keraguan terhadap ketegangan perdagangan AS-China, dan ketidakpastian yang timbul daripada COVID-19. Tinjauan tahunan itu turut menyatakan bahawa hubungan

AS-China merupakan cabaran utama buat syarikat AS di China bagi tahun ketiga berturut-turut, kerana 86 peratus anggota USCBC melaporkan bahawa ketegangan perdagangan dua hala telah mempengaruhi perniagaan mereka di negara itu. - ©BERNAMA

Korea Selatan larang 'pengiklanan pintu belakang' mulai September

SEOUL, Ogos 12. - Korea Selatan melarang penggiat media sosial daripada melancarkan produk atau perkhidmatan terbaharu di platform dalam talian yang tidak menjelaskan hubungan perniagaan mereka dengan penaja korporat, kata para pegawai pada Rabu.

Langkah itu berikutan kontroversi mengenai beberapa orang penggiat media sosial terkenal yang terlibat dengan amalan 'berteduh' yang dikenali sebagai 'iklan pintu belakang', lapor agensi berita Yonhap.

Suruhanjaya Hal Ehwal Perdagangan (FTC), pemantau antimonopoli negara, berkata garis panduan iklan untuk platform dalam talian yang disemak semula akan berkuat kuasa mulai September.

Peraturan baharu itu menghendaki penggiat di platform media sosial, seperti YouTube atau Instagram, untuk menyatakan dengan jelas sama ada produk sokongan mereka "diberi penghargaan kewangan atau bertujuan untuk promosi". Perkataan yang tidak jelas seperti "terima kasih kepada" atau "kumpulan pengulas" juga dilarang pada video mereka.

Badan pemantau korporat berkata ia akan mula menghentikan atau menghukum pihak yang melanggar peraturan itu selepas beberapa tempoh panduan.

Pihak yang melanggar sama ada penggiat mahupun penaja korporat akan dikenakan denda sehingga dua peratus daripada jualan dan keuntungan berkaitan atau 500 juta won (US\$422,000).

Beberapa orang penggiat media sosial menerima kritikan berikutan iklan pintu belakang mereka. Seorang penggiat media sosial yang popular menerusi kandungan mukbang (makan dan siar) dengan 4.7 juta orang penonton baru-baru ini meminta maaf kerana terlibat dalam amalan iklan yang tidak adil.

Sebagai tambahan, YouTuber terkenal dengan 2.68 juta orang penonton telah mengumumkan persaraannya daripada mukbang. Tahun lalu, pemantau antimonopoli buat pertama kalinya telah menyekat 'iklan pintu belakang syarikat' yang menggunakan penggiat media sosial untuk membuat ulasan. - ©BERNAMA

Bekas Presiden Mexico dituduh terima rasuah

MEXICO CITY, 12 Ogos. - Bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat minyak Mexico, Pemex, berkata pada Selasa bekas Presiden Enrique Pena Nieto menerima rasuah dari syarikat gergasi pembinaan Brazil, Odebrecht serta memberi suapan kepada ahli politik Emilio Lozoya. Perkara itu didedahkan Lozoya di pejabat peguam negara. Beliau kini ditahan kerana terlibat dengan skandal rasuah.

Dalam mesej video, Peguam Negara Alejandro Gertz Manero berkata, menurut Lozoya, kedua-dua Pena Nieto dan bekas Menteri Kewangan Luis Videgaray turut terbabit dalam skandal itu, menggunakan sebahagian duit untuk membeli undi kongres bagi mendapatkan kelulusan rang undang-undang pembaharuan tenaga, yang pernah mencetuskan kontroversi.

Lozoya baru-baru ini diserahkan ke Mexico oleh Sepanyol untuk dibicarakan atas tuduhan menerima suapan US\$10.5 juta dari Odebrecht antara tahun 2012 dan 2014.

Sebanyak 4.4 juta dolar US digunakan untuk membayar perunding politik asing bagi membantu kempen pilihan raya Nieto pada 2012, kata Lozoya.

Lozoya turut menyerahkan resit, rakaman video dan empat orang saksi untuk menyokong tuduhannya itu, kata Manero, sambil menambah pihak berkuasa merancang meneliti bukti itu.

Lozoya, menerajui Pemex pada 2012-2016 dan ditahan di Sepanyol pada Februari sebelum dihantar pulang ke Mexico awal bulan ini. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

SUKAN Penyelaman bebas (Free diving) merupakan sukan ekstrem yang bergantung kepada kemahiran ketahanan mental individu dan pengurusan penggunaan udara yang efisien tanpa menggunakan sebarang alat pernafasan.

Dua penyelaman bebas berjaya mencatatkan rekod kebangsaan dalam sukan berkenaan di Constant Weight Bifin dengan kedalaman 44m.



ePaper Pelita Brunei

Platform mengasah pemain bola sepak muda tempatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad



PROJEK Ikan Pusu (PIP) merupakan program pembangunan bola sepak kebangsaan yang ditubuhkan pada 2001 sehingga kini telah menghasilkan ramai pemain yang berpotensi dan mewakili berbagai-bagai pasukan kebangsaan di semua peringkat umur perwakilan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Pelbagai langkah dan usaha terus dipergiatkan untuk memajukan bola sepak yang merupakan salah satu sukan paling terkenal dan sangat digemari oleh semua peringkat usia di negara ini.

Projek Ikan Pusu (PIP) yang merupakan

program pembangunan bola sepak kebangsaan yang ditubuhkan pada 2001 sehingga kini telah menghasilkan ramai pemain yang berpotensi dan mewakili berbagai-bagai pasukan kebangsaan di semua peringkat umur perwakilan.

PIP turut memfokuskan kepada program

pembangunan bagi jurulatih bola sepak muda di peringkat akar umbi dalam usaha mendukung serta memberi galakan kepada para pemain untuk turut menyumbang balik kepada sukan popular.

Orang ramai yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut atau ingin mendapatkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) bolehlah melayari Laman Sesawang NFABD di alamat www.nfabd.org/grassroots.

Ibu bapa atau penjaga yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka berumur dari lima hingga 19 tahun mengikuti PIP bolehlah terus berhubung dengan Ketua Jurulatih, Awang Haji Omar semasa latihan pada setiap Jumaat dan Ahad.

Pengalaman PIP menyertai beberapa pelawaan seperti penyertaan dua pemain bola sepak muda berusia 12 tahun yang terpilih mewakili negara dalam Program Sosial Kanak-Kanak Antarabangsa Bola Sepak bagi Persahabatan (F4F) sempena Piala Dunia FIFA 2018 di Moscow, Rusia setentunya satu pencapaian yang patut dibanggakan dan dapat membuka peluang ke arah meningkatkan sukan bola sepak di

negara ini.

Program khas ini untuk memotivasikan pemain-pemain muda, khususnya di bawah 12 tahun. Ini adalah peluang keemasan yang diberikan oleh pihak penganjur dan NFABD untuk pemain-pemain tempatan untuk mewakili negara di peringkat yang tinggi. Ini adalah satu penghormatan bagi Projek Ikan Pusu kerana dua pemain kami dipilih.

Lebih 250 pemain daripada peringkat umur lima hingga 18 tahun berdaftar dengan PIP. Sejak penubuhannya, pemain-pemain PIP dari dulu hingga sekarang telah banyak mewakili negara dalam kejohanan-kejohanan bola sepak dalam juga luar negara, antaranya mewakili Skuad Sukan SEA, menyertai Liga Super DST dan Piala Hassanah Bolkiah (HBT).

Perlu kita tahu bahawa peringkat umur lima hingga 10 tahun ini adalah masa yang paling sesuai untuk melatih kanak-kanak bermain bola sepak. Ini kerana, mereka akan mempunyai kelebihan untuk lebih banyak belajar dan mengetahui teknik-teknik permainan berbanding jika mereka baru bermula daripada umur 12 tahun.

Aksi Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 ditangguh ke tahun depan

KUALA LUMPUR, 12 Ogos. - Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) mengesahkan semua aksi kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 yang dijadual Oktober dan November ini ditangguhkan ke tahun depan susulan penularan wabak COVID-19.

AFC, menerusi kenyataan ringkas di laman rasminya hari ini, berkata keputusan oleh dua badan bola sepak itu diambil bagi melindungi kesihatan dan keselamatan semua pihak yang terlibat dalam perlawanan kelayakan tersebut.

"FIFA dan AFC akan terus bekerjasama untuk memantau

situasi tersebut di rantau ini dengan teliti serta mengenal pasti tarikh baharu untuk perlawanan kelayakan masing-masing," katanya.

AFC menjelaskan tarikh baharu bagi aksi kelayakan itu akan dimaklumkan kelak.

Tindakan menunda aksi kelayakan adalah kali kedua diputuskan oleh FIFA dan AFC sejak pandemik itu Mac lalu.

Keputusan penundaan itu membabitkan aksi Malaysia dalam Kumpulan G yang sebelum ini dijadual berdepan Emiriah Arab Bersatu (UAE) di tempat lawan, 8 Okt. ini, Vietnam di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini (13 Okt.) sebelum melengkapkan jadual

menentang Thailand di Bangkok, 17 Nov ini.

Malaysia kini berada di tangga kedua kumpulan pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 dengan mengumpul sembilan mata selepas mengharungi lima daripada keseluruhan lapan aksi kumpulan.

Hanya UAE yang berada di tangga keempat dengan enam mata memiliki kelebihan satu aksi sementara pendahulu, Vietnam dengan 11 mata diikuti Thailand pada kedudukan ketiga (lapan mata) dan Indonesia tercorot tanpa sebarang mata. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PRODUK baja organik 'Potilizer' hasil daripada mahasiswa Tahun 2, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA Berjaya memenangi Anugerah Platinum dan Pingat Emas bagi kategori Social Science B pada Pertandingan Inovasi Maya (Virtual Innovation Competition - VIC) 2020. Produk yang dihasilkan adalah baja yang diperbuat daripada kulit pisang, air mineral, sedikit tumbuh-tumbuhan dan Nitrogen, Phosphorus dan Potassium (NPK).

Vic2020 dianjurkan oleh Information Scientists (AIS); Digital Information Interest Group (DIGIT); Research, Industry & Alumni Division, Universiti Teknologi Mara Kelantan, Malaysia; dan Society of Information System Management (SiSMA).

Sumber : Pelita Brunei, Rabu, 4 Julai 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HINDAR DIRI DARIPADA MELAKUKAN PERKARA DENGAN TUJUAN UNTUK DISANJUNGI, DIHARGAI

دتریبکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam